

Bil. 17

**Selasa
21 Jun 2016**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 28)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016	(Halaman 28)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Datuk SA. Vigneswaran (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. “ Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim (Dilantik)
4. “ Tan Sri Dato’ Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
5. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
6. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
7. “ Dato’ Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
9. “ Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki (Dilantik)
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
10. “ Puan Azizah binti Harun (Dilantik)
11. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
12. “ Datuk Seri Boon Som A/L Inong (Dilantik)
13. “ Dato’ Chai Kim Sen (Dilantik)
14. “ Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah (Selangor)(LS)
15. “ Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik)
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
16. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
17. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
18. “ Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
19. “ Dato’ Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
20. “ Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
21. “ Dato’ Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
22. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
23. “ Dato’ Hoh Khai Mun (Pahang)
24. “ Dato’ Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
25. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
26. “ Tuan Isa bin Ab Hamid (Dilantik)
27. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)(LS)
28. “ Dato’ Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
29. “ Dato’ Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
30. “ Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya (Sabah)
31. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
32. “ Dato’ Sri Khairudin bin ES Samad (Dilantik)
33. “ Datuk Koh Chin Han (Melaka)

34. Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong (Perak)
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
35. " Datuk Lihan Jok (Sarawak)
36. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan (Dilantik)
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
37. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
38. " Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
39. " Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak
(Dilantik) - *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
40. " Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Oмарdin
(Dilantik)
41. " Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
42. " Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
43. " Prof.Dr. Mohd Nor bin Haji R.M. Monutty (Selangor)
44. " Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
45. " Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
46. " Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
47. " Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
48. " Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
49. " Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
50. " Datuk Paul Low Seng Kuan (Dilantik)
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
51. " Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
52. " Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
53. " Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
54. " Puan Shanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
55. " Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
56. " Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
57. " Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
58. " Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
59. " Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
60. " Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
61. " Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
62. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
63. " Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara
Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

-

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi
Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Suriyani binti Mohd. Noh
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 21Jun 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Selamat pagi dan salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum kita memulakan pertanyaan jawab lisan, hari ini Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas sila berikan nama. Sekarang soalan nombor 1, Datuk Dr. Lucas Umbul.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Selamat pagi dan salam sejahtera, salam 1Malaysia, sehati sejiwa. Kepada Yang di-Pertua dan rakan-rakan Dewan Negara. Sebelum pergi jauh saya dan parti saya Pertubuhan Pasokmumogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) ingin menzahirkan syabas dan tahniah kepada Barisan Nasional atas kemenangan PRK di Sungai Besar dan Kuala Kangsar baru-baru ini. Keduanya juga Tuan Yang di-Pertua, kami dari Parti UPKO ingin mengucapkan selamat menjalankan ibadah puasa pada bulan Ramadhan yang mulia ini kepada rakan-rakan yang beragama Islam dalam Dewan Negara dan pemimpin-pemimpin di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua saya kemukakan soalan nombor 1.

1. Datuk Dr. Lucas bin Umbul minta Menteri Kewangan menyatakan, usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian bagi membendung masalah Mesin Pengeluaran Wang Automatik (ATM) disamun dan diletupkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan wang secara mudah.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Bank Negara Malaysia (BNM), institut-institut kewangan bersama dengan Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia dan Polis Diraja Malaysia secara berterusan berusaha untuk meningkatkan sistem kawalan dan keselamatan ATM untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pelanggan sentiasa terjamin. Ini juga termasuk pertukaran maklumat tentang lokasi-lokasi ATM yang berisiko tinggi, data dan statistik terbaru, teknik atau modus operandi penjenayah serta tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa.

Sehubungan itu langkah-langkah keselamatan yang bersifat mencegah, mengesan dan mengawal telah diambil oleh institusi-institusi kewangan seperti berikut. Pertamanya langkah-langkah mencegah, *preventive measures*, dengan izin. ATM yang dibeli dan dipasang oleh institusi-institusi kewangan perlu memenuhi standard minimum antarabangsa yang memastikan bahawa ATM tersebut kebal daripada percubaan untuk membuka pintu ATM secara paksaan serta mempunyai daya tahan yang tinggi.

Langkah keselamatan bagi mengelak ATM daripada dialih oleh penceroboh, kawalan keselamatan di kawasan berisiko tinggi oleh pengawal keselamatan dan untuk unit tertentu terdapat unit rondaan bergerak perlu digunakan untuk mengawasi ATM luar premis yang tertentu oleh syarikat keselamatan yang dilantik oleh institusi-institusi kewangan.

Daripada segi langkah-langkah mengesan, *detective measures*, dengan izin, institusi-institusi kewangan telah:

- (i) memasang kamera litar tertutup CCTV untuk meningkatkan tahap keselamatan penggunaan mesin ATM;
- (ii) pengawasan CCTV dari jarak jauh melalui *remote status monitoring* bagi mengesan pencerobohan mesin ATM dengan lebih berkesan; dan
- (iii) memasang sistem penggera yang disambung terus kepada *central monitoring system* supaya tindakan awal dapat diambil sekiranya berlaku pencerobohan.

Untuk langkah-langkah mengawal, penyemakan semula khususnya terhadap lokasi-lokasi ATM di kawasan berisiko tinggi dan memindah ATM dari kawasan berisiko tinggi ke kawasan yang lebih selamat. Selain itu, semakan dengan pihak berkuasa bagi mengenal pasti lokasi yang lebih selamat untuk menempatkan ATM. Langkah-langkah keselamatan ini kerap dikaji dan diperkukuhkan oleh institusi-institusi kewangan bagi memastikan langkah-langkah tersebut kekal berkesan dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu sebagai langkah tambahan, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan penggunaan alat perlindungan mata wang, *currency protection device*, dengan izin, pada 2013 bagi mencegah rompakan mesin ATM. Alat perlindungan mata wang ini merupakan alternatif yang menggunakan teknologi dakwat kekal dan dipasang di dalam mesin ATM. Sekiranya mesin ini diceroboh, kartrij dakwat tersebut akan meletus menyebabkan wang kertas di dalam mesin ATM menjadi kotor dengan kesan warna gelap bagi memudahkan ia dikenal pasti sebagai wang yang dicuri. Terdapat institusi-institusi kewangan telah mula mengambil langkah untuk memasang sistem perlindungan mata wang ini pada mesin ATM mereka yang diletakkan di kawasan yang dikenal pasti sebagai berisiko tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang amat komprehensif. Soalan tambahan saya, seperti yang kita maklum bahawa kesalahan cuba merompak mesin ATM disiasat mengikut seksyen 379/511 dalam Kanun Keseksaan dan boleh dihukum penjara sehingga tujuh tahun atau didenda keduanya sekali.

■1010

Manakala dalam seksyen 395/397, sekiranya ada berlaku rompakan bersenjata di bank, maka maksimum penjara 20 tahun. Adakah kerajaan bersedia mengkaji semula hukuman bagi kesalahan cubaan merompak mesin ATM kepada hukuman yang lebih berat dan keduanya, siapakah sebenarnya betul-betul bertanggungjawab ke atas mesin ATM ini? Ini disebabkan rancangan pemasangan, perolehan, pentadbiran dan pengurusan melibatkan beberapa buah jabatan dan ramai individu.

Ketirisan maklumat boleh berlaku di mana-mana jabatan, tempat dan oleh individu tanpa mereka menyedari. Kerap kali berlaku satu kejadian rompakan ATM, maka pihak keselamatan yang akan dipersalahkan. Saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat atas cadangan untuk meningkatkan daripada segi penalti atau hukuman. Itu sentiasa dikaji oleh pihak kementerian. Akan tetapi pada masa sekarang tiada inisiatif sebegini kerana kita sedia maklum untuk kes-kes khususnya rompakan mesin ATM ini, ia mendapat publisiti yang tinggi. Akan tetapi kalau kita melihat jumlah statistik daripada segi jumlah ATM mesin yang sedia ada, pada masa sekarang terdapat 12,000 di seluruh negara. Namun, dari tahun 2011 hingga Mei 2016, hanya terdapat 68 kes sahaja.

Maka daripada segi statistik, ia adalah kurang daripada 1 peratus pun. Oleh itu, disebabkan media massa punya *coverage*, maka ramai orang mempunyai tanggapan salah kes ini kerap berlaku tetapi pada halnya, selepas langkah-langkah dijalankan, kes ini sebenarnya tidak begitu berleluasa. Daripada segi untuk pengendalian kes-kes ATM ini, ia adalah di bawah pihak bank kerana kos dan sebagainya adalah ditanggung oleh bank sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan setakat mesin ATM yang disamun, malah berlaku banyak kes pengguna ATM ini yang disamun. Tambah-tambah lagi sekiranya ada mesin ATM dan dalam masa yang sama ada juga *cash deposit machine*.

Jadi, bagi memastikan keselamatan pengguna dan keyakinan pengguna ke atas keselamatan mereka ketika mengguna ATM dan *cash deposit machine* ini, adakah diwajibkan pihak bank menyediakan pengawal keselamatan 24 jam bagi mengawal di lokasi-lokasi yang sering berlaku kes-kes samun pengguna di mesin-mesin ini. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Pada masa sekarang, daripada segi semua langkah keselamatan, ia adalah bergantung khususnya kepada pihak bank. Akan tetapi pihak bank juga sentiasa meningkatkan daripada segi tahap keselamatan kerana mereka juga tidak ingin mempunyai imej yang buruk yang akan menjejaskan perniagaan mereka. Maka pada masa sekarang, tiada daripada segi kewajipan untuk memastikan pihak bank perlu mengadakan pengawal tetapi kita melihat bahawa trend yang mana *cash deposit machine* dan ATM terletak banyak di *petrol station* kerana lebih ramai orang pergi dan ini daripada segi secara tidak langsung juga menjamin daripada segi keselamatan pengguna.

Untuk statistik yang berapa telah disamun, saya tiada kerana ini mungkin di bawah pihak Polis Diraja Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Zali.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya masih lagi berkenaan dengan mesin ATM tetapi ini bukan soal keselamatan. Masalahnya ialah mesin ATM, kalau kita lihat, contohnya mesin deposit tunai, kalau saya pergi dekat CIMB contoh, apabila hendak *bank in* duit, terpaksa memakan masa yang begitu lama kerana ada sesetengah mesin ATM ini yang tak boleh menerima duit kita, not RM50 ataupun RM100 yang menyebabkan terpaksa berlaku *queue* yang panjang. Ini juga mendatangkan masalah kepada orang ramai termasuklah mesin ATM Maybank, CIMB. Akan tetapi yang paling *excellent*, cemerlang sekali ialah mesin ATM HSBC. Saya ingat ramai yang menggunakan kad kredit HSBC.

Jadi kalau kita pergi dekat mesin ATM HSBC, cepat. Sekali sahaja dia terus menerima duit kita untuk deposit tunai. Jadi soalan saya ialah, adakah mesin ATM ini juga mempunyai *double standard*, yang ada mesin yang baik, kualitinya tinggi dan ada yang sederhana, langsung *low class*. Kita masuk duit banyak kali, terpaksa kita berulang sehinggakan tak ada duit langsung di dalam poket kita, terpaksa pinjam daripada orang belakang. Jadi saya inginkan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Saya ingat masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat Senator saya akan sampaikan kepada bank-bank tersebut kerana khususnya untuk bayaran, saya ingat setiap bank pun ingin terima bayaran.

Maka itu sesuatu yang saya dengar ini pertama kali, mungkin saya akan sampaikan isu ini supaya dikaji semula sama ada mungkin daripada segi *software* kerana macam ATM, dia ada dua jenis sahaja. Maka untuk *cash deposit machine*, dengan izin, ia kebanyakannya perlu memenuhi taraf antarabangsa. Ia tidak boleh direka bentuk oleh bank sendiri kerana ia perlu menepati piawaian-piawaian keselamatan untuk memastikan tiada kes diingini berlaku. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, telitilah perkara ini secara terperinci kerana belakang Yang Berhormat Senator Datuk Zali ini tak ada orang, kalau dia minta wang [*Ketawa*]

2. Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, apa langkah-langkah yang telah diambil untuk menjadikan industri perkhidmatan sebagai sumber pendapatan negara, memandangkan peningkatan industri ini yang agak baik sejak akhir-akhir ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, sektor perkhidmatan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Sektor ini berkembang pada kadar 6.3 peratus setahun dan menyumbang sebanyak 53 peratus kepada KDNK. Sektor perkhidmatan ini juga kekal sebagai penjana utama pekerjaan di mana tenaga kerja dalam sektor ini dianggarkan berjumlah 8.4 juta atau 60.9 peratus daripada jumlah guna tenaga negara. Selain itu, eksport perkhidmatan juga telah meningkat pada kadar 4 peratus setahun dan menyumbang sebanyak 18 peratus kepada jumlah eksport sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, perkembangan sektor perkhidmatan akan berpandukan kepada *blueprint* sektor perkhidmatan yang bermatlamat meningkatkan potensi dan mentransformasikan sektor ini kepada sektor berinsentif pengetahuan dan inovasi. Pelaksanaan *blueprint* ini melibatkan 29 buah pelan tindakan yang telah dikenal pasti. Sektor ini dijangka berkembang pada kadar 6.3 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas. Sektor ini dijangka akan menyumbang 56.5 peratus kepada KDNK dan menggaji 9.6 juta orang pekerja menjelang tahun 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lima strategi untuk membangunkan sektor perkhidmatan yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas ini bagi mencapai sasaran yang telah saya nyatakan tadi adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan persekitaran yang dinamik untuk perkhidmatan berintensif pengetahuan dengan memperkasa pembangunan modal insan serta meningkatkan penggunaan teknologi dan R&D;
- (ii) memantapkan tadbir urus secara komprehensif dan bersepadu melalui pengukuhan kerjasama dan penyelarasan dalam kalangan pihak berkepentingan serta memodenkan kawal selia;
- (iii) mempergiatkan pengantarabangsaan dengan membantu syarikat untuk mengeksport perkhidmatan melalui peningkatan akses kepada pembiayaan, kemahiran pekerja dan risikan pasaran;
- (iv) memperkukuh pengurusan insentif pelaburan melalui penyediaan program insentif yang lebih berkesan, telus dan berasaskan prestasi; dan
- (v) mempertingkatkan pertumbuhan subsektor perkhidmatan moden seperti industri halal, kewangan Islam, teknologi maklumat dan komunikasi, minyak dan gas, penjagaan kesihatan swasta, pendidikan tinggi swasta, ekopelancongan dan perkhidmatan profesional.

Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberikan kepada pembangunan sub sektor dan industri perkhidmatan moden yang boleh diperdagangkan, mempunyai intensiti pengetahuan yang tinggi, berpotensi untuk menjana pekerjaan berpendapatan tinggi serta mempunyai rantaian yang kukuh dengan sektor ekonomi lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi.

■1020

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam, Yang Berhormat, saya bertanya soalan berhubung dengan PETRONAS *station* untuk membantu orang-orang kampung menjual produk-produk mereka. Saya sebut dodol semalam. Ramai yang keluar di luar bertanya kepada saya bab dodol. *Insyah-Allah* dodol akan sampai dari Kedah. Pukul 11 kita akan *start distribute*. Itu bukan soalan saya, Yang Berhormat.

Soalan saya, kalau kita tengok industri perkhidmatan ini, kalau kita tengok di *Europe* sendiri, telah pun mengatasi industri ataupun sektor SME. Sudah jadi nombor satu di *Europe*. Kalau di England itu, *education*, dengan izin. Pembelajaran. Kalau di *Singapore* itu perbankan. *The banking system* telah pun dinaikkan imej di sana. Kalau kita tengok di Switzerland daripada segi pelancongannya. Kalau kita tengok di Malaysia ini, masih lagi kita di tahap yang agak rendah sama ada daripada segi pelancongan ataupun daripada segi lain-lain perkhidmatannya. Apa yang saya nampak yang menjadi masalah ialah buruh kita. Masalah guna tenaga manusia ini. Sekarang ini kalau kita pergi di hotel-hotel sekalipun kita mendapati masih belum selesai lagi masalah yang kita sebut bahawa mereka ini yang kadang-kadang tidak pandai berbahasa Malaysia dan tidak pandai berbahasa Inggeris. Ini yang menyebabkan kita menjadi satu masalah kepada negara kita.

Jadi saya hendak bertanya. Soalan saya nombor satu, adakah pihak kementerian akan membantu atau memberi lebih insentif kepada industri-industri yang saya sebutkan tadi. Contohnya pelancongan. Kedua, apakah tindakan kerajaan untuk membantu industri ini daripada segi buruh-buruh yang kita katakan tadi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Ibrahim: Sektor ini ataupun persoalan ini panjang sebenarnya kalau kita hendak cerita. Akan tetapi saya setuju. Kalau kita tengok kepada negara-negara di *Europe* ataupun Singapura. Sektor ini berkembang ataupun peratus melebihi 70 peratus. Sebab itu kita di negara kita akan terus mempertingkatkan dan kita harap kita akan capai perkembangan ini seperti negara-negara maju yang lain.

Kedua, juga betul. Yang Berhormat banyak baca. Memang sektor perkhidmatan berasaskan besarnya kepada guna tenaga. Sebab itu kemahiran ini satu perkara yang kita akan beri penekanan. Buat masa dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Contoh kita ambil dalam pembinaan. Kita kata CIDB yang akan melihat daripada segi *service sector*, keupayaan pengetahuan, ini contohnya. Kewangan kita ada Bank Negara sebagai badan yang akan menjaga kawal selia.

Kita juga akan menitik beratkan soal pemberian latihan terutama kepada mahasiswa ataupun siswazah kita, bagaimana mereka dapat pengalaman ataupun maklumat untuk memajukan potensi diri mereka. Ini salah satu penekanan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, dan juga daripada segi bantuan kalau kita tengok. Kita ada dua. Kalau untuk *service sector*. Sektor perkhidmatan yang kita eksport. Dana ini diletakkan di bawah MITI. MITI akan menyelia untuk membantu. Saya rasa MITI mungkin boleh memberi lebih *detail*. Biasanya *service sector* yang terlibat untuk eksport, mereka selalu duduk bersama dengan MATRADE bagi meningkatkan potensi yang dinyatakan tadi.

Kedua, kalau bagi sektor-sektor dalam negara, kita ada peruntukan khas di mana kerajaan menyediakan RM5 bilion untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas bagi dimohon oleh rakyat kita yang bertujuan untuk meningkatkan potensi pekerja dalam bidang perkhidmatan ini seperti yang Yang Berhormat nyatakan tadi. Terima kasih.

3. Datuk Koh Chin Han minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apa status terkini dengan perkembangan aplikasi Sistem Data Bank Perumahan (TEDUH) dan mengapa sistem tersebut hanya tertumpu kepada tiga buah negeri sahaja tetapi tidak meliputi seluruh negara.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han atas persoalan yang dikemukakan yang berkaitan dengan Sistem Bank Data Perumahan Negara ataupun kita sebut secara ringkasnya, secara komersialnya kemudian sebagai TEDUH.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han, TEDUH merupakan satu sistem, yang sedang dibangunkan, Yang Berhormat, belum lagi selesai dibangunkan. Sedang dibangunkan, sedang dalam proses untuk kita selesaikan segala perancangan pembangunan dalam sistem ini dan ia dibangunkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjadi sebuah gerbang utama pengumpulan pelbagai data perumahan di negara ini termasuklah di Sabah dan juga di Sarawak. TEDUH ini Tuan Yang di-Pertua, dibangunkan dengan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan juga semua pemaju swasta.

Sebagai makluman kepada Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han, keputusan ini telah pun dipersetujui, dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara bertarikh 13 Februari 2014 dan konsultasi bersama dengan semua kerajaan negeri telah pun diselesaikan berkaitan dengan input yang perlu diterima untuk kita masukkan dalam sistem TEDUH ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem TEDUH ini terdapat dua output utama yang boleh diakses oleh rakyat apabila siap nanti iaitu melalui portal dan juga *mobile aps*. Antara modul utama TEDUH yang boleh diperolehi oleh rakyat apabila disiapkan di dalam kedua-dua output tersebut adalah seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua. Ini maklumat-maklumat yang akan ada dalam sistem TEDUH ini:

- (i) modul projek perumahan awam yang disediakan oleh agensi-agens persekutuan dan juga kerajaan negeri;
- (ii) modul permohonan projek perumahan awam secara *online*;
- (iii) modul projek perumahan swasta dan juga badan-badan berkanun; dan
- (iv) modul kuota bumiputera kerana pada masa ini, modul kuota bumiputera ini sedang dibangunkan.
- (v) modul status penyiapan projek perumahan oleh pemaju-pemaju swasta;
- (vi) modul penilaian prestasi pemaju-pemaju swasta di negara kita ini termasuklah penyenaaran pemaju yang di senarai hitam, mempunyai projek sakit ataupun projek lewat yang dinilai berasaskan kepada pematuhan pemaju kepada Akta 118; dan
- (vii) modul *dashboard* iaitu bagi penggunaan pengguna dan pengurusan yang akan memaparkan pelbagai statistik kepada rakyat dan juga kepada agensi kerajaan.

Menjawab kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Koh, kenapakah tiga buah negeri? Kita mulakan dengan tiga buah negeri dulu iaitu Johor, Selangor dan Pahang dan kemudian akan diperluaskan kepada negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kenapakah KPKT hendak bangunkan TEDUH ini? Antara sebab kenapa Kementerian mengambil inisiatif untuk membangunkan sistem TEDUH ini, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, pada masa ini terdapat pelbagai jenis sistem perumahan yang disediakan oleh pelbagai agensi yang ada.

Dengan PR1MA, SPNB, dengan yang lain-lain termasuk yang dibangunkan oleh Kementerian-kementerian selain daripada kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat dalam penyediaan perumahan awam di negara ini dan masing-masing bertindak secara solo. Masing-masing.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, *One-Stop Center on Housing* ini diperlukan dan diletakkan dalam satu sistem baru yang dinamakan sebagai TEDUH dan diperlukan bagi memudahkan semua pembeli yang berhasrat untuk membeli rumah terutama kepada pembeli rumah pertama untuk mendapat akses pelbagai jenis maklumat berkaitan dengan perumahan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan, pemaju swasta dan juga kerajaan-kerajaan negeri.

Kedua, untuk mempermudah pembeli yang ingin memohon ataupun yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan dengan mana-mana projek perumahan awam di mana rakyat tidak perlu lagi untuk melayari pelbagai laman-laman web mengikut kepada agensi-agensi dan juga kementerian-kementerian dan juga kerajaan-kerajaan negeri untuk mengetahui apakah program perumahan awam yang dibangunkan oleh kerajaan-kerajaan negeri ataupun agensi dan sebagainya.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan maklumat berkaitan dengan projek perumahan yang sedang dibangunkan oleh pemaju-pemaju swasta dan juga status kepada projek yang dibangunkan oleh pemaju swasta sama ada ia mengikut jadual, lewat ataupun sakit. Secara tidak langsung pembeli akan dapat untuk memantau unit-unit rumah yang dibeli melalui mana-mana pemaju untuk mendapat maklumat yang terkini berkaitan dengan status unit rumah yang dibeli oleh pembeli.

■1030

Semua maklumat ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh diperolehi melalui sistem TEDUH dan pembeli tidak perlu lagi bergantung kepada sumber-sumber lain yang kadang-kadang memberikan maklumat yang kurang tepat.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, juga melihat kepada pematuhan supaya kita dapat menentukan pemaju-pemaju swasta patuh kepada Akta 118 yang akan dinilai melalui penyerahan laporan fizikal dan juga kewangan projek perumahan dan maklumat ini juga akan dipaparkan dalam TEDUH. Maklumat ini, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat membantu pembeli untuk melihat kepada prestasi pemaju sebelum mereka membuat sesuatu pemilihan ataupun sebelum mereka membuat sesuatu pembelian ke atas sesuatu unit dalam sesuatu projek pemajuan yang dibangunkan oleh mana-mana pemaju perumahan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, pembeli perlu dihebahkan dengan bilangan unit kuota bumiputera kerana kita tahu ada di antara pemaju-pemaju ini apabila ada kuota-kuota bumiputera dan apabila bumiputera nak beli kuota bumiputera, kadang-kadang mereka kata sudah habis, sudah selesai, sudah tidak ada.

Jadi dengan portal atau dengan *apps*, dengan sistem TEDUH yang dibangunkan ini, pembeli akan dapat maklumat tentang bilangan unit kuota bumiputera yang disediakan oleh pemaju swasta dalam sesuatu projek. Hebahan mengenai penjualan unit kuota bumiputera ini juga akan dibuat sebagai maklumat kepada pembeli-pembeli yang mahu membeli mana-mana unit kuota bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila bagi peluang untuk soalan tambahan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Saya ada lagi satu rangkap lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Saya jawab ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya Yang Berhormat Senator Datuk Koh sudah tidak ada apa nak tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey [*Ketawa*]

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Jadi sudah boleh beralih kepada soalan nombor 4, selepas itu.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Koh bertanya dengan saya, apakah status TEDUH ini sekarang? Ini baru nak masuk status kerana tadi menjawab kepada semua persoalan yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Koh. Sekarang saya nak jawab apa statusnya.

Statusnya, Tuan Yang di-Pertua, pembangunan TEDUH ini melibatkan beberapa fasa. Fasa pertama sudah selesai, kita sudah mulakan pada bulan Ogos 2015. Sekarang ini kita dalam mengintegrasikan sistem dalaman di KPKT ke dalam sistem TEDUH dan sedang dilaksanakan. Setelah selesai fasa ini, Tuan Yang di-Pertua, maka pengintegrasian sistem-sistem perumahan di peringkat agensi persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun, semuanya akan dimulakan pada fasa yang kedua. Bila akan mula dapat diakses oleh rakyat dan pengguna serta pembeli, Yang Berhormat Senator? *Insyah-Allah*, pada tahun 2017. Terima kasih.

Datuk Koh Chin Han: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Menteri yang menjawab cuba untuk menjawab pula seluruh soalan tambahan saya padahal saya ingatkan jawapan Menteri telah menjawab sebahagian daripada soalan tambahan saya. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya juga kepada Menteri, bagaimana kementerian hendak meningkatkan pencapaian rakyat yang tidak *tech-savvy*, dengan izin, mengenai inisiatif dan kesedaran tentang perumahan awam? Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya jawab panjang, Tuan Yang di-Pertua. Persoalan Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han tadi telah saya jawab dalam jawapan saya. Kalau ada Yang Berhormat *miss*, esok tengok *Hansard*. Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana kerjasama yang diberikan oleh kerajaan-kerajaan negeri, pemaju-pemaju perumahan, majlis-majlis tempatan dalam hal ini? Ini satu projek yang sangat baik yang diusahakan oleh kerajaan dan seharusnya kita menyokong.

Maksud saya, katalah esok tahun 2017 saya ingin membeli satu unit rumah kedai di Kota Kinabalu, saya boleh masuk dalam aplikasi laman web TEDUH dan saya boleh dapat maklumat yang lengkap. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid ini bekas Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor. Selepas beliau keluar, saya pula masuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid. Bagaimanakah kerjasama yang diberikan oleh kerajaan-kerajaan negeri? Pada peringkat awal itu ada masalah sedikitlah. Yang Berhormat Dr. Ariffin fahamlah. Pada peringkat awal itu ada masalah sedikit.

Akan tetapi sudah kemudian ini, apabila ditubuhkan, bagaimanakah kita memantau kerjasama dan juga bagaimana kita memantau keputusan-keputusan yang telah dibuat yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri? Ini termasuklah apabila kita membuat keputusan bersama iaitu rumah mampu milik adalah pada kadar harga RM300,000 ke bawah. Pada peringkat awal ada kerajaan negeri yang tidak bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Kemudian apabila diadakan konsultasi dan sebagainya, akhirnya mereka bersetuju.

Bagaimanakah kita satukan pemikiran dan juga usaha yang boleh dijalankan dengan kerajaan-kerajaan negeri? Pertama, kita wujudkan Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Majlis Perumahan Negara ini, Tuan Yang di-Pertua, semua agensi perumahan termasuklah SHARED, REHDA dan SHEDA, ini persatuan-persatuan pemaju, semua duduk dalam berserta dengan wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan dan sebagainya.

Kedua ialah Jawatankuasa Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri. Dalam Jawatankuasa Perumahan Negara ini, Tuan Yang di-Pertua, semua wakil kerajaan negeri ada dalam Jawatankuasa Perumahan Negara. Kepada mana-mana kertas, mana-mana perkara yang mahu diangkat kepada Majlis Perumahan Negara, Tuan Yang di-Pertua, akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri. Konsultasi dibuat di situ juga sebelum diangkat kertas itu untuk dijadikan keputusan kepada Majlis Perumahan Negara.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mekanisme yang ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Arahan Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh saya sendiri dan dianggotai oleh semua Exco Perumahan kerajaan-kerajaan negeri termasuklah Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masalah apabila kita membincangkan soal yang melibatkan rakyat iaitu untuk menyediakan perumahan mampu milik bagi rakyat Malaysia yang ada.

Setakat ini, Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid, kita tidak menghadapi apa-apa masalah kerana persetujuan secara bersama selepas diberikan penjelasan dan sebagainya, justifikasi kenapa sesuatu keputusan itu perlu dibuat oleh kerajaan, maka akhirnya semua kerajaan negeri terima. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada semua kerajaan negeri kerana telah pun memberikan kerjasama yang baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, perumahan dan pendidikan adalah antara perkara yang paling asas dalam kehidupan kita. Jika kita lihat dalam negara kita, kita bertuah kerana, pertamanya, isu pendidikan sama ada daripada pendidikan rendah hinggalah ke peringkat tinggi, isu pembayaran bagi pendidikan tiada masalah. Wujudnya pinjaman pelajaran dan juga biasiswa. Jika kita mahu membuat pinjaman PTPTN khasnya, kita diwajibkan untuk membuka akaun SSPN. Akan tetapi, kalau kita lihat dalam isu perumahan, kita masih belum ada satu sistem yang akan memudahkan atau menjamin anak-anak kita ataupun golongan muda bagi mendapatkan pinjaman perumahan.

Oleh itu soalan tambahan saya, dalam usaha memastikan setiap rakyat di negara ini dapat memiliki rumah khasnya generasi 'Y' dan generasi 'Z' nanti, adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan sebuah Tabung Perumahan Negara yang mana ia dikawal selia sepenuhnya oleh kerajaan yang akan menyediakan kemudahan pinjaman perumahan khasnya kepada pembeli rumah pertama yang terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah B40 dan mereka yang berpendapatan sederhana M40? Sekian, terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sedang melihat kepada usaha ini. Yang Berhormat Menteri telah pun mencadangkan pelbagai cadangan dan pihak kementerian sedang membuat usaha dan juga untuk menimbangkan cadangan-cadangan yang telah pun dikemukakan.

■1040

Akan tetapi dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Chin, di bawah Kementerian Kewangan ada disediakan satu lagi kemudahan pinjaman bagi mana-mana warganegara Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas yang tidak ada pendapatan tetap ataupun tidak ada *pay slip* seperti peniaga kecil, petani, pemandu teksi, nelayan dan sebagainya bagi mana-mana pembelian rumah pertama. Tuan Yang di-Pertua, ini akan dapat berupaya untuk memberikan pinjaman kepada mereka. Jadi kalau ada di antara masyarakat dalam kawasan Yang Berhormat Senator Datuk Chin perlukan bantuan seperti ini kepada mereka yang tidak ada pendapatan tetap maka boleh gunakan skim yang di bawah kemudahan yang dibangunkan oleh Kementerian Kewangan ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, di bawah kementerian saya, kita ada dua lagi kemudahan yang diwujudkan oleh kementerian. Pertama, di bawah Skim *MyHome*. Skim *MyHome* ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyediakan geran sebanyak RM30,000 untuk diberikan kepada mana-mana pembeli rumah pertama yang berpendapatan antara RM3,000 sehingga RM6,000, itu yang pertama. Keduanya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah pun menyediakan peruntukan sebanyak RM200 juta di bawah skim *MyDeposit* iaitu kita memberikan geran sebanyak 10 peratus daripada nilai harga rumah yang berharga RM500,000 ke bawah dan maksimum RM30,000 kepada mana-mana pembeli rumah pertama.

Jadi kepada mana-mana pembeli yang berhasrat untuk membeli dalam pada kita sedang menyediakan satu kemudahan yang mungkin berupa seperti bank perumahan dan sebagainya, jadi ini adalah antara skim yang telah pun disediakan yang boleh dinikmati oleh pembeli-pembeli bagi pembeli-pembeli rumah pertama. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita alih kepada soalan nombor 5. Oh, Yang Berhormat Tan Sri Nalla dah balik dari Kuala Kangsar? Soalan nombor 4, Yang Berhormat Tan Sri Nalla.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua duduk sana boleh nampak sama saya tetapi soalan sudah *jump* nombor 5, saya nombor 4. Selamat pagi 'Tan Sri' Yang di-Pertua- Datuk Seri Yang di-Pertua. Akan datang. Soalan saya nombor 4.

4. Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk memastikan peniaga yang benar-benar layak sahaja mendapat tapak berniaga di Bazar Ramadhan bawah kelolaan DBKL menjelang bulan Ramadhan ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menetapkan syarat-syarat permohonan seperti warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas, beragama Islam, mempunyai lesen penjaja yang sah tempohnya dikeluarkan oleh DBKL dan seorang pemohon boleh memohon satu petak bazar Ramadhan sahaja. Terdapat juga kawasan yang dianjurkan oleh persatuan NGO dan beberapa syarat permohonan yang ditetapkan serta perlu dipatuhi adalah seperti berikut, salinan pendaftaran pertubuhan persatuan, pertubuhan NGO hendaklah berdaftar dengan ROB, ROC, ROS atau mana-mana badan agensi kerajaan atau yang diiktiraf oleh kerajaan dan memohon lokasi selain daripada kawasan undi kawasan sekitarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga menggunakan sistem pendaftaran *e-license* yang dibangunkan secara *web based*. Sistem ini dapat mengawal dan mengesan permohonan secara berulang, serta pemohon yang telah disenaraihitamkan semasa pendaftaran dibuat melalui nombor kad pengenalan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tan Sri.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pelawat yang duduk atas, siapakah dan dari mana? Tuan Yang di-Pertua tak ada kasi kenal sama kita. Tidak apa, saya punya soalan tambahan. Nanti Tuan Yang di-Pertua boleh kasi tahu sama kita.

Soalan tambahan saya, apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang telah didapati memajakkan lesen tapak yang disediakan? Bagaimanakah untuk mengenal pasti mereka yang akan saban tahun menggunakan nama dia ketika untuk terus mendapatkan permit tapak ini? Saya tanya satu soalan sama Yang Berhormat Menteri, bila saya ada di Kuala Kangsar, dia orang tanya sama saya pasal apa tempat Ramadhan ini, kedai-kedai Ramadhan tak ada bagi untuk kaum India? Sini adakah bagi sini, di Wilayah Persekutuan? Tolong jawab. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Nalla. Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat lesen yang dikeluarkan seperti yang saya telah maklum tadi kita dapat kesan kalau mereka ini telah disenaraihitamkan. Kalau mereka membuat permohonan sekali lagi, sudah tentu dia tidak akan dapat lesen tetapi kalau mereka menggunakan pihak ketiga, maka lesen itu adalah diberi kepada pihak ketiga dan pihak ketiga itulah yang kena menjalankan perniagaan bukan pihak yang menggunakan lesen. Kalau kita dapati lesen ini digunakan oleh orang lain, maka lesen itu akan disita dan gerai itu juga akan disita bersama-sama.

Untuk soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, salah satu syarat daripada untuk lesen ini mereka ini mestilah beragama Islam. Kalau mereka ini adalah orang India keturunan Islam, kita berikan lesen kerana bazar Ramadhan ini dijanakan untuk membolehkan orang-orang Islam berniaga dalam masa perayaan supaya mereka dapat menambahbaikkan ekonomi mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Banyak orang ya. Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim Shah.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak DBKL yang membenarkan peniaga-peniaga berniaga pada bulan Ramadhan kerana kita tidak dapat menafikan ini membantu daripada segi pembangunan ekonomi mereka. Akan tetapi persoalan saya dan saya perhatikan terutama di kawasan Jalan Tunku Abdul Rahman, kita dapat melihat bazar-bazar Ramadhan tumbuh seperti cendawan selepas hujan sehingga menyebabkan kesesakan kepada lalu lintas. Saya diberitahu sama ada betul atau pun tidak, jumlah yang cukup besar peniaga-peniaga di Jalan Tunku Abdul Rahman peniaga bukan rakyat Malaysia bahkan dikatakan melebihi 70 peratus. Saya tahu sebab pejabat saya di situ, saya ulang-alik di situ.

Adakah benar peniaga-peniaga ini diberikan lesen secara terus bukan melalui *third party*, secara terus kepada mereka? Kalau betul, kalau benar, apakah syarat-syarat mereka dibenarkan untuk berniaga? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Yang Berhormat Tan Sri, saya dah banyak kali dalam Dewan ini menjawab soalan berkenaan dengan rakyat warga asing yang mempunyai lesen sah. Memang ini tidak akan berlaku di kawasan Kuala Lumpur atau mana-mana kerana warga asing tidak akan dapat lesen untuk berniaga lebih-lebih lagi dalam gerai ataupun di pasar-pasar Ramadhan kerana ini adalah khas dan khusus untuk warganegara Malaysia. Dia ada syarat-syarat dia dan mereka akan mengundi.

Kalau lesen-lesen ini didapati dipajakkan kepada warga asing, sudah tentu bila kita ketahui kita akan mengambil tindakan. Kita juga menjalankan pemantauan pada setiap hari untuk memastikan lesen-lesen ini dikendalikan oleh orang-orang yang memegang lesen ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini macam orang asing sudah jadi warganegara Malaysia, mungkin? Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Azizah.

Puan Azizah binti Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana membenarkan saya untuk bertanya soalan tambahan. Sesiapa yang berniaga di bazar Ramadhan ini sememangnya menjamin pulangan keuntungan yang sangat lumayan. Disebabkan keuntungan yang berlipat-ganda ini maka ia cenderung kepada penyelewengan dan rasuah hanya untuk mendapatkan tapak untuk berniaga. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memantau pergerakan permohonan tapak dan pemberian tapak daripada proses mula hingga ke akhir? Ini bagi memastikan keadilan bagi semua pihak. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Dari mula proses pemberian lesen ini dijalankan bertahap. Satu, tahap pertama adalah bila kita mendapat permohonan.

■1050

Lepas itu permohonan ini akan dikaji dan dilihat sama ada mereka memenuhi syarat-syarat permohonan. Selepas syarat-syarat permohonan ini dipenuhi, maka ada satu Jawatankuasa juga terlibat.

Jawatankuasa ini juga dianggotai oleh SPRM dan kita akan membuat keputusan sesiapa yang layak. Selepas itu kita akan buat pengundian di mana kita akan pilih petak-petak untuk yang berjaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi saya peluang. Okey, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri kerana memberi peluang kepada wanita-wanita, ibu-ibu tunggal khususnya yang meniaga di pasar-pasar Ramadhan oleh DBKL. Cuma persoalan saya, saya mempunyai beberapa orang ibu tunggal yang berniaga di situ dan membuat laporan kepada saya, baru semalam sebabnya saya membuat laluan di situ. Mereka ini diganggu oleh kumpulan-kumpulan yang minta kutipan tol. Jadi, mempunyai kumpulan yang macam gengsterisme yang pergi meminta kutipan tol kepada ibu-ibu tunggal ini dan mereka ini daripada kalangan wanita. Jadi, saya mohon pihak kementerian untuk melihat perkara ini dengan secara serius.

Keduanya, apabila saya lihat gerai-gerai itu, saya rasa sangat baik dan dengan memberi peluang yang baik khususnya kepada ibu-ibu tunggal tetapi malangnya daripada segi aspek keselamatan dan juga *booths* itu. Kalau boleh kita selaraskan *booth* itu. Mungkin kita buat secara *mobile booth* supaya ia kelihatan lebih cantik dan tidak mengganggu kesesakan lalu lintas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, memang Kerajaan Barisan Nasional merupakan sebuah kerajaan yang prihatin. Kita memang mendahulukan rakyat. Yang lainnya, saya akan mengambil maklum dan juga mengambil tindakan. Berkenaan dengan gengsterisme ini, kita akan membuat permintaan rondaan polis serta saya sendiri akan melihat bagaimana kita dapat menambahkan keadaan keselamatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah bagaimanakah kawalan tahap kesihatan terhadap semua pengendali makanan bagi peniaga bazar Ramadan? Saya faham, syarat biasanya ada menetapkan suntikan tetapi untuk bazar Ramadan yang pengendali makanan, adakah mereka diperlukan untuk mengambil suntikan itu juga jika gerai mereka mengendali makanan, menjual makanan? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Memang sudah tentu, kalau sesuatu tempat di mana makanan dikendalikan atau minuman dikendalikan, mereka terpaksa mendapatkan sijil kesihatan dari Jabatan Kesihatan DBKL ataupun daripada doktor menyatakan kesihatan mereka okey untuk mengendalikan makanan dan minuman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ini jawapan yang ringkas ini membolehkan kita untuk bertanya banyak soalan tambahan. Datuk Seri Syed Ibrahim.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya ada satu persoalan yang mana kami dapat lihat di kawasan Masjid India, banyak khemah yang dibekalkan oleh DBKL telah pun didirikan dan disewakan kepada peniaga-peniaga di situ. Akan tetapi khemah ini kecil tetapi sewaanannya RM10,000. Macam mana mereka boleh buat perniagaan macam ini? Bererti, dia akan tambahkan wang ini dalam harga barangan yang dia akan jual. So, barangan ini bukannya barang murah yang boleh dijual. So, saya tidak faham. Benda ini sudah lama berlaku. Kenapakah DBKL tidak mengawal suasana ini di situ? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri. Datuk Seri, kalau Datuk Seri dapat beri saya satu resit yang menunjukkan DBKL mengenakan bayaran RM10,000 satu buah tapak ini, saya bolehlah ambil tindakan. Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Seri, DBKL tidak mengenakan bayaran begitu tinggi. Saya tidak tahu di sini berapa harganya tetapi ia tidak melebihi RM1,000, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Tuan Yang di-Pertua, saya fikirkan. Dari punca mana yang jadikan begini? So, DBKL harus pantau benda ini. Mungkin ada orang yang ambilkan lesen tetapi *third party* yang buatkan dia punya kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Seri, bolehlah Yang Berhormat bincang dengan Yang Berhormat Menteri di luar.

5. **Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan:

- (a) sedarkah kementerian bahawa atlet negara ini mampu mencapai kejayaan semasa di peringkat remaja tetapi bakat mereka terkubur selepas memasuki menara gading demi melanjutkan pelajaran; dan
- (b) apakah langkah yang menjadikan institusi pengajian tinggi awam sebagai lubuk sukan mampu melahirkan atlet peringkat antarabangsa.

Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: *Assalamualaikum*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa komited dalam membangun dan membudayakan sukan di institusi pengajian tinggi ataupun IPT.

Bagi meningkatkan lagi bakat atlet pelajar, Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi telah digubal sejak tahun 2009 dan dijadikan panduan asas untuk membangunkan dan mengembangkan bakat-bakat pelajar. Sasaran awal dasar ini ialah untuk melahirkan 30% orang atlet negara daripada kalangan pelajar IPT seterusnya menjadikan mereka sebagai *the thinking athletes*, dengan izin, ataupun atlet yang hebat dalam bidang sukan dan juga dalam bidang akademik.

Untuk tujuan itu juga, 18 buah pusat sukan tumpuan untuk pembudayaan sukan telah disediakan, ditambah pula dengan sembilan buah pusat kecemerlangan sukan untuk pembangunan sukan berprestasi tinggi telah diadakan di dalam negara. Kementerian juga telah melaksanakan beberapa langkah termasuk memberi kemudahan laluan khas di mana pelajar-pelajar yang berpotensi tinggi melanjutkan pelajaran ke IPT dan juga meneruskan pemberian biasiswa. Di samping laluan khas saya katakan tadi, mereka juga diberi biasiswa sukan sebagai dorongan kepada mereka terus cemerlang dalam bidang akademik dan sukan. Sehingga kini 1,454 orang atlet pelajar telah menerima biasiswa ini.

Kelebihan fleksibiliti akademik kepada atlet-atlet pelajar yang kerap menyertai pertandingan kejohanan sukan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa juga turut dilaksanakan. Di antaranya, memberi bimbingan khas untuk mereka terus berlatih dan memberi kelonggaran kepada mereka merancang sendiri jadual pengajian seperti membuat penangguhan dan pelanjutan tempoh pengajian mereka. Ada yang belajar sehingga enam hingga 10 tahun di IPT.

Sebagai langkah-langkah memastikan atlet pelajar meningkatkan lagi bakat mereka di IPT, kementerian juga telah menganjurkan 13 kejohanan utama setiap tahun iaitu satu penganjuran sukan yang terbesar dalam negara dengan 12,000 orang atlet iaitu Sukan Institusi Pendidikan Tinggi ataupun (SUKIPT) dan juga dalam bidang yang lain seperti bola sepak, bola keranjang, pingpong dan mereka juga mahu menyertai di peringkat antarabangsa seperti *World University Championships* dan juga Universiade ataupun Sukan Universiti Dunia dan juga Sukan Universiti ASEAN.

Kesan pelaksanaan langkah-langkah IPT ini telah menunjukkan penglibatan atlet-atlet pelajar diakui di peringkat antarabangsa. Seperti dalam Sukan SEA ke-28 di mana 197 orang atlet pelajar telah menyertai dan menyumbang 51 peratus daripada pungutan pingat keseluruhan dengan membawa balik 34 emas, 29 perak dan juga 32 gangsa. Bagi Kejohanan Universiti Dunia (WUC) 2014 pula, atlet pelajar negara berjaya menyumbang tujuh daripada 10 buah pingat dalam kejohanan yang disertai.

Atlet-atlet pelajar ini turut mendapat pengiktirafan beberapa anugerah sukan tanah air dan seorang pelajar Universiti Malaya yang dinobatkan sebagai Olahragawati Kebangsaan iaitu Pandelega Rinong yang kita tahu dalam sukan terjun. Beliau turut menempah tiket ke Sukan Olimpik Rio yang akan berlangsung pada Ogos tahun ini bersama-sama 10 orang atlet pelajar yang lain daripada 26 orang atlet yang layak bertanding di kejohanan sukan yang berprestasi tinggi itu.

■1100

Turut menerima anugerah dalam kategori anugerah Pasukan Wanita Kebangsaan dalam acara memanah ialah Fatin Nurfatehah Mat Salleh dari Universiti Sains Malaysia; Saritha Cham Nong dari Universiti Putra Malaysia; dan Norhayati Al-Madinah Hashim daripada UITM. Selepas graduasi pula, atlet ini ada yang memasuki kerjaya dalam bidang sukan seperti ada seorang pemain bola JDT. Ada yang menjadi jurulatih, ada yang menjadi pegawai sukan, ada menjadi pengulas sukan, menjadi wartawan dan ada yang menjadi pensyarah.

Berdasarkan kepada pencapaian yang memberangsangkan ini iaitu pungutan pingat yang saya katakan tadi dalam sukan SEA lebih 51 peratus, dan juga berjaya ke Olimpik, Kementerian Pendidikan Tinggi akan terus memainkan peranan untuk membantu perkembangan sukan di Malaysia khususnya melalui penyediaan serta pembangunan atlet bertaraf dunia di kalangan pelajar IPT.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri yang berkenaan. Soalan tambahan saya ialah adakah sudah sampai masanya kementerian berbincang dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha mewujudkan sebuah sukan universiti. Universiti yang memfokuskan kepada bidang sukan serta penuntutnya terdiri daripada atlet yang mementingkan dan cemerlang dalam bidang sukan. Kita sudah ada Sekolah Sukan Bukit Jalil tetapi ini hanya di peringkat sekolah menengah. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana saya katakan tadi bahawa kita ingin melihat *thinking athlete* yang mana mereka diberi ruang untuk bersukan tetapi pada masa yang sama bukannya hebat dalam bidang sukan tetapi hebat juga di dalam bidang akademik. Jadi persekitarannya perlu persekitaran akademik dan diberi tumpuan sukan. Seperti kita sudah mengadakan, sudah ada Pusat Kecemerlangan Sukan dan juga Pusat Sukan Tumpuan seperti katalah untuk tumpuannya, untuk kata USM dalam bidang renang, UITM dalam sepak takraw. Dalam prestasi tingginya iaitu Pusat Kecemerlangan Sukan kita lihat UM dengan badminton, UTM mendayung dan menembak, UPM dan sebagainya.

Ini mengatakan mereka digalakkan untuk mengambil bahagian dalam sukan dengan dikatakan diberi kemudahan fleksibiliti daripada segi masa belajarnya, diberi biasiswa sukan dan juga diberi laluan khas untuk masuk ke universiti. Jadi ini pertimbangan yang dilakukan mengatakan mereka bukan hanya hebat dalam bidang sukan tetapi juga dalam bidang akademik. Jadi sebab itu kita letakkan mereka di universiti-universiti yang ada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kita faham bahawa melahirkan seorang atlet yang baik itu memerlukan jurulatih juga yang baik. Di Malaysia ini kita faham bahawa jurulatih ini agak sukar untuk dicari. Adakah kementerian Yang Berhormat mencadangkan ataupun ada memberi pertimbangan kepada atlet-atlet yang ada ini supaya dimasukkan ke dalam universiti sama ada di dalam ataupun di luar negeri untuk mereka ini dilatih ataupun mengikuti kursus-kursus untuk mereka pula menjadi jurulatih selepas ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato' Mohd. Suhaimi. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sememangnya Yang Berhormat kerana diadakan bajet pada tahun ini lebih kurang RM8 juta di mana pendedahan diberi kepada ahli-ahli sukan, atlet-atlet kita ini untuk mendapat latihan di luar negara di samping apa yang mereka laksanakan dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong sepenuhnya bahkan cukup berterima kasih kepada pihak kementerian Yang Berhormat Menteri oleh sebab memang pihak kementerian di bawah naungan Menteri Dato' Seri Idris Jusoh begitu komited untuk membantu anak-anak kita supaya mereka aktif dalam bidang sukan walaupun mereka terpaksa belajar dalam ilmu pengetahuan mereka.

Akan tetapi dalam pengalaman saya sebagai mantan naib canselor sebuah universiti awam, saya perhatikan memang ramai yang mempunyai *potential* yang cukup baik. Cuma yang saya agak terkilan, selepas mereka *graduate*, ini mungkin bukan tugas Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Idris tetapi selepas mereka *graduate*, persoalan saya, adakah kita mempunyai hala tuju untuk memastikan mereka akan meneruskan bidang kesukanan bukan menjadi sebagai pensyarah. Misalnya kalau dahulu mereka atlet ataupun sukan pemain ragbi, *football* yang terbaik, dah *graduate* mereka akan terus bermain untuk negara. Ini kerana dalam pengalaman saya, selepas mereka *graduate*, hilang. Mereka dah kahwin, perut pun dah buncit, mereka hilang terus. Adakah kita mempunyai hala tuju walaupun bukan tugas Yang Berhormat Menteri lah. Itu soalan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya sebab itulah, saya memberi penekanan tadi kita melahirkan *thinking athlete* yang mana bukan hanya hebat dalam bidang sukan tetapi hebat dalam bidang pendidikan agar masa depan mereka itu apabila kita telah agak berumur dan ada badan otot-otot kita sudah tidak sihat ataupun sekuat yang dahulu memang untuk kita bertanding dalam sukan itu agak susah. Akan tetapi saya katakan tadi contohnya ada yang menjadi pemain bola JDT pun ada, masih lagi, semasa mereka baru keluar daripada universiti.

Akan tetapi seterusnya saya katakan ada yang dah jadi jurulatih, ada yang jadi pensyarah universiti, ada yang jadi guru sukan, dalam bidang sukan masih lagi, masih lagi boleh mungkin berlari dengan atlet-atlet yang lain, bersukan dengan atlet-atlet yang lain. Akan tetapi ada yang jadi wartawan kerana mereka ada kepakaran masing-masing. Kepakaran dalam bidang komunikasi, ada mengambil dalam bidang yang mana mereka minat, mengatakan masa depan mereka lebih baik jika mereka merupakan seorang ahli sukan negara, mereka masuk ke universiti.

Akan tetapi apa yang mereka laksanakan selepas mereka keluar itu terpulang kepada mereka walaupun aset mereka penting dalam sukan. Saya hendak menekankan lagi itu sebabnya kita mengatakan kita menggunakan perkataan *'thinking athlete'* tadi agar masa depan mereka selepas mereka keluar daripada universiti akan jadi lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zali.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sepanjang yang saya tahu bahawa di universiti di negara kita mengeluarkan ramai graduan yang mempunyai diploma, ijazah, master, PhD dan sebagainya di dalam bidang sains sukan. Jadi soalan saya, mungkin Yang Berhormat Menteri tidak ada statistik. Cuma saya hendak tanya berapa banyak dah dikeluarkan graduan-graduan ini yang mempunyai diploma dan juga ijazah, master dan PhD dalam bidang sains sukan di seluruh negara kerana kita tahu bahawa mereka ini amat penting kepada negara demi pembangunan sukan di Malaysia.

Soalan kedua saya ialah, kita tahu bahawa Universiti Pendidikan Sultan Idris sebelum ini ia mengeluarkan pelajar-pelajar yang mempunyai akademik yang apabila mereka *graduate* terus dihantar ke sekolah, yakni menjadi seorang pendidik. Akan tetapi apa yang berlaku hari ini ialah mereka ini apabila *posting* masih lagi terpaksa menunggu untuk ditempatkan. Jadi sedangkan nama universiti tersebut Universiti Pendidikan Sultan Idris, kalau dulu waktu saya di sana kita keluar saja terus pergi ke sekolah sebagai seorang pendidik. Akan tetapi apa yang berlaku hari ini ialah mereka terpaksa menunggu dan apakah jaminan mereka pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Yang Berhormat, untuk soalan pertama beri saya ruang untuk mendapat angka-angka dan saya akan hantar kepada Yang Berhormat.

Untuk yang kedua, sebenarnya oleh sebab saya berpeluang juga menjadi Menteri Pendidikan dua tahun dulu, sebenarnya tidak ada jaminan untuk semua graduan ini diberi kerja selepas mereka keluar. Ini termaktub dalam permohonan mereka daripada awal lagi. Dahulu memang kita tidak mempunyai guru-guru yang mencukupi.

Jadi, sebab itu guru-guru terus diserap dalam perkhidmatan selepas mereka tamat pengajian. Akan tetapi memang sekarang ini oleh sebab peningkatan sistem kita, kita lihat ada lebih lambakan guru-guru, graduan-graduan yang keluar daripada universiti.

■1110

Jadi, ini memberi ruang kepada pelajar-pelajar kita untuk mendapat guru-guru yang terbaik. Pilihan-pilihan boleh dibuat oleh sekolah-sekolah untuk mendapat guru-guru yang terbaik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan nombor 6, Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas.

Dato' Sri Khairudin bin ES Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya diminta oleh Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani untuk mewakili beliau sebab kemungkinan Menteri ada di dalam untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan kkuatir fasal Timbalan Menteri, tanya.

Dato' Sri Khairudin bin ES Samad: Oleh sebab Menteri sudah ada, dia minta saya kemukakan soalan. Akan tetapi sebelum itu bagi pihak Ahli-ahli Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin mengalu-alukan kedatangan wakil-wakil MIC daripada Bahagian Kapar, Bahagian Selayang dan juga Bahagian Klang [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

6. Dato' Sri Khairudin bin ES Samad [*Di Bawah P.M. 23(2)*] minta Menteri Pertahanan menyatakan, apa tindakan yang telah dan sedang diambil untuk memastikan elaun anggota tentera setara dengan kakitangan awam Persekutuan yang lain. Mohon nyatakan secara jelas apakah program yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan pesara tentera mempunyai pendapatan yang baik selepas tamat perkhidmatan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin, mewakili Datuk Abbas yang tidak dapat bersama dengan kita. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana pun dia kena bertanggungjawab, Senator pun patut bila tanya soalan itu kena datanglah tanya...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, dia uzur.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya elaun yang diterima oleh anggota tentera adalah setara dengan kakitangan awam Persekutuan yang lain. Malahan banyak daripada elaun-elaun yang diterima oleh anggota tentera hanya dikhususkan kepada anggota tentera sahaja mengikut keperluan kemahiran ketenteraan atau *hardship* yang dilalui dan tidak diberi kepada kakitangan awam yang lain.

Pihak kementerian juga sentiasa membuat kajian untuk mengenal pasti elaun dan insentif yang bersangkutan kait dengan tugas dan kepakaran yang baru. Pada masa yang sama, pihak kementerian juga membuat penambahbaikan bagi elaun-elaun sedia ada yang diterima oleh anggota tentera. Pewujudan elaun-elaun baru yang sesuai dengan anggota ATM juga telah dilaksanakan bagi menjaga moral dan mengiktiraf jasa dan bakti anggota ATM. Antara elaun-elaun yang baru yang dikemukakan, yang telah diluluskan oleh agensi Pusat adalah seperti berikut:

- (i) bayaran insentif perkhidmatan kapal selam;
- (ii) bayaran insentif tugas stesen luar pantai;
- (iii) bayaran insentif pengurusan jerangkap samar;
- (iv) imbuhan tetap perumahan;
- (v) bayaran insentif pegawai pengurusan ruang angkasa ATM; dan
- (vi) bayaran insentif pemeriksaan kapal terbang ATM.

Ini yang telah diluluskan baru-baru ini. Manakala, elaun-elaun yang sedang dipertimbangkan di peringkat agensi Pusat untuk kelulusan setelah dihantar oleh MINDEF ialah sebanyak lima:

- (i) penambahbaikan bayaran insentif penerbangan;
- (ii) mewujudkan pembayaran insentif juruteknik pesawat ATM;
- (iii) penambahbaikan bayaran insentif pasukan khas ATM;
- (iv) penambahbaikan bayaran insentif pasukan atur gerak cepat; dan
- (v) penambahbaikan bayaran insentif Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Di samping itu, kita mempunyai lagi 22 jenis elaun yang sedang dipertimbangkan di peringkat kementerian untuk penambahbaikan, kita ada lagi dalam 13 dan di samping itu kita kemukakan lagi 13 inisiatif baru yang sedang ditimbang di peringkat kementerian. Bagi menjaga nasib golongan veteran ATM pula, beberapa program telah disediakan bagi membantu mereka mendapat pendapatan yang lebih baik melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di bawah *1Malaysia Veteran Recognition Programme*, antaranya ialah:

- (a) Program Penempatan Kerja untuk Veteran. Program ini membantu penjodohan dan penempatan pekerjaan bagi mempertingkatkan pengambilan veteran ATM di dalam sektor awam dan swasta;
- (b) Program Bantuan Keusahawanan yang bertujuan memberi latihan, pinjaman mikro tanpa faedah dan khidmat nasihat kepada veteran ATM yang ingin menceburi diri dalam bidang usahawan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri. Sehingga kini, UKAS telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM33.5 juta kepada PERHEBAT di bawah Skim Pembiayaan Mikro; dan
- (c) meningkatkan penerimaan latihan PERHEBAT oleh pihak industri iaitu mempertingkatkan taraf kursus yang ditawarkan oleh PERHEBAT dan memperkukuhkan lagi kelayakan bakal pesara dan veteran yang memohon kerja di sektor swasta.

7. Dato' Sri Khairudin bin ES Samad minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, adakah kementerian telah melakukan penyiasatan terhadap rungutan orang ramai berkenaan peningkatan mendadak caj bil elektrik yang dikenakan oleh Tenaga Nasional Berhad beberapa bulan kebelakangan ini.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian mengambil maklum akan rungutan orang ramai mengenai peningkatan mendadak bil elektrik sekitar bulan April 2016. Hasil siasatan mendapati bahawa peningkatan bil elektrik ke dalam merupakan salah satu kesan fenomena El-Nino yang menyebabkan berlakunya cuaca panas, terik dan kering berpanjangan. Keadaan cuaca panas tersebut telah mempengaruhi tabiat penggunaan peralatan elektrik di kalangan pengguna, khususnya alat penyaman udara yang mendorong kepada peningkatan penggunaan elektrik dan seterusnya menyebabkan bil elektrik pengguna meningkat secara mendadak.

Selain itu, pelaksanaan penukaran meter lama kepada meter baru juga sedikit sebanyak melibatkan kenaikan dalam bil elektrik. Antara punca berlakunya sedikit kenaikan dalam bil elektrik adalah kerana meter lama tidak dapat merekod bacaan dengan tepat dan selalu akan memberi bacaan yang lebih rendah daripada bacaan sebenar. Namun begitu, penggunaan meter pintar akan membantu pengguna mengurus penggunaan elektrik supaya bil penggunaan dapat dikurangkan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah memperkenalkan penggunaan meter pintar atau *smart meter*, dengan izin. Pada masa ini, sebanyak 1,000 unit meter pintar telah dipasang di Melaka dan Putrajaya. Pemasangan meter pintar tersebut merupakan projek perintis TNB sebelum menggunakan meter pintar diperluaskan di seluruh negara. Penggunaan meter pintar akan memberi manfaat kepada pengguna kerana ia akan memberi data sebenar, dengan izin, *the real time* unit elektrik yang telah digunakan dan pengguna boleh menyemak bil elektrik terkini menerusi aplikasi telefon bimbit. Justeru, teknologi meter pintar memberi peluang kepada pengguna untuk mengurus penggunaan elektrik mereka dengan lebih berkesan dan cekap. Terima kasih.

Dato' Sri Khairudin bin ES Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Di luar sana Yang Berhormat Menteri, banyak yang diperkatakan oleh rakyat ialah kesempatan ini diambil oleh TNB sewaktu El-Nino ini dengan ada satu- entah apa yang digunakan, untuk sengaja menaikkan harga bil elektrik. Bukan semua orang ada penghawa dingin di rumah tetapi mereka juga terlibat dengan kenaikan harga bil elektrik.

■1120

Apa langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menegur TNB ini supaya menghentikan ini ataupun memang betul tidak ada benda ini, tetapi kita tidak jawab kepada rakyat? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kes seperti begitu tidak harus wujud kerana harga seunit elektrik yang di bekal kepada setiap pengguna mengikut kategori adalah *transparent*, adalah terbuka dan dipantau oleh Suruhanjaya Tenaga. Jadi, pihak TNB tidak boleh sewenang-wenangnya menukar *rate* tersebut kerana ini telah pun ditetapkan melalui ketetapan oleh kerajaan melalui Kabinet dan digazet, diwartakan melalui kementerian saya dan ST untuk setiap unit harga itu. Jadi, tidak timbul keadaan di mana TNB sewenang-wenangnya boleh meningkatkan kos ataupun tarif tersebut. Namun demikian, kita akan terus memantau keadaan ini supaya salah sangka itu tidak timbul. Terima kasih.

Tuan Isa bin Ab Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, apakah pandangan kerajaan terhadap alat penjimat elektrik? Adakah ia bagus untuk rakyat? Kalau kita lihat, ia mampu menangani kos sara hidup. Namun, terdapat penjualan alat penjimat elektrik yang palsu dan tiruan dan menjejaskan kepada pengguna. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pihak kita sedia maklum bahawa memang banyak peralatan, *appliances*, dengan izin, di pasaran yang dijual sebagai penjimat elektrik (*energy saving*) dan seterusnya. Dalam perkara ini, pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) sentiasa memantau peralatan-peralatan tersebut. Prosedur yang sedia ada, peralatan tersebut hendaklah yang telah pun berdaftar di Malaysia, mendapat kelulusan daripada SIRIM. Itu pun tidak semestinya pihak Suruhanjaya luluskan semua.

Dia akan terus adakan ujian seterusnya dan memastikan supaya data-data kecekapan tenaga yang *diclaim* oleh mereka itu adalah betul-betul. Jadi untuk tujuan itu, kita meminta juga pihak awam supaya memberi maklumat kepada pihak ST dan kementerian di mana ada timbul keraguan. Senarai yang diperakui dengan tidak diperakui itu sebenarnya boleh diperolehi melalui maklumat di Suruhanjaya Tenaga.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, saya diberitahu pada ketika ini semua pengguna tenaga elektrik telah dikenakan oleh TNB secara automatik sumbangan untuk tenaga boleh diperbaharui iaitu solar setiap bulan. Saya ingin bertanya, apakah tujuan kutipan ini dan berapakah jumlah yang telah dikutip oleh TNB? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Senator. Kutipan yang dimaksudkan itu kutipan untuk Tabung Amanah Tenaga Boleh Dibaharui. Ini adalah yang ditetapkan oleh kerajaan 1.6 peratus bagi setiap pembayar tarif ataupun *customer* yang menggunakan lebih daripada 3 peratus kilowatt jam sebulan. Jadi, orang yang menggunakan rendah daripada itu dikecualikan.

Ini bertujuan untuk membiayai sebagai sokongan dan insentif untuk memajukan sektor tenaga boleh dibaharui sebagai satu komitmen kerajaan untuk memastikan *energy mix* kita itu tidak seharusnya bersandar sahaja kepada penggunaan gas, penggunaan diesel, penggunaan *coal* dan hidro. Untuk tujuan tersebut telah pun diluluskan supaya 1.6 peratus itu dikenakan kepada pengguna seperti mana saya katakan tadi.

Itu digunakan sebagai program yang kita sebut *Feed-in Tariff*, di mana dia digunakan untuk membayar subsidi kepada perusahaan-perusahaan tenaga khususnya untuk solar, PV seterusnya hidro yang bersaiz sederhana, juga biomas dan biogas, juga geoterma dan dalam masa terdekat nanti. Ini untuk memastikan *energy mix* kita, input adalah konsisten untuk mengurangkan pengeluaran CAC ataupun karbon dioksida. Juga kita ada komitmen untuk memastikan supaya pengeluaran CO2 kita dikurangkan sejumlah kali ini 45 peratus menjelang tahun 2035. Jadi, berasas kepada itulah ini usaha kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana untuk memberi insentif untuk menjana tenaga yang boleh dibaharui. Terima kasih. Setakat ini, jumlah yang dikutip, saya tidak ada data seterusnya tetapi saya boleh bekal secara bertulis. Ini kerana setiap tahun kita kutip kira-kira RM500 juta.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Yang Berhormat Menteri, sebelum itu saya hendak merujuk kepada pengertian seksyen 26, kuasa untuk meletakkan tarif dan caj (b) tempoh bagi penggunaan tarif dan caj dan bagi kajian semula tarif dan caj.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bagaimana Suruhanjaya Tenaga menguatkuasakan Akta Bekalan Elektrik dengan memastikan TNB atau syarikat pembekal tenaga lain mematuhi ketetapan kitar masa 30 hari pengebilan ke atas pemegang akaun bil elektrik agar lebih penggunaan tenaga tidak memberi implikasi caj bil, *calibration* meter bacaan dan integriti *method* pengukuran bacaan meter seperti meter bacaan, jangkaan dan jumlah penggunaan jangkaan serta integriti sistem pelarasan semula pengurusan bacaan meter jangkaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johny Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Perkara ini sememangnya sering kali dibangkitkan dan pihak Suruhanjaya Tenaga sedang juga memantau dalam perkara ini. Sepertinya tempoh untuk membaca meter yang melebihi 30 hari dan dengan itu bil yang dikemukakan kepada *customer* ataupun pengguna adalah sering kali melebihi bulan itu. Akan tetapi sebenarnya dia akan diselaraskan pada bulan hadapan nanti. Jadi, tidak ada timbul di mana bayaran itu melebihi apa yang berpatutan kerana mengikut tarif bil, kalau ia melebihi ataupun kurang dia akan diselaraskan pada bulan hadapan nanti.

Akan tetapi memang ada beberapa yang tidak puas hati dengan cara tersebut. Juga ada mengatakan bahawa kerana kadang-kadang bil itu tinggi kerana dia melebihi 30 hari. Dengan itu, ada yang mengatakan GST pun sekali ikut dia juga. Ada yang mengatakan pula bahawa kerana bil itu besar, maka pihak TNB atau SSB di Sabah minta tambahan deposit. Ini rungutan-rungutan. Pihak kami sedang meneliti ini supaya satu penyeliaan ataupun penyelarasan yang lebih boleh diguna pakai dan mengurangkan rungutan. Satu, jangka panjang seperti mana saya katakan tadi *smart meter*. Dengan *smart meter*, sudah satu juta kita *trial* dan kita bercadang untuk *roll out* dalam tahun depan ini.

■1130

Di mana pengguna boleh mengetahui bil sebenar, *real time* dalam *apps* dalam *phone* boleh tengok berapa kilowatt yang sedang digunakan di rumah dan kalau kita tambah Whatsapp boleh mengetahui bilik mana di mana lampu masih berpasang dan berjalan. Maka dengan pengetahuan seperti begitu kita boleh *control* penggunaan. Kalau bajet kita setiap bulan sekadar hanya RM300, maka kita kata kepada *family* kita hampir di situ sudah dua minggu lagi sebelum hujung bulan. Jadi mereka boleh sebenarnya *manage their own accounts* dan perihal seperti lewat *billing* semua ini tidak akan- *all will be the things of the past*. Thank you.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang soalan nombor 8, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

8. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sedarkah kementerian berhubung kes-kes penipuan melalui pelaburan haram semakin berleluasa dengan kerugian jutaan Ringgit; dan
- (b) adakah pendekatan kementerian dalam mendidik masyarakat tentang ilmu pelaburan yang selamat.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian melalui Bank Negara Malaysia dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan sentiasa mengambil langkah-langkah pemantauan dan pencegahan berterusan dalam usaha membendung penularan dan penglibatan lebih ramai orang awam dalam kegiatan pelaburan haram atau tanpa lesen oleh penganjur yang tidak bertanggungjawab.

Bank Negara Malaysia dan agensi-agensi kerajaan berkaitan juga telah mengambil beberapa langkah pencegahan seperti berikut:

- (i) penyenaian nama-nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram dalam laman sesawang, dimana kalau kita melayari laman web Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tertera senarai 268 syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia;
- (ii) mengadakan kerjasama strategik melalui Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan Bagi Pencegahan Penggubahan Wang Haram atau *National Coordination Committee to Counter Money Laundering*, dengan izin.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Oleh itu, selain daripada langkah-langkah pencegahan Bank Negara dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mendidik masyarakat berkaitan pelaburan dan langkah-langkah mengenal pasti unsur-unsur jenayah ataupun penipuan dalam pelaburan. Antara inisiatif dan langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan kempen kesedaran kepada orang ramai sama ada melalui media massa atau hari pengguna, malah kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui pekeling yang telah dikeluarkan untuk memberitahu penjawat awam dan juga kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;
- (ii) menyediakan saluran untuk orang ramai membuat pertanyaan atau aduan mengenai aktiviti haram syarikat *multilevel marketing*, dengan izin, skim cepat kaya, pelaburan emas dan pertukaran wang mata asing;
- (iii) menubuhkan Jawatankuasa Kewangan Dalam Talian di mana dikenali dengan *Online Financial Fraud Task Force*, dengan izin, di mana petugas-petugas akan bekerjasama supaya maklumat itu boleh dikongsi dengan PDRM;

- (iv) baru-baru ini Bank Negara Malaysia telah melancarkan MyBNM *web*, di mana saya melihat sehingga semenjak November 2015 purata jumlah yang *download* sebanyak 1,000 setiap bulan. Dalam MyBNM *web application* ini, kalau kita lihat selain daripada mempunyai kadar pertukaran wang asing ia mempunyai maklumat dan amaran khususnya mengenai penipuan kewangan. Di mana senarai amaran penipuan wang juga dikeluarkan dalam *apps* tersebut.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu tadi. Tuan Yang di-Pertua, di sebalik pelbagai alasan yang diberikan oleh mangsa yang tertipu, saya sebenarnya melihat alasan sebenar ialah sikap tamak itu sendiri yang mengakibatkan rakyat Malaysia mudah ditipu. Berdasarkan statistik bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, kebanyakan mangsa diperdaya melabur dalam pelbagai bentuk pelaburan dianjurkan oleh syarikat berkenaan di antaranya pelaburan emas, dana pertukaran mata wang asing dan harga komoditi. Jumlah kerugian yang dialami pelabur setakat ini kerana terpedaya dengan pelaburan haram itu dianggarkan berjumlah RM500 juta. Itu satu jumlah yang tinggi.

Soalan tambahan saya ialah saya mencadangkan agar Bank Negara Malaysia lebih aktif memaparkan mana-mana pelaburan yang disahkan haram dan tidak mengikut undang-undang di media massa dan media elektronik kerana paparan dalam laman web Bank Negara Malaysia agak terlewat dan kurang berkesan, memandangkan mangsa terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Malah warga emas di kampung-kampung yang kurang pendedahan bidang IT ada juga yang diperdaya.

Soalan tambahan saya yang kedua juga, adakah kementerian juga dipertanggungjawabkan dengan penipuan dan jualan barangan yang bertopengkan agama, *business MLM* atau *multilevel marketing*, dengan izin, serta skim francais yang turut menipu pelanggannya. Sekian, terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya inisiatif Bank Negara Malaysia, *Security Commission*, KPDNKK dan SSM bukan melalui laman web sahaja. Mereka sering memperingatkan orang supaya jangan terpedaya dengan skim-skim yang dikenali sebagai skim cepat kaya, *multilevel marketing* dan pelaburan yang mendatangkan pulangan yang tinggi seperti pelaburan dalam pertanian ikan haruan dan sebagainya.

Oleh itu, daripada segi itu kita juga mengeluarkan panduan di mana orang ramai dinasihati untuk berwaspada dan tidak terpedaya dengan skim-skim di mana kerap kali ia mempunyai ciri-ciri seperti nombor satu, skim ini akan menjanjikan kadar faedah, pulangan atau keuntungan yang jauh lebih tinggi daripada yang ditawarkan oleh institusi kewangan berlesen. Janji pulangan yang tinggi ini kita tahu adalah untuk menarik minat. Sebenarnya pada permulaan para pengendali akan menggunakan wang yang diterima daripada pendeposit baharu untuk memberikan pulangan tinggi.

Daripada segi soalan yang ditanya itu sama ada Bank Negara Malaysia membuat inisiatif yang lebih agresif. Sebenarnya Bank Negara Malaysia sentiasa memperingatkan orang ramai dan sebenarnya kita juga ingin mengucapkan terima kasih khususnya kepada pihak media massa setiap kali terdapat kes penipuan ia dikeluarkan secara besar dan memperingatkan orang ramai.

Akan tetapi masih ada orang yang terpedaya kerana pulangan yang tinggi, mereka mempunyai dorongan untuk melabur. Maka, saya menasihatkan kepada orang ramai.

Pada hari ini saya telah mengumumkan sebenarnya Bank Negara Malaysia dengan lebih senang kerana kebanyakan orang menggunakan *smart phone* sekarang. Oleh itu Bank Negara Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membuat *apps*, supaya *apps* ini bukan sahaja untuk memantau daripada segi kes-kes penipuan tetapi *apps* ini mempunyai kadar pertukaran matawang asing supaya menggalakkan lebih orang ramai untuk *download*.

Daripada segi soalan yang ditanya, apdkah *jurisdiction*, dengan izin, atau di bawah kawalan Bank Negara Malaysia di kebanyakan yang mana kita mengambil wang untuk memberi *investment* yang tinggi dia di bawah Bank Negara Malaysia. Akan tetapi untuk *multilevel marketing* ia di bawah KPDNKK. Kalau pelaburan untuk membeli barang atau melabur untuk sesuatu sebagai pertanian dan sebagainya itu adalah di bawah SSM. Maka ia berlainan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi? Sila.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dulu ada satu kes untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, mereka berniaga emas, nama dia *Wakalah*. Jadi bila kita beli emas dia bagi sijil. Lepas itu, dia kata dia juga bagi emas *in gram*, lepas itu emas itu masuk ke dalam bank. Jadi kita sudah beli di Melaka di bawah Yayasan Melaka. Kemudian dalam proses itu kita punya pengurus terlupa minta emas, jadi bila orang beli, sijil keluar, emas tak ada.

■1140

Syarikat ini pula dia melaburlah di Australia. Jadi hari ini masih lagi *pending* dalam mahkamah ia. Akan tetapi apabila kita pergi ke Bank Negara, Bank Negara pun dia tak hendak tangkap orang ini. Patut ikut undang-undang, dia sudah tipu kan walaupun ada kesilapan pelanggan. Patut bila beli ambil sijil emas itu mesti masuk dalam bank. Jadi bila kita cukup tahun minta dividen tak ada dividen, hendak jual emas, lupa emas kita tak ambil.

Jadi akhirnya berlawananlah di mahkamah, sampai hari ini tidak selesai. Saya cadangkan kes-kes sebegini undang-undang sudah ada walaupun pelanggan tersilap sedikit, jadi patut Bank Negara terus boleh ambil dia dan terus ambil tindakan undang-undang boleh bantu kes-kes ini selesai di mahkamah dengan segera.

Ini pandangan saya supaya Bank Negara lebih ketat dalam membantu rakyat yang kadang-kadang tersilap juga dalam urusan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik terima kasih Yang Berhormat Senator cerita Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Sila.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas cadangan yang telah diberi. Namun, Yang Berhormat Senator Tan Sri daripada segi kalau dia tak disabit salah, kita tidak boleh mengambil tindakan yang terlalu tegas kerana dia mungkin melanggar peraturan-peraturan atau boleh dikatakan isu-isu yang lain. Akan tetapi daripada segi amaran seperti yang tadi saya kata kenapa ada 268 buah syarikat. Ini adalah kerana bukti kadang-kadang tidak kukuh tetapi kalau bukti tak ada kukuh, kita juga ingin memberi amaran kepada orang ramai maka kita menyenaraikan maklumat tersebut supaya orang berwaspada daripada segi untuk melabur.

Kes spesifik Yang Berhormat Senator Tan Sri bangkitkan itu mungkin saya kena panggil pegawai bagilah maklumat yang mungkin sedia ada pada masa sekarang. Sekian, terima kasih.

9. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah minta Perdana Menteri menyatakan, saiz pasaran buruh pada masa kini, bilangan penduduk Malaysia yang bekerja, kadar pengangguran sekarang dan kriteria yang digunakan untuk menentukan sama ada seseorang itu bekerja atau tidak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perangkaan Malaysia melaksanakan Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) setiap bulan melalui pendekatan isi rumah bagi mendapatkan petunjuk berkaitan struktur tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran di peringkat nasional. Penyiasatan ini dijalankan menggunakan kaedah temu ramah bersemuka meliputi warganegara dan bukan warganegara di kawasan bandar dan luar bandar bagi setiap negeri di Malaysia.

Bagi memastikan pematuhan piawaian di peringkat antarabangsa, garis panduan yang digunakan ialah berasaskan kepada syor *International Labor Organization* (ILO) dengan izin, seperti diguna pakai oleh agensi statistik di kebanyakan negara.

Statistik tenaga buruh yang diperoleh daripada PTB merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan. Status tenaga buruh dalam PTB adalah berasaskan kegiatannya dalam tenaga buruh semasa tempoh rujukan yang pendek iaitu minggu rujukan iaitu tujuh hari. Seseorang dianggap bekerja sekiranya bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji untuk mendapatkan upah keuntungan atau keuntungan keluarga. Pada bulan Mac 2016, tenaga buruh di Malaysia ialah 14,710,100,000 orang manakala penduduk bekerja ialah 14,200,700,000 orang yang mana pengangguran negara ialah pada kadar 3.5 peratus. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri. Formula yang kita pakai, kita berasaskan kepada ILO punya standard cuma soalan saya ada dua. Satu daripada segi *prevalence of unemployment* bila kita kira, kita kira yang aktif *seeking jobs* seperti yang diterangkan atas *the total labor force*. Kalau kita ambil isu *numerator* yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, *actively seeking job* itu yang mana kita dapat angka ini. Adakah kita cuma bergantung pada mereka yang daftar di Jabatan Tenaga Kerja untuk dapat pasal formula itu *actively seeking job over total labor force*. Itu satu. So di mana kita hendak dapat *figure numerator* itu satu.

Kedua, kalau kita tengok seperti yang telah diterangkan kalau kita tengok kadar itu 3.5 pada masa sekarang pada bulan Mac itu. Kadar ini kadar yang paling tinggi dari tahun 2010 sehingga sekarang. Pada saya kalau kita ambil- ini saya kena terangkan sedikit. Kalau kita ambil kadar dia nampak 3.5 itu sedikit. Akan tetapi kalau kita ambil *absolute numbers* ini, *absolute numbers* ini sekarang sudah sampai 500,000. Kadar itu nampak sikit pasal dia *total labor force* setelah di aspek. So soalan saya daripada segi *absolute numbers*, kalau kita tengok daripada segi *absolute numbers* banyak ini dari *manufacturing sector*.

Adakah salah satu faktor ialah *the presence of foreign workers* dalam negara kita. So dua isu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan, pertama perlu saya nyatakan bahawa daripada segi statistik yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan adalah bersandarkan kepada kaedah piawaian antarabangsa. Mungkin kepada sesetengah orang tujuh hari bekerja sejam itu satu perkara yang tak masuk akal. Namun, itulah perkara yang kita ikut dan Yang Berhormat juga bertanya tentang kadar pengangguran dan 500,000.

Pertama, 3.5 daripada segi kadar antarabangsa kita *full employment*. Itu yang pertama kita kena akui. Maknanya kita berada dalam kedudukan yang baik. 500,000 yang tidak bekerja banyak faktor. Itu sudah cerita lain Yang Berhormat. Tadi itu cerita tentang penggunaan tenaga buruh dalam negara dan juga yang ke dua tadi, tentang pengangguran. Ada banyak faktor yang menyumbang. Tidak boleh kita hanya menyatakan bahawa ia disebabkan oleh buruh asing. Ruang untuk rakyat tempatan bekerja mengambil balik tempat yang diisi oleh buruh asing sentiasa ada. Cuma buruh asing yang dibawa masuk atas syarat-syarat yang ditetapkan adalah bagi mengisi kekosongan di tempat-tempat yang ditinggalkan oleh pekerja tempatan.

Ada yang baru habis belajar, sebab itu tadi kita ambil usia aktif 15 hingga 64. Kita tolak yang di sekolah, kita tolak yang memang tidak hendak kerja kebanyakan atau guna tenaga negara 7 juta hampir. Sebahagian besar wanita sebab kalau kita bekerja di rumah basuh baju tanam pokok dia tak masuk sebagai jumlah yang bekerja.

Akan tetapi kalau kita kerja ladang bapa kita walaupun tak dapat gaji ladang keluarga untuk keuntungan keluarga itu dikira sebagai *employed*. Sebab itu jumlah yang tidak bekerja dalam negara ini sentiasa menjadi perhatian kerajaan bagi memastikan ruang, peluang sentiasa ada, cuma ada yang memang tidak mahu bekerja. Saya tak kata dia malas, dia memang memberi penumpuan kepada pendidikan seterusnya dan sebagainya.

Namun, jumlah ini juga disumbang ketika mereka menamatkan pengajian, *the transition* sebab itu jumlah itu berubah-ubah dari semasa ke semasa tempoh paling tinggi mungkin waktu konvokesyen sebelum konvokesyen pelajar-pelajar kita tamat pengajian dalam jumlah yang ramai. Jumlah siswazah yang sering menjadi perhatian akan meningkat pada tempoh-tempoh yang tertentu. Saya tidak dapat memberikan *detail* keseluruhan tentang statistik yang ditanya oleh Yang Berhormat tetapi itu kedudukan dalam negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Ya, saya tertinggal satu. Formula itu / terima kita kena pakai ILO punya standard. Cuma daripada segi sumber maklumat kalau kita ambil *numerator* itu bilangan yang *actively* cari kerja *over total workforce*. Bilangan itu angka mana yang kita ambil. Cuma pada saya, kalau tak salah kita cuma ambil yang daftar di Jabatan Tenaga Kerja. Kalau betul kalau angka itu dari Jabatan Tenaga Kerja mungkin dia tak bagi satu gambaran yang *accurate*. Saya cuma hendak tau *numerator* itu dari mana.

Dato' Razali bin Ibrahim: Kalau saya boleh baca semua data kita, kita dapat pertama kalau ikut dalam Jabatan Tenaga Kerja kita ada KWSP, PERKESO, Lembaga Hasil, JPA, *JobsMalaysia*, Imigresen, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran. Daripada segi isi rumah, kita guna juga data daripada banci penduduk, penyiasatan tenaga buruh, penyiasatan migrasi, penyiasatan gaji dan upah, penyiasatan sektor informal, penyiasatan pendapatan dan perbelanjaan isi rumah. Dan juga daripada segi pertubuhan, kita mengambil kira daripada penyiasatan industri pembuatan pembinaan, banci pertubuhan perkhidmatan profesional sektor swasta, banci pertubuhan perkhidmatan kesihatan swasta dan *so on*. Maknanya hampir ke semua data-data yang ada di dalam negara digunakan secara asas. Terima kasih Yang Berhormat. Minta maaf saya terlepas.

■1150

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, ada lagi? Kalau tidak ada, terima kasih Yang Berhormat tadi yang menjawab dengan baik dan tepat dan sekarang kita pergi kepada soalan nombor sepuluh, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan.

10. Dato' Dr. Johari bin Mat minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, berapa ramai pembantu rumah warga asing yang diperlukan oleh negara kita dan apakah langkah-langkah yang telah dilakukan agar bidang tersebut dapat diambil alih oleh warga tempatan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari mengemukakan soalan tentang pembantu rumah asing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai maklumat dan tidak boleh menganggarkan mengenai jumlah keperluan pembantu rumah asing di Malaysia memandangkan permohonan pembantu rumah asing adalah berdasarkan kepada permintaan dan keperluan semasa majikan atau rakyat negara ini yang memerlukan pembantu rumah. Tuan Yang di-Pertua, sebahagian orang perlukan pembantu rumah dan sebahagian mungkin tidak perlukan pembantu rumah.

Buat masa ini terdapat seramai 143,617 orang pembantu rumah asing daripada 13 buah negara sumber, daripada lebih kurang 1.9 juta orang pekerja asing di negara kita yang mana pekerja asing dan pembantu rumah ini yang paling tinggi ialah dari Indonesia iaitu seramai kurang lebih 95,000 orang. Bagi meningkatkan penglibatan warga tempatan dalam bidang pembantu rumah ataupun kita panggil *housekeeper*, dengan izin, Kementerian Sumber Manusia sedang melaksanakan inisiatif melalui projek perintis *housekeeper*, dengan izin. Secara umumnya perkhidmatan ini melibatkan tugas-tugas pembersihan asas dan memerlukan kelayakan yang minimum. Untuk permulaan, sebuah syarikat penyedia *housekeeper*, dengan izin, telah dilantik untuk beroperasi di sekitar negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Objektif pelaksanaan projek perintis *housekeeper* bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pembantu rumah asing, mewujudkan peluang pekerjaan dan menambah pendapatan rakyat Malaysia dan menawarkan peluang perniagaan dalam bidang perkhidmatan domestik tempatan. Projek perintis ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia, lelaki dan wanita yang berminat. Tumpuan khusus juga diberikan kepada golongan wanita terutamanya melibatkan suri rumah, ibu tunggal, balu, penerima bantuan am dan penerima bantuan kanak-kanak. Projek dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan berhubung dengan soalan tadi. Saya tertarik dengan program baru yang telah dinyatakan tadi iaitu projek perintis kepada pembantu rumah yang telah diaturkan. Sedikit saya ingin mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana kaedah syarikat ini, pembayaran gajinya kepada pembantu rumah tadi? Adakah dia bermula dengan gaji minimum ataupun sebaliknya?

Kedua, adakah kerja-kerja mereka ini berkait dengan waktu pejabat seperti masuk jam 8 atau jam 7, berhenti lapan jam kemudian. Setakat ini mengikut kajian yang telah dibuat oleh pihak kementerian, apa sebenarnya masyarakat Malaysia tidak begitu menaruh minat yang tinggi berhubung dengan pembantu rumah sebagaimana sistem yang sedia ada. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari. Sebelum itu, suka saya maklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia belum mempunyai institut latihan khusus yang menyediakan modul latihan pembantu rumah warga tempatan.

Untuk makluman sebelum ini telah terdapat dua buah pusat latihan pembantu rumah di Kelantan yang berdaftar dan ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia. Kedua-dua pusat tersebut hanya berjaya melatih seramai 159 orang pelatih bagi tempoh Oktober 2010 hingga Mei 2013. Kita sudah buat Yang Berhormat.

Semakan kes Kementerian Sumber Manusia juga mendapati pelatih yang telah menamatkan latihan juga tidak berminat untuk menceburi bidang pekerjaan sebagai pembantu rumah, sebaliknya menceburi bidang pekerjaan lain. Justeru itu, program latihan tersebut tidak lagi diteruskan selepas itu. Ini antara faktor, mungkin menjawab soalan yang kedua kepada Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gaji ini sebenarnya projek perintis *housekeeper* ini, hari ini kita mempunyai 198 orang warga tempatan telah mendaftar sebagai peserta *housekeeper* ini, maknanya pengurus pembantu rumah ini. Sebanyak 45 buah rumah telah mendapatkan perkhidmatan di Putrajaya, Cyberjaya dan Cheras, ini di antaranya Yang Berhormat. Upah dibayar ialah RM6 satu jam. Pembantu rumah ataupun *domestic service* ini tidak terlibat dengan gaji minimum kecuali pekerja-pekerja lain memang terlibat dengan gaji minima.

Buat masa ini tidak ada latihan spesifik yang diberikan kepada melibatkan kerja-kerja pembersihan yang asas seperti membasuh baju, menyapu sampah dan sebagainya. Buat masa sekarang, kita sudah sebut tadi, tidak ada pusat latihan. Jabatan Pembangunan Kemahiran bersedia membantu pihak yang berhasrat membuka pusat latihan yang ditauliahkan di bawah Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS). Kita telah berusaha Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita boleh membantu supaya pusat yang dapat membimbing anak-anak tempatan untuk menjadi pembantu rumah yang dapat disediakan.

Pada masa ini Kerajaan Indonesia masih belum mengemukakan sebarang surat rasmi berhubung kenyataan yang dibuat oleh kerajaan, hendak memberhentikan pekerja yang hendak diambil dari Indonesia. Jadi daripada sekarang ini, sebab itulah masih ramai lagi pembantu rumah dari Indonesia.

Jadi seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa mereka yang terlibat dengan kerja *housekeeper* ini, mereka tidak terlibat dengan gaji minima dan mereka akan dibayar gaji mengikut jam yang telah pun saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila Yang Berhormat Senator Shahanim.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, saya ingin berkongsi sedikit. Semoga perkongsian saya ini akan memberi manfaat kepada Yang Berhormat Menteri untuk berkongsi dengan anak-anak muda di Malaysia ini.

Saya hendak maklumkan saya mempunyai stesen minyak, mempunyai empat orang pekerja Bangladesh. Pekerja saya ada lima pendapatan dan pendapatan lebih kurang RM3,000 ke RM4,000. Seorang pekerja Bangladesh yang bekerja di stesen saya ada lima pendapatan. Pertama dia jadi pam atendan, satu pendapatan. Dia duduk di stesen saya, dia akan kumpulkan semua kotak dijualnya, dua pendapatan. Pendapatan ketiga, selepas lapan bulan dia kerja di stesen minyak saya, ditengok dan perhati. Saya memang akan panggil orang mesin rumput. Selepas lapan bulan, dia datang jumpa saya dia cakap, "*Boss saya mahu gaji, mahu beli mesin rumput*". Jadi dia nampak peluang. Jadi selepas itu setiap bulan dia akan ambil peluang untuk mesin rumput di stesen minyak saya, pendapatan yang ketiga.

Pendapatan yang keempat Tuan Yang di-Pertua, ini untuk berkongsi untuk anak-anak muda Malaysia lah, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pendapatan yang keempat, pekerja Bangladesh saya ini yang bekerja dengan saya enam hari. Satu hari cuti, dia tidak duduk diam, dia buat dengan *A4 paper* ini, ditulis, "*Mesin rumput murah-murah*". Dia *send* kepada rumah-rumah, sekolah dan pejabat. Jadi dia dapat lagi pendapatan yang keempat. Pendapatan yang kelima adalah yang terbaik lah. Saya sewa rumah kepada pekerja Bangladesh saya empat orang. Rumah di kampung, dia boleh bela ayam, itik, dia boleh jual telur ayam dan telur itik. Jadi pendapatannya lebih kurang RM3,000 ke RM4,000 atau RM4,500 sebulan. Itu hanya perkongsian lah kepada Yang Berhormat Menteri untuk memaklumkan kepada anak-anak muda Malaysia betapa banyaknya peluang yang ada di negara kita.

Soalan tambahan saya, *last* sekali... [*Disampuk*] Saya tak bagi dia kahwin dengan orang tempatan. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kesan dasar Indonesia untuk tidak mengeksport tenaga kerja bagi sektor domestik pembantu rumah dan kesannya kepada sektor pekerjaan ini?

■1200

Apakah status rundingan kerajaan untuk membawa masuk tenaga kerja pembantu rumah dari Timor-Leste? Ini kerana pembantu rumah dari Timor-Leste ini dia ada sedikit kelebihan. Dia boleh cakap lebih kurang cakap bahasa kitalah bahasa Melayu kerana bagi pendapat saya, saya juga mempunyai ibu bapa yang uzur yang masih memerlukan pembantu rumah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

Kenapakah pekerja kita ataupun anak tempatan kita tidak mengikut apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Senator Puan Shahanim? Sebagai seorang Senator, dia juga menjalankan perniagaan dan begitu juga orang-orang yang lain. Ini dia Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, sebenarnya inilah antara sebab yang kita hadapi dan inilah antara punca-punca di mana pengangguran seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Razali bin Ibrahim dari Muar, 3.6 peratus lebih kurang.

Walaupun kita masih lagi dianggap dalam guna tenaga penuh tetapi saya melihat bahawa keselesaan hidup anak-anak muda di negara kita telah silap digunakan. Kekayaan yang ada di negara kita sebaliknya diambil oleh orang lain. Sebab itulah kita ada 1.9 juta orang pekerja asing.

Kenapakah harus kita izinkan pekerja asing terlalu ramai di negara kita? Termasuklah seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Shahanim tadi bahawa dia ada enam orang pekerja Bangladesh, itu pun juga mengambil pekerja asing. Saya hendak kalau boleh ditukar kepada pekerja tempatan tetapi apakah pekerja tempatan bersedia untuk menjalankan kerja di tempat beliau?

Kita tengok pekerja asing ini dia nampak bahawa di negara kita ini cukup kaya, penuh dengan kemewahan dan inilah masa yang harus kita rebut. Akan tetapi kenapa perkara ini tidak berlaku pada pekerja kita, anak-anak muda kita? Sebaliknya, mereka merasa selesa saban hari pagi, petang dan malam ibu boleh memasak nasi mereka, maka mereka tidak kerja pun tidak apa. Inilah sebabnya dan inilah harus kita lakukan dan kita harap perubahan mesti kita buat, sesuatu mesti kita lakukan kepada anak-anak muda kita untuk kita *encourage* atau menggalakkan mereka bekerja dengan mengambil peluang-peluang yang ada di negara kita ini.

Saya cukup bersetuju, Yang Berhormat Senator, ini harus kita mencari jalan bersama bagaimana kita mencarikan suatu pendekatan yang cukup serius untuk kita pastikan supaya anak-anak muda kita mengambil peluang ini.

Kembali kepada soalan yang kedua ialah tentang kedudukan *maid* Indonesia ini atau pembantu rumah Indonesia. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Protokol Pindaan MoU telah pun ditandatangani oleh kedua-dua negara pada 30 Mei 2011 di Bandung, Indonesia. Tempohnya sebenarnya telah berakhir. Tempohnya lima tahun dan telah tamat patutnya pada Mei 2016.

Walaupun ada perangkaan ataupun *statement* yang dibuat oleh Presiden Indonesia sendiri tentang cadangan untuk membatalkan atau memberhentikan penghantaran ini, sebenarnya benda ini belum muktamad. Kita masih lagi mengadakan perundingan kerana Indonesia sebuah negara jiran kita yang telah banyak membantu kita dan membekalkan paling banyak pembantu rumah ke negara kita ini. Jadi, saya tidak boleh berikan kata muktamadnya sebab perundingan masih diteruskan. Kita rasa sebenarnya Indonesia bersimpati dengan kita juga dan mereka perlu hantar pekerja mereka ke negara kita dan hubungan baik ini masih ada.

Mengenai dengan ura-ura pembantu rumah daripada Timor-Leste ini yang hendak datang ke negara kita, sebenarnya buat masa ini kerajaan masih lagi belum berhasrat untuk mengadakan perbincangan. Maknanya, kita belum lagi muktamadkan. Pada saya mudah sahaja. Sekarang ini ada 13 buah negara sumber yang membekalkan pekerja termasuklah pembantu rumah ke Malaysia ini dan sudah tentulah bagi mereka yang mempunyai ramai rakyat yang boleh bekerja, mereka bersedia untuk menghantar pekerja mereka ke negara kita tetapi ia terletak kepada kita, adakah kita hendak terus mengambil pekerja asing ini ataupun ada jalan lain yang boleh kita lakukan supaya kita menggalakkan anak-anak tempatan kita menceburi dan mengisi peluang-peluang yang ada ini. Inilah antaranya yang perlu kita berikan perhatian.

Sebab itulah seperti mana soalan yang pertama tadi dari Yang Berhormat Senator Dr. Johari, kita tengok *nature of work*, bentuk kerja pembantu rumah yang tidak menarik berbanding dengan kerja-kerja lain ini yang menyebabkan ramai daripada anak-anak muda kita, wanita dan sebagainya tidak berminat untuk menceburi bidang pekerjaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib yang telah menjawab dengan baik dan tepat. Terima kasih banyak. Pagi ini saya senang hati sebab ramai Menteri kita hadir dan saya rasa rangsangannya bagus. Saya hendak beralih sekarang ini kepada- sesi kita ini, sesi-sesi pertanyaan bagi jawab lisan telah kita selesaikan dan kita beralih kepada agenda lain.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.05 tghari.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:
Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERTAHANAN AWAM (PINDAAN) 2016

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.07 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:
Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan yang mulia, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk meminda Akta Pertahanan Awam 1951 untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan peruntukan bagi fungsi dan kuasa-kuasanya serta perkara bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Akta Pertahanan Awam 1951 telah mengalami beberapa proses semakan dan pindaan kecil sepanjang tempoh kewujudannya. Namun, sehingga kini, tiada pindaan dibuat bagi memperjelaskan dan memperincikan tugas-tugas pertahanan awam yang merupakan elemen tetap dan penting dalam sistem pertahanan negara.

Justeru, Akta Pertahanan Awam 1951 [*Akta 221*] dipinda untuk meningkatkan kredibiliti dan keupayaan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dari aspek pertahanan awam.

Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016 digubal bagi penjenamaan semula JPAM kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dengan memperincikan dan memperkukuhkan bidang kuasa JPAM sebagai agensi pertahanan awam bagi menerajui aspek keselamatan awam atau *public safety* rakyat negara ini.

Perincian fungsi juga disesuaikan dengan peranannya pada masa kini yang lebih meluas dan menyeluruh sebagai barisan pertama aspek keselamatan awam dalam masa aman mahupun peperangan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, aktiviti pertahanan awam di negara ini telah bermula seawal tahun 1938 lagi. Aktiviti menggembelng orang awam mempertahankan tanah air ini bagaimanapun terhenti apabila tercetus Perang Dunia Kedua pada tahun 1941.

Apabila berakhirnya perang pada tahun 1945, British pada tahun 1948 mula membentuk *Local Defense Corp* (LDC) yang menjadi asas permulaan penubuhan sebuah organisasi pertahanan awam di negara ini.

■1210

Perundangan Pertahanan Awam kemudiannya digubal dan diluluskan pada tahun 1951, dikenali sebagai *the Civil Defense Ordinance 1951* yang berkuat kuasa mulai 24 Mac 1952. Fungsi Ordinan ini adalah bagi melaksanakan tugas *passive defense* iaitu meliputi tugas memberi perlindungan menyelamat dan latihan serta khidmat kemanusiaan kepada penduduk awam yang tidak melibatkan serangan atau penggunaan senjata. Melihat kepentingannya demi keselamatan dan pertahanan negara, pertahanan awam menjadi salah satu elemen tetap dan penting sehingga disenaraikan sebagai salah satu bidang pertahanan negara dalam Butiran 2(h), Senarai 1, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Malaysia.

Ordinan Pertahanan Awam 1951 kali terakhirnya dipinda pada tahun 1973 dengan memasukkan peruntukan seksyen 8, mengenai fungsi dan peranan JPAM dalam masa aman dan bencana selain fungsi hakiki menghadapi ancaman peperangan. Pada tahun 1979, Ordinan ini telah disemak semula dan ditukar nama kepada Akta Pertahanan Awam 1951 [Akta 221]. Akta 221 ini merupakan rujukan utama bagi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Jabatan Perdana Menteri dalam melaksanakan fungsi dan peranannya selama ini.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Dewan yang mulia, seperti yang dinyatakan tadi, Akta Pertahanan Awam 1951 memperuntukkan penglibatan JPAM terhadap tugas-tugas bantuan dan kemanusiaan sama ada dalam keadaan aman atau peperangan. Walau bagaimanapun, ia tidak menjelaskan secara terperinci peranan dan tugas JPAM dalam kedua-dua situasi tersebut. Malah fungsi pertahanan awam yang dinyatakan dalam akta itu bersifat terlalu umum dan tidak menggambarkan keseluruhan fungsi pertahanan awam pada hari ini.

Selain Perlembagaan Persekutuan atau Pertahanan Awam 1951 mempunyai perkaitan rapat dengan Akta Perkhidmatan Negara 1952 iaitu Akta 425 yang memperuntukkan kerahan tenaga penduduk awam yang berumur 18 tahun ke atas untuk berkhidmat sama ada dengan angkatan tentera atau pasukan polis atau angkatan pertahanan awam. Ketiga-tiga perundangan inilah yang menjurus kepada perlunya akta ini dipinda bagi memperkasa dan meletakkan semula fungsi dan peranan pertahanan awam sebagai sebuah angkatan dalam sistem pertahanan dan keselamatan negara.

Pindaan akta ini menjadi salah satu keperluan utama bagi memperjelaskan dan memperincikan tugas-tugas pertahanan awam yang sebenar, selaras dengan agensi pertahanan awam di peringkat antarabangsa. Perincian peruntukan bagi Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016 adalah seperti berikut.

Fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 meminda tajuk panjang dan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia atau *Malaysia Civil Defense Force*, dengan fungsi dan kuasa serta perkara-perkara yang berkaitan.

Rasional penubuhan Angkatan Pertahanan Awam ialah supaya ia mempunyai struktur penubuhan di bawah perundangan yang terdiri daripada anggota tetap dan anggota sukarela seperti yang ada di dalam Angkatan Tentera Malaysia dan juga Polis Diraja Malaysia, sekali gus memperakukan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia sebagai agensi berpakaian seragam dan *regimented*.

Fasal 3, Akta Ibu dipinda dengan menggantikan nama *Civil Defense Act 1951* pada *Malaysia Civil Defense Force Act 1951* selaras dengan penubuhan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Fasal 4 meminda seksyen 2 bagi memasukkan takrifan baru *auxiliary member, chief commissioner, civil defense services, disaster management, employer, force, minister, regular member* dan juga *volunteer member* serta memotong takrif *civil defense forces* dan *civil defense services*. Takrifan ini bagi mengelakkan kekaburan terhadap tafsiran dalam akta ibu yang terhad kepada takrif *civil defense* dan *civil defence forces and services* sahaja.

Fasal 5, seksyen baru 2A menubuhkan *Malaysia Civil Defense Force* yang mengandungi anggota tetap, anggota sukarela dan anggota bantuan. Keanggotaan dalam pertahanan awam meliputi anggota tetap sebagai pentadbir dan mengepalai *operational* perkhidmatan pertahanan awam dengan di dokong oleh anggota sukarela dan anggota bantuan sebagai anggota *operational* perkhidmatan medan bagi pertahanan awam.

Fasal ini juga memasukkan seksyen baru 2B(a) hingga (u) untuk memperjelaskan fungsi-fungsi pertahanan awam selaras dengan tugas-tugas pertahanan awam di peringkat antarabangsa di mana Malaysia negara anggota dalam Pertubuhan Pertahanan Awam Antarabangsa ataupun *International Civil Defense Organisation* atau ICDO. ICDO sebuah badan antara kerajaan yang berdaftar dan bernaung di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*).

Kesemua fungsi yang digariskan ini merupakan ketetapan fungsi tugas yang terkandung dalam 15 bidang pertahanan awam antarabangsa dan diterima pakai oleh agensi pertahanan awam atau agensi pengurusan bencana di kebanyakan negara di seluruh dunia sama ada yang menggunakan gelaran nama agensinya *Civil Defense, Civil Protection, Emergency Management, Civil Security* atau *Difak al-Madani*. Fungsi dan bidang tugas ini telah terangkum fungsi sama ada fungsi menghadapi peperangan mahupun fungsi menghadapi kecemasan dan bencana yang meliputi situasi sebelum, semasa atau selepas suatu peperangan atau kecemasan dan bencana.

Fasal ini juga memasukkan peruntukan baru seksyen 2C bagi menjawab kemusykilan mengenai sebarang fungsi bertindih sekiranya wujud. Seperti yang dinyatakan awal tadi, fungsi dalam pindaan Akta Pertahanan Awam 1951 merupakan teras fungsi agensi pertahanan awam seluruh dunia. Justeru, peruntukan seksyen 2C ini menyediakan penyelesaian fungsi yang dirasakan bertindih secara muafakat pentadbiran dan agensi lain berkenaan pengurusan bencana;

Fasal 6, fasal ini meminda seksyen 3, Akta Ibu yang memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah bagi pertahanan awam dengan membuat penyelarasan kata nama angkatan dalam semua peruntukan berkaitan. Hukuman perlanggaran kepada mana-mana peruntukan juga dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM10,000 dan penjara daripada tiga tahun kepada lima tahun atau kedua-duanya sekali. Peruntukan baru (k) turut dimasukkan bagi membolehkan Menteri membuat kaedah-kaedah bagi membolehkan anggota bantuan boleh menjalankan fungsi, kuasa dan keistimewaan seperti anggota tetap dan juga anggota sukarela pertahanan awam;

Fasal 7, fasal ini meminda seksyen 4, Akta Ibu bagi mengadakan peruntukan berasingan berhubung dengan pelantikan Ketua Pesuruhjaya, Timbalan Ketua Pesuruhjaya dan pegawai-pegawai lain oleh Yang di-Pertuan Agong bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan akta.

Fasal 8 memasukkan seksyen-seksyen baru 4A, 4B, 4C, 4D, 4E, 4F, 4G, 4H, 4I dan 4J dalam Akta Ibu. Seksyen 4A diadakan bagi memperjelaskan fungsi dan tanggungjawab Ketua Pesuruhjaya dalam menguruskan pertahanan awam, termasuk perwakilan kuasa kepada mana-mana pegawai pertahanan awam.

Seksyen 4B diadakan bagi membolehkan Ketua Pesuruhjaya mengadakan perintah tetap yang selari dengan kehendak akta ataupun perundangan bertulis lain dalam menguruskan pertahanan awam.

Seksyen 4C diadakan bagi memberi kuasa kepada anggota pertahanan awam mengambil tindakan perlu bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda, termasuk kuasa untuk memindah, menghalang, mengalih, menyekat dan memasuki secara paksa kepada orang atau premis atau struktur yang difikirkan boleh menjejaskan keselamatan nyawa ataupun dalam masa kecemasan. Hukuman bagi kesalahan menghalang kuasa anggota pertahanan awam ini boleh dijatuhkan denda sebanyak RM10,000 dan penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 4D diadakan bagi anggota pertahanan awam mematuhi arahan atau perintah atau tugas yang ditetapkan di bawah akta atau oleh pegawai atasannya dalam melaksana atau menyempurnakan kuasa diberikan.

Seksyen 4E diadakan bagi memberi kuasa kepada Menteri mengarahkan penugasan anggota pertahanan awam berkhidmat di luar negara.

■1220

Peruntukan ini berupa punca kuasa sekiranya terdapat keperluan anggota pertahanan awam dikerah memberi bantuan kemanusiaan di negara lain yang menghadapi bencana. Seksyen 4F ini diadakan bagi memberi kuasa kepada Menteri bagi mengarahkan penugasan atau penempatan sementara anggota pertahanan awam berkhidmat dengan mana-mana angkatan pertahanan awam negara lain atau organisasi lain di luar Malaysia. Ini bersesuaian dengan keahlian pertahanan awam dalam Pertubuhan Pertahanan Awam Antarabangsa (ICDO) yang menggariskan bantuan khidmat teknikal dan pengurusan pertahanan awam di negara anggota dan juga negara yang memohon bantuan ICDO.

Seksyen 4G ini diadakan bagi memberi kuasa kepada Ketua Pesuruhjaya mendaftar anggota sukarela dalam pertahanan awam mengikut syarat yang ditetapkan. Anggota sukarela ini bagaimanapun tidak layak menerima sebarang ganjaran saraan atau perkhidmatan diberikan kecuali elaun tertentu yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Menteri.

Seksyen 4H ini diadakan bagi memberi kuasa kepada Ketua Pesuruhjaya dengan persetujuan Menteri mendaftar anggota bantuan dalam pertahanan awam untuk berkhidmat mengikut kawasan yang ditetapkan. Anggota bantuan ini bagaimanapun tidak layak menerima sebarang ganjaran saraan atas perkhidmatan diberikan kecuali elaun tertentu yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Menteri.

Seksyen 4I bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan pasukan kadet pertahanan awam oleh Menteri. Keanggotaan pasukan kadet ini diperjelaskan dalam peruntukan baru seksyen 4J yang menetapkan syarat umur tidak kurang daripada 12 tahun dan tidak melebihi 30 tahun sebagai anggota kadet. Ini bermaksud orang yang mendaftar sebagai pelajar di institusi latihan atau pelajaran sama ada di peringkat sekolah menengah hingga institusi pengajian tinggi boleh didaftarkan setelah perbincangan dengan Menteri bertanggungjawab mengenai pendidikan.

Fasal 9, fasal ini meminda seksyen 5 akta ibu yang menggariskan perkataan, "*Director General for Civil Defense*" dengan perkataan, "*Chief Commissioner*", dan perkataan "*civil defense forces and services*", dengan perkataan, "*the Force, for civil defense services*."

Fasal 10, fasal ini meminda seksyen 6 Akta Ibu bagi menggantikan perkataan "*civil defense forces and services*", dengan perkataan "*Force*".

Fasal 11, fasal ini memasukkan seksyen baru 6A dan bagi memberi perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 dari apa-apa tindakan guaman, tindakan pendakwaan atau prosiding terhadap anggota pertahanan awam akibat kecauaian dalam memberikan khidmat secara suci hati.

Fasal 12, fasal ini membuat pindaan kecil kepada seksyen 7, Akta Ibu bagi menggantikan gelaran jawatan 'Ketua Pengarah' kepada gelaran pangkat 'Ketua Pesuruhjaya' dan perkhidmatan kepada angkatan bagi menyeragamkan dengan penubuhan angkatan.

Fasal 13, fasal ini meminda seksyen 7 Akta Ibu dengan memasukkan peruntukan seksyen baru 7A, 7B, 7C, 7D, 7E, 7F, 7G dan 7H.

Seksyen 7A diadakan bagi mengelakkan anggota pertahanan awam daripada menolak untuk berkhidmat, bersara atau meletak jawatan apabila berlaku pengisytiharan darurat oleh Yang di-Pertuan Agong kecuali dengan syor dan pertimbangan Ketua Pesuruhjaya.

Seksyen 7B bertujuan untuk melarang anggota pertahanan awam yang tanpa kebenaran bertulis Ketua Pesuruhjaya untuk bersara atau meletak jawatan pada ketika tindakan disiplin atau pendakwaan masih berlangsung terhadap anggota berkenaan.

Seksyen 7C bertujuan untuk menghalang majikan anggota sukarela dan anggota bantuan daripada memberhentikan atau menyekat keistimewaan cuti dan manfaat pekerjaan hakiki anggota dengan majikan sekiranya gagal hadir untuk bekerja atas tujuan dikerah untuk berkhidmat bagi menjalankan tugas-tugas pertahanan awam semasa berkuat kuasa darurat.

Seksyen 7D bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat ketetapan bagi orang awam dilatih dengan bidang pertahanan awam termasuk *exercise* bagi maksud pertahanan awam. Ini kerana pertahanan awam diberi tanggungjawab untuk melatih dan membentuk komuniti yang siap siaga dengan kecemasan dan bencana.

Seksyen 7E bertujuan menggariskan senarai jadual pangkat yang seragam dan selari dengan pangkat agensi pertahanan awam di negara lain seperti dinyatakan dalam Jadual.

Seksyen 7F bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

Seksyen 7G bertujuan memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menganugerahkan tauliah kehormat dan tauliah bersekutu dalam angkatan pertahanan awam kepada mana-mana orang yang difikirkan layak.

Seksyen 7H bertujuan memperuntukkan penalti terhadap mana-mana individu yang menyamar sebagai anggota pertahanan awam. Kesalahan melakukan penyamaran sebagai anggota pertahanan awam ini boleh dijatuhkan denda sebanyak RM10,000 dan penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Fasal 14, fasal ini meminda seksyen 8, Akta Ibu bagi menggantikan gelaran jawatan 'Ketua Pengarah' kepada gelaran pangkat 'Ketua Pesuruhjaya dan Perkhidmatan' kepada pertahanan awam bagi menyeragamkan dengan pertubuhan pertahanan awam.

Fasal 15, fasal ini meminda Akta Ibu dengan memasukkan selepas seksyen 9, jadual yang berikut:

Schedule Section 7E, ranks for the Force.

Bil.	Senior Officers	Officers	Staff Officers	Other Ranks
a.	<i>Chief Commissioner for the Force</i>	<i>Lieutenant Colonel for the Force</i>	<i>Higher Staff for the Force</i>	<i>Sergeant Major for the Force</i>
b.	<i>Deputy Chief Commissioner for the Force</i>	<i>Major for the Force</i>	<i>Senior Staff for the Force</i>	<i>Sergeant for the Force</i>
c.	<i>Commissioner for the Force</i>	<i>Captain for the Force</i>	<i>Junior Staff for the Force</i>	<i>Corporal for the Force</i>

Bil.	Senior Officers	Officers	Staff Officer	Other Ranks
d.	<i>Deputy Commissioner for the Force</i>	<i>Lieutenant for the Force</i>		<i>Lance Corporal for the Force</i>
e.	<i>Assistant Commissioner for the Force</i>	<i>Second Lieutenant for the Force</i>		<i>Private for the Force</i>
f.	<i>Colonel for the Force</i>			

Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, pindaan-pindaan yang telah saya jelaskan tadi merupakan usaha penambahbaikan dan penjenamaan semula Akta Pertahanan Awam 1951, satu akta yang telah berusia 65 tahun. Justeru bukan sahaja Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dijenamakan semula sebagai 'Angkatan Pertahanan Awam Malaysia' selaras dengan peruntukan yang telah sedia ada dalam Akta ibu. Pengurusan pertahanan awam juga dikemas kini melalui pindaan ini bagi menggambarkan ia masih relevan dengan sebarang situasi kecemasan, bencana, darurat dan ancaman peperangan.

Perincian fungsi ini juga merupakan langkah pemerkasaan pertahanan awam yang lebih dinamik dan memenuhi situasi semasa dan ia telah dibuktikan dengan penglibatan pertahanan awam ini dalam pelbagai senario yang berlaku semasa banjir besar saban tahun. Tsunami 2004 dan 2008, insiden pencerobohan Lahad Datu 2013 iaitu mengendalikan pusat perlindungan awam, tugas keselamatan menghadapi insiden ketenteraman awam dan pelbagai kejadian kecemasan harian yang lain.

Pemerkasaan pertahanan awam merupakan tugas khusus bagi Ahli Dewan yang mulia ini bagi memperakukan dan meluluskan rang undang-undang ini yang sekali gus memerlukan pertahanan awam di corak dengan seimbang, baik daripada segi perjawatannya, peruntukan bajet tahunan dan keperluan logistik serta kelengkapan yang diperlukan. Perlu saya nyatakan bahawa adalah tidak munasabah bagi sebuah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang mempunyai perjawatan tetap seramai 1,265 orang di seluruh negara bagi mengurus, menyelia, melatih dan mencorakkan keanggotaan hampir sejuta orang pada masa kini menjadikan nisbah antara pegawai tetap seorang bagi setiap 790 orang anggota.

Ini belum termasuk bilangan orang awam yang dilatih di mana statistik menunjukkan pada tahun 2000, hampir dua juta orang rakyat Malaysia telah diberikan pendedahan dan pengetahuan asas pertahanan awam. Justeru peruntukan bajet yang dinikmati dalam lingkungan RM130 juta hingga RM140 juta setahun tidak dapat menampung kos operasi dan juga pengurusan pertahanan awam yang semakin besar dan disasarkan memiliki dua juta orang anggota pada tahun 2017.

■1230

Lantaran itu rang undang-undang ini diharap menjadi pemangkin untuk meletakkan semula pertahanan awam seiring dengan agensi pertahanan awam lain di negara-negara yang lain serta menjadi platform bagi rakyat Malaysia melibatkan diri dalam aktiviti sukarelaan dan sama-sama memelihara keselamatan awam dan keharmonian negara.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Dewan yang mulia, saya mencadangkan Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016 untuk bacaan kali yang kedua dan untuk dibahaskan. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah memberi hujah yang panjang lebar dan terang dan terima kasih. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan, semenjak Ahli Senator kita ini diberi pangkat dalam JPAM, Wah! Saya nampak semakin semangat dan nampak muda semula Yang Berhormat. Kalau tengok hari ini, ada lebih kurang hampir 12 orang hendak bercakap pasal JPAM. Tahniah, 12 orang bercakap.

Sebelum itu, saya hendak beri sedikit pandangan, khususnya Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan berlaku baru-baru ini iaitu mulut-mulut celopar dalam pilihan raya kecil Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan, banyak sangat. Ada yang langgar budaya Islam itu, seolah-olah tidak beriman mengata Perdana Menteri. Ini tidak betul. Tiap-tiap satu peristiwa yang ku jadikan itu ada hikmahnya. Jagalah mulut itu, bak kata orang tua tadi.

*Bandar Kuantan tanahnya rata,
Tempat orang mencari madu dan pati,
Buat jahat biarlah berpada-pada,
Buat baik berhati-hati [Tepuk]*

Jangan kita lupa, dosa besar. Kena tempatnya sekarang ini saya hendak mulakan. Jadi seorang Menteri lain hendak cakap. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pertahanan Awam 1951 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Saya rasa ada tokoh yang hendak berbahas. Kita mulakan dengan tokoh ini Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar. Dipersilakan.

12.32 ptg.

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih diberikan peluang untuk turut berbahas tentang tajuk meminda rang undang-undang Jabatan Pertahanan Awam 1951.

Saya terus fokus kepada tugas utama JPAM atau sekarang telah pun dijenamakan. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi satu penjenamaan di mana sekarang dipanggil Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Jadi ini dengan tugas utama iaitu saya terus ke pengurusan bencana. APAM ini telah dilantik selaku sekretariat APBN dalam menjalankan tanggungjawab pengurusan bencana.

Semestinya ia merupakan satu tanggungjawab yang besar dan mencabar yang memerlukan persiapan dan perancangan yang rapi supaya Angkatan Pertahanan Awam dapat bertindak dengan berkesan dalam membantu mangsa-mangsa bencana. Selaku sekretariat kepada APBN, APAM juga mesti mempamerkan keupayaan bagaimana menggembelngkan aset yang ada agar dapat memberi respons yang pantas kepada mangsa-mangsa bencana yang memerlukan bantuan.

Selain itu, menjadi tanggungjawab APAM untuk menyelia dan mengurus semua program berkaitan pengurusan bencana yang telah sedia wujud dalam pelbagai jabatan dan agensi kerajaan. Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga nombor 20, Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara telah diwujudkan bagi menggariskan peranan serta tanggungjawab agensi-agensi untuk bertindak semasa bencana. Arahan itu juga meliputi tindakan pemantauan terhadap aktiviti pencegahan dan persediaan agensi-agensi tertentu untuk menghadapi sesuatu bencana.

Berdasarkan kepada arahan ini, perintah dan kawalan di tempat kejadian diletak di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM), selaku komander tempat kejadian. Begitu juga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, selaku timbalan komander tempat kejadian untuk mengurus situasi di tempat kejadian dengan dibantu oleh agensi-agensi lain. Dengan APAM diberi peranan yang lebih besar, ini persoalannya, adakah APAM juga akan diberi peranan dalam aspek perintah dan kawalan iaitu *command and control*, dengan izin. Selaku sekretariat APBN, satu usaha yang perlu diberi perhatian oleh APAM merancang dan mengurus program-program kesedaran bencana di kalangan masyarakat.

Dewasa ini, kita melihat bentuk bencana yang terjadi di Malaysia pelbagai rupa bentuk dan berskala besar seperti banjir besar, gempa bumi, jerebu, tsunami, tanah runtuh dan kebakaran hutan. Dalam setahun dua ini telah terjadi beberapa kejadian bencana berskala besar seperti kejadian gempa bumi di Sabah pada tahun 2015, kejadian banjir besar di seluruh negara pada tahun 2014 dan kejadian jerebu yang berlaku hampir saban tahun.

Oleh itu, penglibatan masyarakat untuk turut sama membantu bagi mencegah dan memberi bantuan semasa kejadian bencana amatlah diperlukan. Pasti sumber agensi bantuan bencana yang ada tidak mencukupi untuk melaksanakan tugas ini bersendirian. Pengurusan bencana di Malaysia memerlukan pendekatan baru dengan memberi fokus kepada pendekatan menyeluruh dalam tindakannya. Rang undang-undang ini menggariskan peranan dan fungsi APAM supaya dapat mengendalikan tuntutan semasa, bantuan semasa dan selepas bencana. Malah membuat persediaan berterusan bagi mengurangkan risiko akibat bencana alam selain mendidik serta memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai amalan baik untuk mengelak dan menangani bencana.

APAM telah diberi mandat untuk menerajui Pasukan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam Komuniti atau *Civil Defense Emergency Response Team* (CDERT) bersama organisasi jawatankuasa keselamatan kampung (JKK) dan Rukun Tetangga bagi menyokong jentera pengurusan dan bantuan bencana kepada masyarakat setempat. Fungsi ini harus dimanfaatkan oleh APAM untuk mengadakan lebih banyak program kesedaran risiko bencana di kalangan rakyat jelata.

Setakat ini, APAM telah berjaya menubuhkan Kadet Pertahanan Awam (KAPA) dan Siswa-siswi Pertahanan Awam di kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Selain itu, APAM juga telah menubuhkan Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) satu langkah tindakan untuk mengembangkan kesedaran risiko bencana. Namun begitu, ada juga cadangan supaya program kesedaran ini diperluaskan ataupun dipanjangkan di kalangan peserta Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Buat masa sekarang, masih diperhatikan bahawa program kesedaran risiko bencana ini masih lagi terhad dan tidak meluas merangkumi semua peringkat masyarakat. Oleh itu, APAM perlu merancang dan meluaskan program kesedaran ini di kalangan semua lapisan masyarakat dan kawasan penduduk, baik kawasan kediaman mahupun kawasan komersil dan pentadbiran.

■1240

Sudah pastinya pelaksanaan program ini amat besar dan mencabar. Hanya melalui komitmen dan kerjasama di antara semua peringkat lapisan masyarakat sahaja yang dapat memastikan objektif yang disasarkan dalam pengurusan bencana ini mencapai kejayaan. Dari sudut latihan, APAM juga dicadangkan membuat satu kajian risiko bencana yang komprehensif yang melibatkan semua daerah di Malaysia. Kajian tersebut hendaklah meliputi semua bentuk risiko bencana yang dijangka bagi sesuatu daerah tersebut.

Hasil kajian tersebut hendaklah kemudian di aplikasikan dengan mewujudkan strategi pengurusan bencana bagi setiap kawasan setempat di dalam negara. Bagi memantapkan pelaksanaan strategi tersebut supaya mencapai matlamatnya, adalah baik latihan simulasi dan praktikal diadakan bagi daerah-daerah tersebut. Dengan cara ini, masyarakat setempat akan tahu risiko yang bakal dihadapi mereka dan apakah langkah tindakan yang perlu dibuat apabila isyarat kecemasan dikeluarkan.

Mungkin agak sukar untuk melaksanakan latihan bencana bagi semua daerah dalam satu tempoh yang pendek, justeru dicadangkan latihan bencana boleh dimulakan di kawasan yang mempunyai tahap risiko yang tinggi terlebih dahulu.

Satu lagi elemen yang perlu diberi perhatian oleh APAM ialah tahap *response time*, dengan izin, apabila setiap kali melakukan tugas menyelamatkan dan bantuan kepada mangsa bencana. Mengambil contoh kejadian banjir besar yang berlaku di Pantai Timur Semenanjung Malaysia pada Disember 2014. Ramai mangsa yang terperangkap di kediaman masing-masing kerana paras air yang naik begitu cepat sehingga tidak sempat untuk menyelamatkan diri. Mangsa-mangsa telah meluahkan perasaan kecewa kerana pasukan penyelamat gagal datang untuk menyelamatkan mereka dengan cepat. Kelemahan ini hendaklah diberikan fokus oleh APAM agar pada masa akan datang masalah yang sama tidak berlaku lagi. Oleh itu, APAM perlu menilai kembali SOP yang diguna pakai agar pasukan penyelamat dapat memberikan respons yang pantas bagi menyelamatkan mangsa.

Bagi mencapai tujuan tersebut APAM juga harus mempunyai aset dan keanggotaan yang mencukupi serta terlatih. Dalam kejadian banjir yang disebutkan tadi terdapat beberapa kes di mana pasukan penyelamat tidak dapat pergi ke lokasi mangsa kerana kekurangan bot atau bot yang berkeupayaan tinggi untuk melawan arus deras. Dalam aspek perundangan, ada beberapa aspek perundangan yang memerlukan perhatian dan penyelesaian yang khusus bagi membolehkan APAM dapat bertindak dengan efektif dan berkesan.

Pertama isu berhubung kuasa penguatkuasaan pencegahan bencana. Termaktub dalam salah satu peranan APAM adalah untuk mengambil langkah tindakan bagi mencegah berlakunya bencana. Dalam kes-kes tertentu seperti dalam usaha untuk mencegah berlakunya banjir akibat kawasan hutan yang diteroka secara haram, anggota penguat kuasa ada kemungkinan bertembung dengan pembalok haram. Persoalannya di sini, adakah APAM diberikan kuasa untuk menangkap pembalok-pembalok haram tersebut? Selain itu, bagi perlindungan diri daripada ancaman penjenayah, adakah dibenarkan anggota APAM membawa senjata?

Kedua ialah perkara berhubung dengan penggunaan atau meminjam harta benda orang awam untuk digunakan oleh APAM dalam misi menyelamatkan dan bantuan kepada mangsa bencana. Ada kalanya dalam situasi tertentu oleh sebab pasukan penyelamat berhadapan dengan masalah kekurangan aset, mereka terpaksa meminjam harta orang awam untuk melaksanakan tugas menyelamatkan dan bantuan. Persoalannya, adakah terdapat peruntukan undang-undang untuk membenarkan APAM menggunakan harta benda orang awam ataupun syarikat swasta? Ini satu konsep yang dipanggil konsep *commandeering* yang memerlukan satu undang-undang yang memungkinkan untuk angkatan pertahanan awam ini untuk menggunakan aset-aset swasta dan aset-aset awam.

Ketiga ialah isu berhubung dengan keengganan orang awam yang tidak mahu mematuhi arahan meninggalkan tempat kediaman apabila diarahkan oleh pasukan penyelamat. Banyak terjadi dalam kejadian banjir yang lepas, mangsa tidak mahu diselamatkan kerana lebih sayang terhadap rumah dan harta benda mereka. Ini boleh menyebabkan mereka berada dalam keadaan yang ketara.

Saya akan menggulung dalam kesimpulan ini amatlah wajar sekali Akta 221 yang diguna pakai sekian lama dibuat pindaan agar dapat memperuntukkan fungsi dan bidang kuasa yang lebih jelas kepada APAM selaras dengan perubahan dan cabaran buat masa kini. Selaku Sekretariat APBN dan urus tadbir kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara yang telah dikuatkuasakan penubuhannya, amatlah penting bagi semua pihak mengetahui fungsi dan bidang kuasa APAM, ini membolehkan pengurusan bencana dapat berjalan lancar dan berkesan.

Dalam menghadapi pelbagai bentuk bencana yang berlaku di negara kita pastinya tugas dan tanggungjawab APAM akan lebih mencabar. APAM hendaklah dalam semua keadaan bersedia untuk bertindak dengan baik. Oleh itu, APAM perlu melihat kepada model pengurusan bencana yang terbaik agar matlamat untuk menjadikan APAM sebuah agensi penyelamat dan bantuan yang berwibawa tercapai.

Untuk mencapai matlamat tersebut, komitmen kerajaan untuk memperuntukkan bajet yang mencukupi bagi pembangunan APAM amatlah penting, tanpa bajet yang mencukupi agak sukar proses transformasi APAM dapat dicapai nanti.

Selain itu, masyarakat juga harus menyokong usaha ini dan memberikan kerjasama untuk memupuk kesedaran risiko bencana di kalangan setiap lapisan masyarakat, di samping bersedia membantu dalam situasi kecemasan dengan menghulurkan bantuan tenaga, harta benda dan kewangan bagi membantu mangsa-mangsa bencana. Dengan ini, saya turut menyokong rang undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri yang telah memberikan pandangan yang baik. Sekarang saya hendak pergi kepada seorang lagi tokoh kita iaitu Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi, sila. Tiada? Saya gantikan dengan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman, ada? Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah.

12.48 tgh.

Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad: Rahimah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016.

Kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada jentera parti yang telah bertungkus-lumus siang dan malam, berkempen dalam Pilihanraya Kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar dan akhirnya membawa kemenangan besar kepada Barisan Nasional.

Pelbagai kaedah telah diambil oleh kerajaan dalam memperkasa dan menaikkan imej pertahanan awam. Syabas kepada Yang Berhormat Menteri yang membawa rang undang-undang ini kerana undang-undang ini tidak dikaji selama 65 tahun dan hari ini kita perlu ada satu undang-undang yang sesuai dengan perkembangan semasa.

■1250

Kita lihat negara kita semenjak kebelakangan ini dilanda dengan pelbagai musibah seperti banjir, kebakaran dan yang terbaru, yang mengejutkan orang ramai iaitu gempa bumi di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan saya dengan menyentuh seksyen 7H iaitu penalti terhadap mana-mana individu yang menyamar sebagai anggota pertahanan awam. Denda sebanyak RM10 ribu dan penjara bagi kesalahan ini. Kita pernah dikejutkan di dada akhbar, di Lembah Klang ada sederet kedai jahit yang menjahit baju tentera. Perniagaan ini dikendalikan oleh warga asing iaitu Bangladesh. Hasil jahitan menyerupai baju askar, malah sekiranya kita lihat di kedai-kedai baju *bundle*, didapati ada uniform RELA atau askar. Siapa sahaja boleh membeli baju tersebut dan siapa sahaja boleh menyamar sebagai anggota berpakaian uniform kerajaan. Perkara ini perlu dipandang serius demi menjaga imej pertahanan awam. Soalan saya, adakah baju pertahanan awam mempunyai ciri tertentu, yang boleh membezakan antara yang tulen dan palsu serta apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini sekira ia berlaku.

APMM ini sebagaimana badan kerajaan yang lain tidak boleh lari daripada persepsi masyarakat. Ada pihak yang menggelar mereka sebagai jentera sesebuah parti, ada juga tohmahan bahawa mereka hanya berkhidmat sekiranya dikerah oleh parti tertentu. Kempen dan penerangan awam harus dijalankan bagi menerangkan kepada masyarakat bahawa anggota pertahanan awam berkhidmat untuk semua, tidak kira latar belakang budaya dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga pindaan kepada rang undang-undang ini adalah selari dengan konvensyen yang ditetapkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi pertahanan awam. Malaysia juga tidak terlepas daripada menjadi ahli kepada pertahanan awam dunia terutamanya dalam ICDO. Ini juga menjadi garis panduan kepada keanggotaan negara dalam ICDO, dalam bantuan khidmat teknikal dan pengurusan pertahanan awam negara anggota.

Soalan saya, berapa lama Malaysia menjadi negara anggota kepada pertubuhan ini dan apakah peranan yang diketengahkan apabila pindaan rang undang-undang ini diluluskan. Pada hari ini, pertahanan awam boleh dikerah ke luar negara mengikut peruntukan yang terdapat pada rang undang-undang ini. Apakah situasi sekiranya negara tersebut bergolak dan dilanda dengan peperangan yang tidak henti? Apakah fungsi APMM ini ketika itu apabila dikerah ke negara tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini keahlian pertahanan awam telah meningkat dan mencecah hampir 1 juta orang dan ia dijangka terus meningkat kepada 2 juta orang anggota menjelang tahun 2018. Saya ingin tahu mengenai komposisi kaum di dalam APMM ini. Saya juga ingin mencadangkan agar peruntukan dan dana dapat disalurkan bagi menambahkan lagi peralatan dan meningkatkan lagi fasiliti pertahanan awam di seluruh negara.

Saya lihat peranan dan fungsi pertahanan awam kini kian mencabar, landskap negara sentiasa berubah dan kita perlukan benteng pertahanan awam yang bukan bersifat memerangi tetapi sebaliknya membantu dan memelihara keharmonian dan ketenteraman awam. Dengan kata-kata itu, saya dengan ini menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Pertahan Awam (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah ya dan sekarang saya nampak bertambah lagi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap. Jumlahnya sudah 14 orang sudah, bagus. Jadi strategi Datuk Seri Dr. tadi kena ya. Bagi dia orang pangkat, bagi dia orang pakai uniform dan berseleralah mereka. Rasa hati itu rasa girang dan rasa muda semula. Terima kasih.

Sekarang saya pergi kepada Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin. Sila.

12.55 tgh.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Jabatan Pertahanan Awam (Pindaan) 2016.

Pindaan kali ini saya percaya memperincikan dua perkara iaitu penjenamaan semula JPAM kepada *Civil Defense Force* atau dalam erti kata lain Angkatan Pertahanan Awam serta memperkasakan fungsi-fungsi pertahanan awam. Kita dapat lihat bahawa keahlian anggota Jabatan Pertahanan Awam turut meningkat dengan mencecah anggaran hampir 1 juta orang dan disasarkan akan terus meningkat kepada 2 juta pada tahun 2018. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri serta Jabatan Pertahanan Awam yang telah memainkan peranan yang penting serta berjaya memberi penekanan serta meluas serta kesedaran akan pentingnya menjadi nadi dalam urusan menyelamatkan masyarakat apabila berlaku sebarang kecemasan tanpa mengira masa dan tempat.

Memang kita akui bahawa masyarakat amat mengenali Jabatan Pertahanan Awam. Di mana-mana pun hari ini kita melihat bahawa Jabatan Pertahanan Awam amat cemerlang daripada segi kerja-kerja dan juga tindakannya yang pantas. Contohnya saya di Melaka kalau mengadakan pertandingan bola sepak, sukan dan sebagainya, maka antara agensi kerajaan yang pertama kita hubungi pihak JPAM untuk memastikan keselamatan pemain dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada peranan JPAM ini, saya melihat fungsinya semakin hari semakin penting terutamanya dalam melatih dan juga melengkapkan rakyat Malaysia dengan ilmu dan juga kesedaran pertahanan awam ke arah kesiapsiagaan untuk menghadapi musuh, kecemasan dan juga sewaktu bencana. Penglibatan JPAM ini saya lihat akan setidaknya akan meredakan sesuatu situasi yang dilihat sebagai suatu peranan besar dalam menggerakkan suatu pertolongan.

Dalam tujuan kita untuk memperkasakan pertahanan awam ini yang kita sebut sebagai pertahanan ketiga negara, unsur-unsur kemanusiaan perlu juga diambil kira dalam kita membentuk satu rangka institusi pertahanan awam yang kuat dan kukuh. Mereka ini juga perlu diperkasakan semangat mereka, motivasi mereka dan juga kecintaan mereka kepada khidmat sukarela yang terkandung dalam inti pati pertahanan awam ini.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, apa usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan khususnya seperti yang diperuntukkan dalam fasal 2, Angkatan Pertahanan Awam sebagai langkah untuk mengelakkan lebih ramai rakyat khususnya golongan muda, menggalakkan lebih ramai rakyat khususnya golongan muda untuk menyertai anggota sukarelawan ini. Pada pandangan saya, usaha yang besar dan giat amatlah diperlukan untuk menarik minat rakyat dengan mengambil kira aspek-aspek berikut:

- (i) perlukan kepada pegawai tetap angkatan yang mencukupi, yang berkemahiran tinggi, kompeten yang seimbang dengan jumlah anggota yang dilatih;
- (ii) menyediakan dana atau bajet yang mencukupi untuk melatih sehingga lebih 2 juta anggota seperti yang disasarkan oleh Yang Berhormat Menteri menjelang tahun 2018; dan
- (iii) selain daripada itu, haruslah menyediakan prasarana-prasarana seperti logistik, tempat atau latihan serta kelengkapan yang mencukupi.

Melalui cadangan yang saya nyatakan di atas, saya yakin jumlah keanggotaan yang disasarkan akan mampu dicapai menjelang tahun 2018 dan saya dimaklumkan bahawa hanya ada 3 buah pusat latihan keanggotaan JPAM. Jadi diharapkan pada masa akan datang pihak kerajaan dapat mengadakan pusat-pusat latihan JPAM ini di seluruh negeri, di setiap negeri di seluruh negara.

Berkenaan keanggotaan daripada golongan generasi muda seharusnya dijadikan golongan sasaran oleh JPAM atas dasar latihan dan kemahiran yang akan diberikan oleh pihak JPAM supaya ia menjadi satu ilmu yang berguna dapat diguna untuk membantu pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya pindaan seksyen 2B yang menjelaskan tentang fungsi JPAM serta seksyen 2C berkaitan pertindihan fungsi diselesaikan secara pentadbiran. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah melalui pindaan pada seksyen maka fungsi JPAM akan dikhususkan sepenuhnya supaya tidak berlaku sebarang pertindihan fungsi di antara Jabatan Bomba Malaysia? Oleh itu, saya mencadangkan agar Jabatan Perdana Menteri bekerjasama dengan Kementerian KPKT dan juga agensi-agensi lain agar dapat menyelesaikan masalah pertindihan fungsi di antara jabatan yang terlibat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada peruntukan perbelanjaan tahun 2016, JPAM diperuntukkan sebanyak RM276 juta sahaja. Ini berbanding dengan negara jiran kita di Singapura yang memperuntukkan setahun sebanyak 576 juta Dolar Singapura. Jadi saya percaya dengan perubahan akta ini akan melibatkan implikasi kewangan. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada implikasi kewangan itu akan berlaku pada tahun bila dan berapakah peruntukan yang dianggarkan untuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia ini sehingga sasaran 2 juta orang anggota menjelang tahun 2018 dapat dicapai.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, perhatikan di atas pindaan undang-undang ini secara keseluruhannya, cadangan pindaan kepada Akta Pertahanan Awam 2016 ini sudah tentunya akan memberikan impak dan juga imej yang lebih progresif dan juga positif pada Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas inisiatif untuk menggerakkan penjenamaan dan juga pergerakan Jabatan Pertahanan Awam. Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin. Terima kasih banyak ya dan saya bagi *last* sekali kepada Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han. Sila. Tidak ada ya? Tidak ada, ada? Jadi Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han, tidak ada. Okey saya minta sekejap ya hendak bagi kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Sekejap.

1.02 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi kepada saya peluang untuk sama-sama berbahas berhubung dengan rang undang-undang yang telah dibentangkan ini iaitu satu akta untuk meminda Akta Pertahanan Awam 1951.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan akta ini dan sudah pasti akta ini adalah untuk mengemaskinikan lagi pasukan pertahanan awam sesuai dengan perkembangan angkatan ini daripada semasa ke semasa.

Kalau kita tengok sebelum angkatan pertahanan awam menumpukan kepada pengurusan bencana sebagai mana telah disebut oleh rakan-rakan tadi dan banyak perkara yang telah dilaksanakan. Maka saya di sini mengambil kesempatan untuk menyebut beberapa berhubung dengan akta pindaan ini. Pertama...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta kita sambung lepas ini, 2.30 petang.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ia banyak sekarang minat untuk bercakap ini ya. Jadi kita telah bersidang 4, 5 hari sudah dan banyaklah kita dapati jasa-jasa Ahli Yang Berhormat ini membuahkannya dalam Dewan dalam yang mulia ini, dasar. Bermakna juga bagi kita Yang Berhormat Datuk Dr. kita tadi mengakhirkan cerita JPAM. Sambutan sangat baik. Jadi pada semua itu saya ucap terima kasih banyak. Jika saya tidak jumpa petang karang, saya hendak beritahu saja.

*Tinggal tuan tinggal kenangan,
Tinggal bunga berkait-kait,
Tinggal tuan tinggal semua,
Tinggal dengan budi yang baik [Tepuk]*

Itu saja, budi yang baik. Berkorban banyak kita ya. So, kita banyak jasa dan dengan itu juga terima kasih banyak iaitu sekarang Majlis Mesyuarat itu ditangguhkan hingga jam 2.30 petang. Sekian. *Wassalamualikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.05 petang]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam sehati seja dan terima kasih Yang Berhormat hadir semula. Kita minta Yang Berhormat Senator Dato' Johari sambung. Sila.

2.33 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh...*
[Membaca sepotong doa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan untuk saya menyambung perbahasan saya yang terhenti tengah hari tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun menyambung seperti yang baru kerana baru bermula sudah berhenti. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah membentangkan akta ini dan sudah pastinya akta ini untuk mengemaskinikan pasukan JPAM sesuai dengan perkembangan terkini dan juga hambatan-hambatan semasa dan ia merupakan satu akta yang telah lama iaitu 1951 lagi. Kita nampak di sini bahawa perkembangan yang berlaku merupakan suatu perkembangan yang positif untuk menaikkan kedudukan angkatan ini. Semoga dengan penambahbaikan ini, ia akan memberi impak yang baik kepada perkembangan.

Tuan Yang di-Pertua, pertahanan negara merupakan satu tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap warganya tanpa mengira lelaki mahupun perempuan. Malah ia merupakan satu amal ibadat yang sangat besar kalau dilihat dari sudut agama. Justeru kita melihat bahawa setiap insan yang berada di dalam negara kita ini, perlu mereka melibatkan diri dengan perkhidmatan apa sahaja terutamanya perkhidmatan awam ini bagi mereka yang tidak berada dalam pasukan tentera dan polis di mana mereka mempunyai satu peluang lagi untuk berada dalam pasukan beruniform walaupun tidak sepenuh masa dan dengan itu mereka boleh menyumbang kepada perkembangan negara khususnya di dalam memberi keselamatan dan memastikan keselamatan negara kita berada dalam tahap yang cukup baik.

Oleh sebab itu peningkatan pindaan akta ini diharapkan dapat memberi rangsangan kepada mereka yang belum lagi menyertai pasukan ini supaya mereka boleh menyertai sama dalam pentadbiran awam ini. Baru-baru ini kita Ahli-ahli Parlimen semua telah ditauliahkan sebagai Kolonel Kehormat dan ini pun merupakan satu motivasi yang secara langsung atau tidak langsung telah dilakukan. Kita melihat dalam akta ini bahawa pihak Menteri boleh melantik siapa yang boleh difikirkan sesuai dalam jawatan-jawatan tertentu sebagai kehormat. Kita ucap terima kasih dan syabas kepada Menteri yang telah membuat satu lonjakan yang besar dalam hal-hal ini [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya juga merasakan bahawa senator-senator ini dan orang yang seumpamanya yang dilantik sebagai kehormat perlu diberi taklimat penerangan apa peranan yang boleh mereka lakukan dengan tugas yang telah diberikan, bagaimana cara dan sebagainya walaupun tidak sampai berkawad. Saya rasa tidak sampai di situ tetapi biar kita tahu bagaimana hendak memberi sumbangan di dalam JPAM ini supaya kita lebih dapat melakukan kerja-kerja yang positif.

Saya melihat di sini, saya hendak pergi kepada akta ini. Fasal 5, fungsi kuasa Angkatan supaya selaras dengan pertahanan awam di peringkat antarabangsa. Sebenarnya sebagaimana yang telah kita tahu tadi bahawa perkhidmatan awam ini sejak sekian lama telah terlibat sebelum merdeka lagi dan selepas tahun 1951 dan ia telah mempunyai rangkaian di peringkat antarabangsa. Cuma ingin saya dapat maklumat dan kepastian daripada pihak kementerian, Menteri kita, pihak-pihak mana yang telah ada hubungan sebelum ini. Apa bentuk-bentuk hubungan yang telah terjalin sehingga ke hari ini dan apa yang boleh kita tingkatkan daripada masa ke semasa untuk memantapkan hubungan ini di peringkat antarabangsa.

Fasal 6 memberi kebenaran kepada Menteri, kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah mengenai tugas, kuasa dan keistimewaan pegawai bantuan pertahanan awam. Persoalannya, kita ingin tahu bentuk yang macam mana yang akan digubal nanti dengan kuasa-kuasa yang telah diberi, akan diberi nanti, dalam peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan.

Begitulah juga berhubung dengan fasal 7 peruntukan bagi pelantikan Ketua Suruhanjaya Timbalan Ketua Suruhanjaya dan sebagainya. Sekadar ingin mengetahui syarat-syarat dan kelayakan dan juga pengalaman yang mungkin akan diberi pertimbangan untuk pelantikan ke jawatan tersebut .

Kemudian, kita lihat juga pada seksyen 4(1) peruntukan menubuhkan pasukan kadet pertahanan awam dan syarat-syarat menjadi anggota. Tadi diterangkan bahawa pasukan ini, pasukan kadet ini bermula daripada di sekolah rendah lagi atau sekolah menengah sampai ke peringkat universiti. Saya merasakan bahawa pelajar-pelajar di peringkat sekolah, sekolah menengah khususnya sehingga sampai ke peringkat universiti, mereka perlu dilibatkan secara aktif di dalam pasukan kadet ini dan juga pasukan yang beruniform yang lain terutamanya kadet JPAM ini supaya pelajar-pelajar kita mempunyai asas yang cukup untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang pada masa depan.

■1440

Orang yang tidak tahu bagaimana duduk dalam pasukan beruniform, mereka tidak akan dapat melakukannya dengan baik berbanding dengan orang yang pernah berada dalam pasukan uniform peringkat di sekolah dan juga di universiti. Saya melihat sesetengah negara ada mewajibkan bukan secara pilihan, mewajibkan pelajar-pelajar supaya terlibat secara langsung dengan pasukan yang beruniform. Kalau dalam konteks, kita ini JPAM. Supaya pelajar-pelajar itu pada masa depannya mungkin dia akan *involve* atau menyertai di dalam pasukan tentera.

Malah, ada negara-negara di dunia ini yang mewajibkan setiap pelajarinya perlu lulus dalam latihan pasukan beruniform sebelum mereka diberi *graduate*. Sebelum mereka tamat pengajian di peringkat universiti. Ini menunjukkan keprihatinan sebahagian negara di dunia ini yang menunjukkan bahawa berada di dalam pasukan beruniform itu satu keperluan oleh negara kepada setiap rakyatnya yang mempunyai kesihatan yang baik dan cukup syarat-syaratnya. Dengan itu, walaupun kita tidak sampai begitu tetapi dorongan-dorongan yang kuat, yang baik supaya warganegara kita, anak-anak kita mempunyai keinginan yang tinggi di dalam menyertai pasukan yang beruniform khususnya kadet pertahanan awam ini.

Seterusnya kita tengok pelajar-pelajar yang biasanya menyertai pasukan yang beruniform ini, mereka akan dilatih dengan disiplin yang tinggi dan diharapkan sedikit sebanyak gejala sosial dapat dibendung dari semasa ke semasa. Andai kata kalau seluruh pemuda kita menyertai pasukan beruniform seperti Pertahanan Awam ini, maka sudah pasti gejala-gejala yang tidak sihat, yang tidak baik itu dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

Jadi selain daripada kita ingin memberi mereka supaya menyertai pasukan ini juga, kita ada akan dapat tujuan sampingan daripada kerja-kerja ini. Begitulah juga saya hendak tahu perlindungan seksyen 7C, perlindungan hak pekerjaan kepada mana-mana anggota sukarela yang tidak hadir dan tidak boleh diambil tindakan oleh pihak majikan. Ini pun saya rasa satu perkara yang juga memberi insentif dan juga dorongan kepada mereka yang berada dalam perkhidmatan awam ataupun swasta menyertai JPAM ini.

Begitu juga peruntukan kuasa untuk membuat perkiraan bagi penduduk awam untuk dilatih bagi tujuan pertahanan awam setempat. Ini juga saya melihat satu perkara yang baik yang perlu dititikberatkan di mana setiap kawasan, setiap ketika, keadaannya tidak sama. Saya teringat ketika konfrontasi pada tahun 1963 dahulu. Masa itu saya masih kecil dan sudah ingat. Maka semua pemuda berumur 18 tahun ke atas dikerah untuk membuat pendaftaran oleh pihak kerajaan dan mereka mungkin akan dipanggil pada bila-bila masa untuk menjadi pasukan beruniform dan tentera demi menjaga keselamatan negara.

Begitu juga saya ingin mendapat penjelasan dan maklumat daripada Yang Berhormat Menteri. Seseorang yang ingin menjadi anggota dan menganggotai perkhidmatan awam ini, bagaimana mengikut syarat dan kaedahnya. Adakah perlu kepada seperti proses sebagai seorang anggota polis untuk menjadi polis dan sebagainya. Kena *check* daripada segi kesihatan, tinggi rendah, buka badan besar kecil dan sebagainya ataupun boleh kepada sesiapa sahaja kerana dia juga ada elemen-elemen pasukan beruniform dan juga ada mempunyai syarat-syarat tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyatakan bahawa menyertai pasukan keselamatan sama ada askar, polis ataupun perkhidmatan awam ini merupakan satu keperluan kepada negara kita dan biar semua orang yang menyertai pasukan beruniform ini merasakan khususnya bagi orang Islam merasakan ia adalah sebahagian daripada ubudiyah kepada Allah. Ini sangat penting. Kalau dia berjaga malam, kalau dia memberi bantuan kepada mangsa bencana atau dalam peperangan, dia merasakan di dalam ubudiyah kepada Allah dan dia berasa berada dalam pengibadatan dan dia merasai mendapat pahala. Bukan begitu sahaja. Bukan hanya kalau memikirkan untuk mendapatkan elaun sahaja. Tidak, bukan itu. Kita adalah untuk mendapat ganjaran yang lebih besar daripada itu.

Oleh sebab itu, seorang yang menjaga keselamatan negara sehingga negara selamat, sehingga orang lain dapat tidur dengan nyenyak, sampai bangun pagi, kita bersengkang mata dan tidak tidur, tinggal rumah tangga, ini adalah sebahagian besar dari ubudiyah kepada Allah SWT. Saya teringat al-Imamu Syafie Rahimahullah. Apabila pada waktu malam beliau berada di pesisir pantai, orang kenal dia. Siapa dia dan lalu ada orang pergi bertanya kalau kita dalam bahasa kita, diringkaskan, tuan guru atau tuan syeikh, kenapakah duduk di sini? Pagi-pagi, tengah malam, dinihari duduk di sini sedangkan orang lain ada yang tahajud, sembahyang malam. Ulama besar.

Dia berkata, saya membaca satu hadis nabi mengatakan bahawa yang bermaksud dua jenis mata yang tidak disambar di akhirat nanti oleh api neraka. Pertama, ialah mata yang menangis kerana takut kepada Allah, dan kedua, mata yang berjaga untuk keselamatan masyarakat umum yang berada di sempadan dan duduk di tepi pantai. Dia kata kalau musuh datang dari arah pantai, saya dulu yang mengetahui dan saya akan melaporkan kedatangan mereka dan bahaya itu. Ini menunjukkan bahawa besarnya peranan pasukan keselamatan termasuklah JPAM yang sedang kita bincang ini menurut kaca mata Islam dan ia merupakan satu kedudukan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ini berada di pertengahan Ramadhan. Betul-betul pertengahan dan kita akan melangkah sedikit lagi kepada sepuluh akhir Ramadhan dan sepuluh akhir Ramadhan ini biasanya orang berebut-rebut untuk mendapatkan malam yang agung iaitu malam Lailatulqadar yang mana ganjaran besar pada malam itu, amalan baiknya lebih baik daripada seribu bulan. Kalau seribu bulan 83 tahun, 83.3 tahun dan saya rasa kalau dalam Dewan kita ini tidak tahu ada atau tidak orang umurnya 83 tahun. Belum barangkali.

Jadi begitu panjang umur orang yang amalan yang sedikit pada waktu yang sedikit tetapi gandaannya sampai begitu. Amalan itu macam-macam amalan asalkan baik sahaja dan saya difahamkan bahawa anggota JPAM ini akan bertugas pada malam-malam terakhir Ramadhan. Mungkin mereka tidak sempat banyak sembahyang tetapi mereka bekerja untuk menjaga keselamatan. Itu pun amal soleh dan sangat baik.

Oleh sebab itu, saya mengambil kesempatan di sini, pada bulan yang mulia ini, amal soleh itu kita perlu luaskan. Jangan sempitkan. Biar ia lebar selebar-lebar kehidupan manusia. Selebar malam dan siang. Apa-apa amalan yang pertama, direda oleh Allah SWT. Kemudian dilakukan dengan mengikut syariat, maka ia amal soleh. Walaupun kita hanya berjumpa senyum sesama sendiri, sudah jadi amal soleh dan senyum itu lebih baik daripada senyum seribu kali senyum. Senyum pada bulan Ramadhan. Kalau sedekah pun begitu. Kalau apa pun begitu. Kalau kata *astaghfirullah* pun lebih baik daripada seribu bulan dan bukannya seribu kali. Saya menyeru kepada mereka, kepada sahabat-sahabat seagama supaya jangan lepaskan peluang ini.

■1450

Kepada semua umat Islam supaya turut bersama mendapatkan kebajikan yang besar ini. Dengan itu saya sudahi perbincangan saya ini dan saya menyokong sangat rang undang-undang ini.

Ucap terima kasih dan tahniah kerana lantikan kehormat dan sokongan ini bukan kerana lantikan kehormat itu tetapi kerana keikhlasan saya yang saya tengok betul dan tepat dan kena pada waktunya. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Ringkasnya isi yang dikatakan, dia berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim yang menyediakan jawatan itu. Pentas untuk membuat kebajikan untuk mencari pahala khususnya bulan puasa ini. Terima kasih. Saya jemput pula tadi Yang Berhormat Senator Puan Azizah binti Harun. Sila.

2.51 ptg.

Puan Azizah binti Harun: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas dalam Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016. Sebelum saya memulakan perbahasan saya pada hari ini, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan sekalung tahniah dan syabas atas kemenangan Barisan Nasional dalam dua pilihan raya kecil baru-baru ini, terutamanya Pilihanraya Kecil Sungai Besar.

Saya ingin menyampaikan penghargaan kepada anggota dan jentera parti yang telah bertungkus-lumus siang dan malam dalam membawa kemenangan kepada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pertahanan awam bermula seawal tahun 1938. Akta yang menggembelng orang awam mempertahankan tanah air bagaimanapun terhenti apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1941. Sekiranya dilihat dari sudut definisi pertahanan awam ini, tidak melibatkan penggunaan senjata atau serangan.

Walau bagaimanapun, mereka merupakan elemen penting dalam pertahanan negara. Rang undang-undang di hadapan kita sekarang ini akan memperjelaskan dan memperincikan tugas-tugas pertahanan awam demi menjamin keselamatan awam. Kita boleh melihat penglibatan JPAM dalam pelbagai jenis suasana, dalam situasi termasuk tugas-tugas bantuan dan kemanusiaan sama ada dalam keadaan yang aman ataupun peperangan.

Fasal 2 dipinda dalam rang undang-undang ini bagi memperakukan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia sebagai agensi berpakaian seragam dan menjadi rejimen. Ini lantas akan memperkasakan pertahanan awam negara.

Penubuhan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, anggota tetap atau anggota sukarela seperti yang ada di dalam Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Pertamanya saya ingin tahu, berapakah upah atau gaji yang dibayar kepada anggota pertahanan awam? Selepas lulusnya rang undang-undang, adakah akan berlaku peningkatan gaji atau elaun pegawai?

Seterusnya saya ingin tahu mengenai hierarki dalam pentadbiran. Ini kerana berlaku juga kekeliruan malah percanggahan daripada segi pangkat dan kedudukan dalam pertahanan awam. Sebagai contoh seksyen 14 bertujuan untuk menggantikan gelaran jawatan ketua pengarah kepada ketua pesuruhjaya dan perkhidmatan pertahanan awam boleh memaklumkan kepada Dewan mereka di peringkat ini di gred berapa dan menerima gaji sebanyak berapa?

Seterusnya saya lihat dalam pindaan ini terdapat banyak pangkat yang diberi istilah dalam bahasa Inggeris. Saya rasa elok kementerian berbincang dengan pakar bahasa di dalam negara dan mencari istilah baru yang merujuk kepada perjawatan demi memartabatkan Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita lihat apabila berlakunya suasana bencana yang tidak diduga, kita akan lihat anggota polis, tentera akan dikerah ke lokasi malah pertahanan awam juga akan dikerah bersama sekiranya situasi membenarkan.

Saya lihat mereka ini sering terdedah kepada ancaman bahaya. Malah ada juga keadaan yang boleh mengorbankan nyawa. Sebagai contoh kebakaran, tanah runtuh malah orang masuk rumah pun juga pertahanan awam dipanggil. Sebagai contoh, kebanyakan mereka akan berhadapan untuk memberi khidmat mereka.

Saya ingin bertanya mengenai perlindungan atau caruman insurans. Adakah ada sebarang perlindungan diberi kepada anggota pertahanan awam? Sekiranya ada, minta Menteri untuk memaklumkan kepada Dewan. Adakah dikenakan sebarang bayaran atau *fee* untuk memperoleh perlindungan atau mendapatkan sebarang bantuan pampasan tersebut?

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai seorang anggota pertahanan awam harus dilengkapi dengan kemahiran dan latihan-latihan bagi menguatkan daya pertahanan dan mampu menghadapi pelbagai ketahanan dan cabaran semasa menjalankan tugas.

Stamina juga harus ditingkatkan. Fasiliti pertahanan awam harus dilengkapi dengan semua kelengkapan dan kemudahan sukan sedia dan harus dipertingkatkan lagi. Fasiliti seperti kolam renang, gimnasium harus dimiliki di setiap fasiliti pertahanan awam. Berapakah bangunan pertahanan awam sedia ada yang akan ditambah baik dan berapakah kos yang akan dibelanjakan? Berapakah bilangan fasiliti pertahanan awam yang terdapat di Selangor?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai keperluan kenaikan pangkat bagi seorang anggota pertahanan awam. Adakah ada sebarang kenaikan pangkat dan peningkatan daripada segi kerjaya seseorang anggota? Ini kerana saya fikirkan pengalaman sedia ada boleh digunakan dan dipraktikkan dalam bidang atau agensi yang lain. Sebagai contoh RELA, ESSCOM dan lain-lain lagi.

Seperti mana penubuhan PLKN dahulu mengundang pelbagai reaksi dan persepsi dari masyarakat. Ramai yang meragui akan penubuhan PLKN termasuk ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka untuk menjalani Program Latihan Khidmat Negara. Kita tidak lupa juga satu ketika dahulu, latihan senjata M16 telah menimbulkan kemarahan dan kesangsian kepada segelintir masyarakat. Mereka mempersoalkan kerasionalan harus diadakan latihan sedemikian.

Namun dengan cara berhemah, pihak Kementerian telah berjaya meyakinkan masyarakat bahawa latihan itu untuk membentuk jati diri dan rasa hormat kepada angkatan tentera. Begitu juga dengan pertahanan awam. Apa persediaan Kementerian sekiranya pertahanan awam ini dilemparkan dengan pelbagai cerita yang kurang menarik. Adakah pertahanan awam mempunyai unit khas tersendiri dalam berdepan dengan media dan masyarakat untuk memaklumkan cerita di sebalik berita yang dikhabarkan?

Tuan Yang di-Pertua, keahlian anggota Jabatan Pertahanan Awam meningkat mencecah satu juta orang dan terus meningkat kepada dua juta orang menjelang tahun 2018. Anggaran apakah komposisi pada masa sekarang? Peranan hakiki penjagaan rakyat dan keselamatan awam tetapi kalau kita lihat daripada segi perkara lain ialah soal menyelamatkan, melindungi dan mengurangkan kehilangan nyawa serta kerosakan ke atas harta benda awam, melakukan kerja-kerja bantuan bencana dan memberi perlindungan bagi menjamin keselamatan.

Kekuatan pada perubahan daripada nama jabatan kepada angkatan menggambarkan akan kekuatan pertahanan awam itu sendiri, sentiasa siap sedia berhadapan pelbagai cabaran dan rintangan yang mendatang. Namun itu sahaja menggambarkan kemegahan, kekuatan dan iltizam pertahanan awam dalam memberi perkhidmatan kepada negara.

Akhir kata, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

■1500

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Terima kasih banyak ya. Saya minta sebolehnya jangan diulang apa yang dah dicakapkan itu, ramai lagi kuorum kita ini hendak bercakap petang ini. Minta kerjasama ya. Saya minta pula Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul, dipersilakan.

3.00 ptg.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016.

Sebelum pergi jauh, saya juga sekali lagilah untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, seluruh jentera parti membawa kemenangan besar dalam pilihan raya baru-baru ini dan ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional bersedia dalam PRU Ke-14.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya kecil ini jelas menunjukkan sokongan rakyat kepada kerajaan hari ini dan dimanifestasikan dengan rang undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita pada sidang Dewan kali ini.

Pindaan kepada rang undang-undang ini tiba tepat pada masanya dan pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan serta di peringkat kementerian dan juga masyarakat untuk bersama-sama memelihara dan menjaga ketenteraman awam. Negara kita sejak kebelakangan ini senantiasa menghadapi situasi yang tidak diduga. Daripada pergolakan politik, cuaca yang tidak menentu, bencana alam, pencerobohan kedaulatan negara serta tidak lupa juga gempa bumi seperti yang berlaku di negeri Sabah baru-baru ini. Kita sentiasa berdoa kepada Yang Maha Pencipta supaya negara kita terhindar daripada malapetaka yang berlaku.

Namun, kita juga mesti membuat persediaan awal. Kita harus mempunyai barisan benteng pertahanan yang dapat dikerah bila-bila masa dan membantu meredakan dan menjaga pertahanan awam. Mereka ialah Jabatan Pertahanan Awam atau JPAM di mana kita berbincang pada hari ini. Pada hari ini juga kita bersama-sama untuk memperkasakan pertahanan awam.

Melalui pindaan kepada rang undang-undang ini, JPAM akan dinaikkan martabatnya kepada APAM atau Angkatan Pertahanan Awam. Daripada perkataan angkatan itu sahaja memang sudah cukup menggambarkan kepada kita akan kemegahan dan kekuatan benteng ketiga selepas polis dan tentera dalam menjamin ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan dengan sekali lagi menyampaikan penghargaan daripada rakyat Sabah kepada JPAM kerana bersama-sama mengurus bencana gempa bumi yang berlaku di Gunung Kinabalu pada tahun lalu. Ia memangnya satu perkara yang tidak diduga dan terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Angkatan Pertahanan Awam membantu polis dan tentera serta agensi lain dalam menjaga dan memulihara ketenteraman awam ketika berlakunya bencana tersebut.

Dengan kata-kata itu tadi, maka saya ingin tahu bilangan pusat atau Pejabat Pertahanan Awam di negeri Sabah, bilangan mereka serta bilangan anggota pertahanan awam yang terdapat di pejabat tersebut. Sekiranya dengan pindaan rang undang-undang ini akan melihatkan pertahanan awam diperkasakan lagi dengan menambah fasiliti di markas pertahanan awam, maka saya mohon agar cawangan pertahanan awam di negeri Sabah tidak terlepas pandang malah perlu ditambah baik lagi bagi menghadapi pelbagai situasi yang berlaku di negara kita dan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh fasal 5 seperti yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Fasal 5 memasukkan seksyen baru 2B(a) hingga (u) dengan memasukkan fungsi pertahanan awam selaras dengan tugas-tugas pertahanan awam di peringkat antarabangsa atau, dengan izin, *International Civil Defense Organization* atau ICDO. Ia bernaung di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations*.

Saya ingin tahu, apakah skop tugas dan fungsi anggota pertahanan awam Malaysia di peringkat dunia? Setakat ini, apakah peranan yang telah dimainkan oleh pertahanan awam kita di peringkat global? Saya juga ingin tahu mengenai perwakilan negara kita untuk pertubuhan antarabangsa ini. Berapa ramaikah wakil kita dihantar ke sana serta juga latar belakang pegawai-pegawai ini?

Seterusnya saya ingin beralih kepada langkah pemerkasaan pertahanan awam ini. Apabila kita berbahas dan kemudian meluluskan rang undang-undang ini, sudah tentu anggota dan bilangan pegawai akan meningkat selari dengan peranan dan fungsi pertahanan awam yang telah bertambah.

Saya ingin bertanya kepada kementerian mengenai bilangan pegawai sedia ada yang mengurus dan mentadbir angkatan ini. Adakah ia mencukupi dan adakah ia diuruskan oleh pegawai-pegawai yang berkelayakan? Sekiranya kita melihat senario perjawatan awam pada hari ini, sudah dibekukan pengambilan pegawai-pegawai baru oleh sebab keadaan ekonomi kita yang tidak menentu dan perbelanjaan kerajaan yang telah dihadkan. Banyak daripada kekosongan jawatan perlu diisi tetapi disebabkan masalah ekonomi, ia dilihat sudah bantut sedangkan kita perlu ramai penjawat awam untuk mengurus pertahanan awam di seluruh negara.

Maka dengan hasrat itu, saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk menambahkan bilangan pegawai yang mengurus pertahanan awam. Kekosongan yang ada boleh diisi dengan pegawai-pegawai daripada kementerian lain. Kebetulan pula menteri yang membentang rang undang-undang ini dari Jabatan Perdana Menteri dan JPA juga di bawah JPM, maka tidak salah untuk saya cadangkan agar Menteri berbincang dengan pihak JPA dalam urusan pengambilan pegawai-pegawai lain untuk dipindahkan dan diserapkan ke dalam pentadbiran pertahanan awam.

Saya juga ingin mencadangkan agar penekanan diberi kepada pegawai-pegawai daripada Skim Bukan Gunasama atau, dengan izin, *Closed Service Schemes*. Ini kerana pegawai-pegawai ini sudah dilatih dan berpengalaman dalam pentadbiran kerajaan dan mereka hanya perlu diberi pendedahan mengenai organisasi pertahanan awam dan kursus-kursus yang harus diterapkan. Oleh sebab pertahanan awam kita ini akan bersifat global, maka kita harus mempunyai barisan pegawai yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris untuk mengurus pentadbiran di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai aspek bahasa dalam rang undang-undang ini. Saya lihat terdapat terlalu banyak istilah bahasa Inggeris dalam rang undang-undang ini termasuk mengenai definisi dan perjawatan dalam pertahanan awam. Saya rasa langkah perlu diambil bagi memartabatkan bahasa kebangsaan. Di negara kita, kita sudah pun mempunyai institusi atau badan bagi memantau aspek bahasa iaitu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka serta Institusi Terjemahan Buku dan Bahasa. Mereka amat arif dalam membantu kementerian daripada aspek bahasa. Saya ingin cadangkan pada masa hadapan, perkara ini harus diberi penekanan oleh kementerian dan menukar istilah-istilah atau terma-terma kepada Bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, bersama-samalah kita menyokong hasrat murni kerajaan dengan menjenamakan semula pertahanan awam demi ketenteraman dan kemakmuran negara. Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

■1510

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul. Tadi Yang Berhormat banyak memberi benda yang baik untuk jadi panduan kita bersama. Saya minta pula Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg. Dipersilakan.

3.10 ptg.

Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan salam perpaduan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016 pada hari ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dan pegawai-pegawai kementerian atas berjaya menghasilkan rang undang-undang ini. Kita berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional atas inisiatifnya mewujudkan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia yang telah pun menunjukkan prestasi perkhidmatan dengan jayanya, khususnya dalam bidang keselamatan dan kecemasan awam dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum negara kita juga mengalami bencana alam El Nino dan La Nina dengan kerap berlakunya banjir, tanah runtuh dan malah gempa bumi yang telah berlaku di Sabah pada tahun lepas. Justeru, untuk melengkapkan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia yang merupakan elemen tetap dan penting dalam pertahanan dan keselamatan negara dan awam supaya sentiasa dalam keadaan siap siaga untuk berdepan dengan peperangan atau mana-mana bentuk bencana alam, khususnya dalam kerja-kerja mencari dan menyelamatkan (*search and rescue*), dengan izin, mengikut keadaan, keperluan, serta tuntutan semasa.

Maka, pindaan-pindaan kepada rang undang-undang ini ke arah penambahbaikan, peningkatan dan memperincikan kuasa tugas, peranan serta fungsi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang bersesuaian dan bertepatan, perlu diluluskan. Pindaan tersebut wajar juga supaya fungsi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia sentiasa setaraf dengan fungsi pertahanan awam di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju pindaan pada fasal 5 yang bertujuan untuk memperkatakan apa-apa pertindihan fungsi antara Angkatan Pertahanan Awam dengan mana-mana agensi atau pihak berkuasa yang berhubungan dengan pengendalian bencana hendaklah diselesaikan dan diuruskan secara pentadbiran.

Saya juga bersetuju dengan pindaan pada fasal 6 yang bertujuan untuk meningkatkan hukuman sedia ada seperti tempoh penjara daripada tiga tahun kepada lima tahun dan denda daripada RM5,000 kepada RM10,000 atau kedua-duanya sekali amat bertepatan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap kesejahteraan dan keselamatan semua pegawai dan kakitangan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia juga diambil kira daripada segi mutu kesihatan mereka. Saya ingin cadangkan supaya kekerapan pemeriksaan kesihatan diwajibkan khususnya setelah mereka maksud saya pegawai dan kakitangan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia bertugas dalam sesuatu bencana alam yang berbahaya. Dengan itu, saya mohon menyokong rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016.

Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan sekalian, sebelum saya duduk, saya ingin memaklumkan bahawa persidangan Dewan Negara kali ini merupakan yang terakhir bagi saya memandangkan penggal kedua saya akan tamat pada 19 Julai depan. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada presiden dan parti saya iaitu Parti Pesaka Bumiputera Bersatu ringkasnya Parti PBB Sarawak kerana mencalonkan saya sebagai Senator, seterusnya dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada tahun 2010 dan disambung pula untuk penggal kedua pada Julai tahun 2013.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana saya merupakan wanita Melayu Sarawak yang pertama menjadi Senator [*Tepuk*] Semenjak merdeka, negeri Sarawak baru menampilkan tiga orang wanita sebagai Senator dan saya merupakan Senator wanita ketiga. Saya ucapkan terima kasih kepada mantan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Datuk Yang di-Pertua Dewan Negara serta Datuk Seri Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang ada kini dan semua rakan Senator dalam Dewan yang mulia ini dan mantan Senator yang pernah bersama saya atas semangat setia kawan.

Saya mohon ribuan maaf jika ada silap salah ataupun menyinggung perasaan rakan-rakan sekalian yang telah saya lakukan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Dewan Negara dan juga bentara yang bertugas atas kerjasama dan sokongan kepada saya selama ini. Ini ada pantun untuk semua.

*BN Sarawak menang besar dengan jayanya,
Negeri yang aman, rakyatnya sejahtera,
Semoga sihat dan dilanjutkan usia,
Insya-Allah, kita jumpa bila-bila masa.*

Dengan itu, saya mengucapkan selamat berpuasa kepada rakan-rakan Muslim dan selamat menyambut hari raya, maaf zahir dan batin. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg yang telah berucap baik dan panjang lebar dan kita tahu jasanya tidak lupa. Jasa mu di kenang. Yang pernah saya katakan tadi,

*Di atas bukit tanamnya ubi,
Burung tempua buat sarang,
Bukan budi sebarang budi,
Budi baik dikenang orang.*

Itu dia satu. Tidak ada sudah gambaran yang sebaik itu. Yang Berhormat Senator telah banyak berjuang untuk kita punya negara. Mudah-mudahan itulah kebajikan yang dibuatnya. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana hujah yang baik. Sekarang, saya minta pula Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som Inong. Sila.

3.19 ptg.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Pertahanan Awam 2016. Saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi kepercayaan kepada kami Ahli Dewan Negara dengan penganugerahan pangkat Kolonel Kehormat. Semoga ini juga menjadi pembakar semangat bagi semua Senator berbakti kepada negara, nusa dan bangsa serta peningkatan produktiviti dan pengorbanan.

■1520

Tahniah kepada semua Kolonel Kehormat. Tadi saya dapat kad daripada Kolonel, daripada kad pelantikan. Jadi di situ tidak tercatat pangkat. Jadi saya mintalah, mana tahu mereka tanya pangkat apa, tidak ada tercatat dalam kad ini. Jadi masalah pula nanti nak menyeberang sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan terutamanya Yang Berhormat Menteri dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) atas inisiatif untuk menjenamakan semula JPAM jadi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Penjenamaan semula ini sudah tentu akan dapat memperkasakan dan meletakkan semula fungsi dan badan pertahanan awam sebagai sebuah angkatan dalam sistem pertahanan dan keselamatan negara. Dengan pindaan ini, akta ini akan memperjelaskan dan memperincikan tugas-tugas pertahanan awam yang sebenarnya di negara ini serta meletakkan setaraf dengan agensi pertahanan awam peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini seksyen 41 termasuk dalam rang undang-undang ini untuk membolehkan Menteri menubuhkan pasukan Kadet Pertahanan Awam manakala seksyen 4J pula dimasukkan bagi syarat dan kelayakan untuk menjadi anggota kadet iaitu berumur tidak kurang daripada 12 tahun dan tidak melebihi 30 tahun. Ini bermaksud orang yang berdaftar sebagai pelajar di institusi latihan atau pelajaran sama ada di peringkat sekolah menengah hingga ke institusi pengajian tinggi boleh didaftarkan sebagai anggota pasukan Kadet Pertahanan Awam.

Sepanjang pengetahuan saya, ketika ini pasukan Kadet Pertahanan Awam sudah pun ditubuhkan di sekolah seperti di IPT. Ini merupakan langkah yang baik dalam usaha memupuk semangat sukarela serta patriotik di kalangan generasi muda. Ia juga adalah langkah ke arah memperkenalkan mereka kepada kegiatan sukarela untuk berbakti kepada masyarakat dan negara.

Soalan saya, berapakah banyak pasukan kadet pertahanan yang sudah ditubuhkan di sekolah dan di IPT? Berapakah jumlah keanggotaan pasukan kadet ini? Adakah pasukan Kadet Pertahanan Awam telah ditubuhkan di semua sekolah menengah dan IPT di negara ini? Jika tidak, adakah JPAM berhasrat untuk berbuat demikian? Berapakah sasaran keanggotaan yang ditetapkan untuk pasukan kadet ini?

Soalan kedua saya, sejauh mana penubuhan pasukan Kadet Pertahanan Awam di sekolah dan IPT selama ini telah mencapai matlamat memupuk semangat sukarela serta patriotik di kalangan generasi muda? Berapa ramaikah pelajar yang menjadi ahli Kadet Pertahanan Awam di sekolah dan IPT menyertai JPAM selepas tamat pengajian? Apakah usaha dan langkah yang dilakukan oleh JPAM untuk menggalakkan mereka berbuat demikian? Adakah pelajar-pelajar yang menjadi ahli Kadet Pertahanan Awam di sekolah dan IPT secara automatiknya menjadi anggota JPAM selepas mereka tamat persekolahan dan tamat pengajian di IPT? Jika tidak, saya ingin mencadangkan supaya pelajar-pelajar yang telah menjadi ahli pasukan Kadet Pertahanan Awam di sekolah dan IPT secara automatik menjadi anggota JPAM selepas tamat persekolahan atau pengajian mereka.

Dengan itu, kita dapat menjamin kesinambungan minat dan penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelaan bagi memelihara keselamatan awam dan keharmonian secara menerusi JPAM. Tambahan pula, mereka sudah terdedah kepada JPAM dan sudah biasa dengan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh JPAM. Ini sudah tentu sangat bermanfaat bukan sahaja kepada mereka tetapi juga kepada JPAM dan negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjenamaan semula JPAM menjadi Anggota Pertahanan Awam Malaysia, sudah tentu pasukan ini memerlukan lebih ramai pegawai tetap. Kita difahamkan ketika ini JPAM mempunyai 1,265 orang pegawai tetap untuk mengurus, menyelia dan menggerakkan angkatan ini yang sekarang ini mempunyai hampir sejuta orang anggota atau nisbah seorang pegawai tetap bagi setiap 390 orang anggota. Bilangan ini sudah tentu tidak mencukupi apatah lagi angkatan ini disasarkan mempunyai 2 juta orang anggota pada tahun 2017.

Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan supaya pelajar-pelajar yang telah menjadi anggota pasukan Kadet Pertahanan Awam di IPT yang sudah tamat pengajian turut diberi keutamaan untuk direkrut sebagai pegawai tetap angkatan ini. Seperti mana yang dilakukan dalam Angkatan Tentera Malaysia yang merekrut graduan yang pernah menganggotai pasukan latihan pegawai simpanan pelapis di IPT. Saya percaya dengan itu lebih ramai graduan IPT akan menyertai pasukan pertahanan awam. Pada masa yang sama ia dapat meningkatkan kualiti dan imej pasukan Pertahanan Awam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini seksyen 2B yang baru dimasukkan bagi memperincikan 15 fungsi anggota Pertahanan Awam Malaysia. Pada khidmat saya, perincian ini akan memperkemaskan lagi pengurusan pertahanan awam, ia akan memberi gambaran bahawa pasukan pertahanan awam masih lagi relevan dengan sebarang situasi kecemasan, bencana, darurat dan ancaman peperangan. Ia akan menjadikan pasukan pertahanan awam dengan ini lebih dinamik dan memenuhi situasi semasa.

Sehubungan itu Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi sektor organisasi JPAM perlu dikemas kini supaya seimbang baik daripada segi perjawatannya, peruntukan tahunan, keperluan logistik serta kelengkapan sejajar dengan sasaran menambah jumlah keanggotaan kepada 2 juta orang pada tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, JPAM selama ini telah membuktikan kemampuannya memberikan bantuan dalam beberapa peristiwa seperti banjir besar yang berlaku saban tahun, insiden Tsunami pada tahun 2004, pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013 dengan mengendalikan pusat perlindungan awam, menjalankan tugas keselamatan menghadapi insiden ketenteraman awam dan pelbagai kejadian kecemasan lain yang berlaku di dalam negara. Di dalam pindaan ini...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Minta mencelah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan saya sekiranya kita mencadangkan kepada kementerian, selain daripada Yang Berhormat sebut tadi dengan kita ucap tahniah kerana banyak menyelesaikan masalah-masalah dan boleh dikatakan JPAM ini di setiap kampung, di setiap daerah ada JPAM. Kita melihat masalah dadah ini satu masalah yang cukup kronik. Kalau kita boleh memohon supaya JPAM ini dimasukkan juga tugas mereka itu menjadi polis kepada penagih-penagih dadah ini ataupun kepada pengedar-pengedar dadah. Supaya mereka juga menjadi orang-orang yang dapat membantu AADK dan juga Polis Diraja Malaysia dalam hal ehwal dadah ini. Jadi saya hendak tumpang Yang Berhormat punya ucapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: Saya mengalu-alukan pendapat Yang Berhormat Dato' Suhaimi, Senator ini. Dia juga Presiden PEMADAM. Adalah perlu JPAM ini menyusur ke kampung-kampung sebagai membantu JKK untuk menjaga ketenteraman terutama dadah ini yang menular ke kampung-kampung tanpa ada- JKK mungkin tidak dapat menyelesaikan masalah. Mungkin JPAM dengan ada uniform, dengan pangkat akan menakutkan pengedar dadah dan yang menggunakan dadah ini, penagih dadah ini. Terima kasih Dato' Suhaimi atas pandangan itu. Saya mengalu-alukan pandangan yang bernas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, terus.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: Di dalam pindaan ini, seksyen 4F dimasukkan untuk memberi kuasa kepada menteri bagi mengarahkan pengelasan dan penempatan sementara anggota pertahanan awam berkhidmat dengan mana-mana angkatan pertahanan awam negara lain atau organisasi lain di luar Malaysia. Ini bersesuaian dengan keahlian pasukan Pertahanan Awam Negara dalam Pertubuhan-pertubuhan Awam Antarabangsa (ICDO) yang menggariskan bantuan khidmat teknikal dan pengurusan pertahanan awam di negara anggota dan negara yang memohon dalam bantuan ICDO ini.

Penyertaan JPAM dalam misi bantuan di luar negara sudah tentu akan meningkatkan lagi pengalaman dan kemahiran anggotanya serta pada masa yang sama dapat meningkatkan kewibawaan pasukan itu pada peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama, ia akan terus menjulang nama negara pada peringkat global apatah lagi selama ini Malaysia memang terkenal sebagai negara yang rakyatnya aktif dalam kegiatan sukarelawan di dalam mahupun di luar negara.

■1530

Saya ingin tahu, pernahkah selama ini anggota pasukan JPAM terlibat dalam mana-mana misi bantuan di luar negara, dan jika ada, di manakah dan bila?

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya pindaan rang undang-undang dan penjenamaan semula JPAM menjadi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia satu pengiktirafan terhadap peranan dan sumbangan yang telah dimainkan oleh anggota-anggota JPAM selama ini.

Sehubungan itu, pindaan rang undang-undang ini sudah tentu akan menjadi pemangkin yang akan meletakkan angkatan pertahanan awam negara ini setaraf dengan agensi pertahanan awam di negara lain menjadi wadah bagi rakyat Malaysia melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelaan dan bersama memulihara keselamatan awam dan perpaduan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Boon Som A/L Inong dengan hujah yang baik. Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Sila.

3.31 ptg.

Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillaahir Rahmaanir Raheem. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Jabatan Pertahanan Awam atas penggubalan pindaan Akta Pertahanan Awam.

Ada dua perkara saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama, kerana belanja ibu-ibu tunggal di Wilayah Persekutuan terbuka puasa semalam. Kedua, lantikan semua Ahli Parlimen dan keanggotaan dalam JPAM dengan pangkat Kolonel Kehormat. Oleh itu harapan saya dengan adanya tauliah pelantikan ini, kita Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bekerjasama dengan jabatan-jabatan pertahanan awam di peringkat pusat, negeri dan daerah untuk melebarkan penambahan jumlah keanggotaan sukarelawan ini.

Cuma dalam fasal 4G(3) telah termaktub tidak ada apa-apa saraan boleh dibuat. Namun Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di sini semua sedia berkhidmat walaupun terdapat juga kemungkinan bayaran elaun yang akan ditentukan oleh Menteri dalam peruntukan akta ini. So, marilah kita pakat-pakat sokonglah rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan negara terhadap sokongan anggota sukarelawan JPAM yang terlatih adalah diperlukan. Justeru itu di dalam organisasi sosial atau parti politik, promosi keanggotaan sukarelawan JPAM ini amat diperlukan. Setiap tahun negara kita menghadapi ancaman malapetaka alam, banjir serta kemalangan jalan raya. Oleh itu dengan perluasan keanggotaan sukarelawan ini dibuat implikasi kewangan kerajaan akan terlibat.

Di sini saya ingin memohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, berapakah peruntukan yang dirancang untuk diperuntukkan kepada perkara elaun latihan atau latihan apabila anggota sukarela ini bertugas semasa sesuatu krisis atau bencana alam? Saya juga memohon perincian sekiranya ada jadual ketetapan elaun atau imbuhan anggota sukarelawan yang telah digubal atau diformulasikan agar perincian ini memudahkan kita menarik lebih ramai rakyat menyertai anggota sukarela JPAM ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai fasal 2C mengenai perkara pertindihan kuasa dengan pelbagai agensi seperti Jabatan Kesihatan, bomba atau jabatan kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kimia, JPJ atau SPAD, saya merasakan semua ketua pentadbir dan agensi kerajaan dan pegawai-pegawai hendaklah ditauliahkan sebagai anggota pasukan bantuan. Ini akan memudahkan kerjasama dan pelarasan kerja-kerja menyelamatkan apabila berlaku sesuatu kejadian bencana atau mala petaka.

Sukacita saya memohon maklumat daripada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah penyelarasan yang boleh dibuat di antara JPA dan Majlis Keselamatan Negara agar semua jabatan kerajaan dan pegawai-pegawai bersama menyokong perkongsian kepakaran dan pengalaman apabila membantu JPAM dalam melaksana fungsinya dengan cekap dan efektif.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sesungguhnya saya menyokong rang undang-undang ini dan mendoakan agar JPAM terus cemerlang di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri dalam membantu rakyat semasa kejadian atau sesuatu krisis. Saya mohon menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit yang nampak cantiknya ada itu JPAM. Terima kasih atas sokongannya. Sekarang saya hendak jemput pula tadi kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

3.35 ptg.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat Petang, Salam 1Malaysia, Salam Sehati Sejiwa. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua selalu berpantun, maka saya pun hendak berpantun jugalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:

*Berjuanglah kita ke akhir hayat,
Hidup kita jangan tukar channel,
Hidup harian BN dok fikir hendak tolong rakyat,
Begitulah hidup Kerajaan Barisan Nasional.*

Timbalan Yang di-Pertua: Cantik, baguslah.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:

*Musim cuti ke Indonesia,
Melawat Bandung mesti wajib,
Marilah kita rakyat Malaysia,
Kita bersatu pakat sokong Dato' Najib.*

Timbalan Yang di-Pertua: Itu pantun orang perjuangan ya.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Ada Tuan Yang di-Pertua kita berpantun, kita kena berpantun juga. Pertama-tamanya saya hendak berterima kasih kepada Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim yang mengepalai pindaan kepada rang undang-undang ini dan pindaan ini tentunya akan memberi sokongan padu lagi rakyat Malaysia kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Kita tengok dahulu JPAM ini memang tidak dikenali dan pejabat dia pun sebelah *MinDef* itu kita tidak tahu pun pejabat JPAM. *Alhamdulillah* apabila Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim menjadi Menteri yang jaga bencana alam ini, dia besar hati untuk meminda akta ini, rang undang-undang ini menjadikan Angkatan Pertahanan Awam. Bukan "APAM", tetapi "A.P.M." APAM ini Dato' Seri kata tidak sedap sebab macam kuih, kuih apam.

Cuma dalam perkara ini keahlian sekarang ini satu juta. Kita hendak berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memperluaskan keanggotaan keahliannya ke luar-luar bandar, ke kampung-kampung yang tentunya melibatkan ramai pemuda. Saya minta juga pihak Menteri supaya di peringkat bawahan juga diberi pangkat-pangkatnya bukan sahaja di peringkat Parlimen sebagai Kolonel Kehormat, di peringkat negeri, di peringkat jajahan atau daerah dan peringkat mukim.

Orang kampung, budak-budak kampung mereka kalau diberi pangkat macam ini dia lebih lagi semangat. Saya yakin dan saya amat percaya Yang Berhormat DSSK, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim akan memperluaskan keanggotaan ini dan akan memberi pangkat kepada pemuda-pemuda yang berada di kampung untuk menyertai APM ini Angkatan Pertahanan Awam Malaysia ini dan sudah tentunya akan memberi impak yang besar kepada sokongan orang muda kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Cuma dalam perkara memberi perkhidmatan, saya tengok ada Rantau Panjang ini selalu banjir, banjir Sungai Golok, banjir Sungai Kelantan.

■1540

Dalam memberi khidmat ini, saya tengok bukan sahaja APM akan terlibat. Saya tengok tentera pun akan terlibat, bomba akan terlibat, RELA akan terlibat, JKM juga akan terlibat. Jadi, apabila menghadapi musibah banjir, saya hendak tahu siapa yang akan *lead*, dengan izin, siapakah yang akan *lead* agensi-agensi ini? Saya tidak hendak tentera asing pergi suku, bomba suku, APM suku, supaya biar ada keselarasan dalam memberi khidmat kepada rakyat.

Saya hendak terima kasih banyak kepada JPAM, sebab belum digazetkan lagi JPAM. Oleh sebab JPAM ini saya tengok lebih aktif, lebih cekap kalau hendak banding dengan kesihatan bomba, RELA dan agensi lain. Apabila berlaku kemalangan JPAMlah orang yang pertama. Kita kalau boleh warna oren itu mesti tukarlah sebab oren itu takut bertukar dengan Parti PAS pula, Parti Amanah. Oren itu biar tua sikitkah atau biar muda sikitkah sebab warna sekarang ini macam Parti PAN.

Saya rasa pindaan ini terbaik dan bila pinda itu menjadi satu angkatan bukan lagi jabatan. Lepas ini Yang Berhormat Menteri kena cadang kepada Perdana Menteri lantiklah seorang Timbalan Menteri jaga banjir ini, jaga bencana alam ini. Supaya lebih efisien dan lebih cekap lagi, tidaklah Menteri ke Sabah, ke Sarawak, ke Kelantan. Saya tengok kasihan kepada Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua: Elok ada Pantai Timurlah Yang Berhormat ya. Kita hendak cadang Menteri elok dari Pantai Timur tidak? Sila.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Molek, molek, Kelantan pun tidak apa. Saya rasa itu sahaja yang saya hendak katakan. Penubuhan ataupun pindaan ini adalah baik untuk negara, kepada kerajaan, sokongan orang muda. Tentunya keanggotaan bilangan APM ini akan diperluaskan sampai ke desa-desa. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri yang bertanggungjawab kerana membawa pindaan rang undang-undang ini ke lebih besar lagi keanggotaan APM. Saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Sila.

3.43 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas keizinan kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Pertahanan Awam 2016.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim atas penggubalan rang undang-undang ini. Bagi meringkaskan perbahasan saya dalam rang undang-undang ini, saya akan menyentuh empat perkara utama dalam inti pati pindaan iaitu:

- (i) bagaimana pindaan akta ini dapat memberikan syarat dan ketetapan wajib bagi memantapkan fungsi Angkatan Pertahanan Awam dalam menjalankan fungsi di bawah peruntukan 2B(d)(g)(i) agar kerjasama dan sokongan beberapa buah jabatan kerajaan yang mempunyai kepakaran spesifik seperti JKR, Lembaga Lebuh Raya, Jabatan Kimia atau DOE atau Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Agar keanggotaan pegawai dan kakitangan jabatan terbabit dalam tauliah anggota simpanan dapat dilaksanakan. Sebagai rujukan Yang Berhormat Menteri, negara kita mengalami pelbagai malapetaka dalam bencana alam. Justeru, perkongsian kemahiran dan pengalaman agensi lain amat penting dalam menjayakan peranan Pertahanan Awam sesuai dengan pindaan akta ini;

- (ii) apa strategi dan perancangan kerajaan melebarkan promosi dan mewajibkan pekerja dan pihak pengurusan industri yang didaftarkan dalam kategori *major accident hazard* seperti industri petrokimia dan *utilities*, pembuatan senjata atau bahan letupan menjadi pasukan sukarelawan Pertahanan Awam Negara. Tragedi Kilang Mercun Bright Sparklers pada 7 Mei 1991 menjadi titik tolak kepada kejadian *major accident hazard* untuk turut sama dikongsi dan diatasi oleh pekerja industri dan pengurusan. Kejadian tragedi letupan kilang mercun ini menjadi titik tolak Pertahanan Awam diperkasakan; dan
- (iii) ketetapan *standing order* selaras dengan pindaan akta ini dalam persediaan kita menghadapi ancaman senjata kimia *terrorist*. Apa persediaan kita di bawah ketetapan *Chemical War Convention* yang ditetapkan oleh *United Nations* dan pada masa kini koordinasi antara jabatan kerajaan terlibat dilakukan oleh Kementerian Luar.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini saya timbulkan kerana kepesatan industri kimia kita dan beberapa buah aset strategi negara seperti loji air yang mempunyai loji klorin yang mempunyai risiko bagi serangan senjata kimia dan merebaknya impak kecederaan kimia. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan bagaimanakah program latihan bersama dapat diadakan di seluruh peringkat kebangsaan agar operasi *emergency response plan* dan *drill* oleh pihak berkepentingan awam dapat dilakukan sepanjang masa dan bertambah kerap bagi memastikan kesiapsiagaan malapetaka ancaman senjata kimia.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir mengenai ancaman *hazard biological* di mana, apa persediaan *antivenom* dibekalkan ke seluruh pejabat daerah JPAM. Agar kes-kes penangkapan ular dan risiko anggota atau orang awam di patuk ular berbisa dapat diubati dengan cepat dan cekap. Saya juga ingin mengetahui bagaimanakah dapat JPAM menyelaras kerja-kerja menghadapi ancaman biologi ini dengan kerjasama Jabatan Pertanian, Veterinar dan PERHILITAN. Agar peruntukan fungsi dalam fasal 2B(j) dan (k) dipatuhi sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tentang apakah inisiatif dan sokongan bajet bagi memperkasakan elemen Pertahanan Awam di institusi pendidikan. Justeru, saya mohon perincian bagaimanakah inisiatif kerajaan dapat dirancang dan dibuat untuk memastikan setiap pelajar mempunyai pendedahan awal dalam aktiviti Pertahanan Awam untuk persediaan menghadapi bencana.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membalas pantun Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:

*Dari Kedah turun ke Putrajaya,
Singgah di Bangi membeli telekung,
Rasa syukur pindaan ini berjaya,
Sepenuh hati saya menyokong.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampak jiwa bersih itu ya. Hendak beritahu, lazimnya patukan ular ini bisa, khususnya kalau ular jenis alai, bahaya ular alai, jaga sedikit ya.

Akhirnya, saya minta Yang Berhormat Tuan Isa bin Ab Hamid. Sila.

3.48 ptg.

Tuan Isa bin Ab Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Izinkan saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016.

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri bagi pindaan yang telah diluluskan di Dewan Rakyat dan hari ini kita berbahas untuk di Dewan Negara. Pindaan ini untuk memperkasakan Pertahanan Awam Negara supaya lebih dinamik dalam perubahan cabaran Pertahanan Awam dalam usaha menyelamatkan dan usaha kecemasan. Watikah pelantikan yang telah dianugerahkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan Negara telah menunjukkan komitmen jabatan ini ataupun pihak Menteri untuk memperkasakan Pertahanan Awam. Diharapkan usaha ini diperluaskan kepada semua VVIP di peringkat negara dan negeri untuk menyumbang kepada peranan Pertahanan Awam di peringkat yang lebih luas.

Seterusnya, kalau kita melihat pada bencana banjir yang melanda pada tahun 2014 dan tahun 2015, telah menjadi kayu ukur kepada kita untuk kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana. Kita mengetahui bahawa keadaan masyarakat kita yang naif dalam mengurus bencana besar telah menunjukkan kepada komitmen pertahanan awam yang perlu diperkasakan.

■1550

Di sini saya ingin menyentuh fasal 8, tambahan seksyen baharu 4G iaitu kita mencadangkan supaya semua belia di peringkat negara terutamanya di luar bandar untuk dilatih sebagai sukarelawan pertahanan awam. Generasi-generasi ini persediaan kita untuk masa hadapan menghadapi bencana yang sering mendatang. Pelajar-pelajar IPT dan IPTS perlu didedahkan dengan kurikulum yang lebih lengkap bagi menghadapi bencana-bencana ini.

Dicadangkan juga supaya peserta PLKN diwajibkan menjadi sukarelawan dalam pertahanan awam kerana mereka ini telah terlatih, diberi motivasi dan pelbagai kemahiran dalam proses PLKN. PLKN yang sudah ada di seluruh negara disertai oleh puluhan ribu orang belia daripada pelbagai kaum menjadi aset negara untuk membentuk pertahanan awam yang kukuh.

Seterusnya saya menyentuh fasal 8, seksyen baharu 7D iaitu Kadet Pertahanan Awam. Sukacitanya kalau diharapkan supaya Kadet Pertahanan Awam ini diperluaskan di semua sekolah, sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Peruntukan bajet bagi keperluan latihan dan juga peralatan untuk pelajar-pelajar luar bandar perlu diadakan. Kita melihat bahawa pelajar sekolah terutamanya di sekolah menengah perlu didedahkan dengan kemahiran pertahanan awam, bantuan kecemasan dan usaha-usaha menyelamatkan. Ini kita lihat ada kes-kes di mana kes ular lidi ataupun ular daun yang masuk ke sekolah menjadi kecoh di dalam sebuah kelas. Jika kemahiran-kemahiran asas menyelamatkan, kemahiran-kemahiran asas dalam mengurus bencana kita dedahkan kepada para pelajar, ia akan membantu kepada usaha kita untuk meningkatkan pertahanan awam dan juga usaha menyelamatkan serta bencana.

Seterusnya saya menyentuh fasal 10, seksyen baharu 7D iaitu mencadangkan masyarakat awam untuk diberi pengetahuan tentang pertahanan awam. Saya ingin mencadangkan di sini supaya masyarakat luar bandar terutamanya Orang Asli perlu didedahkan dengan kemahiran-kemahiran pertahanan awam serta mengurus bencana. Kejauhan di pedalaman, kekurangan akses bantuan, jalan yang sukar, keadaan cuaca yang tidak elok dalam sesuatu bencana menyukarkan sesuatu bantuan dan usaha menyelamatkan untuk disalurkan di pedalaman.

Justeru itu, saya mencadangkan supaya masyarakat Orang Asli terutamanya Tok Batin dan pengerusi JKK dilatih dengan kemahiran-kemahiran sukarelawan, pertahanan awam dan juga kemahiran ilmu-ilmu teknikal dan taktikal dalam mengurus bencana di luar dan di kawasan pedalaman. Akhir sekali, saya menyokong Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab Hamid, dia nampak betapa pentingnya benda ini ya. Satu kegiatan kemasyarakatan.

Sekarang saya minta juga Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan.

3.53 ptg.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016. Rang undang-undang ini bertujuan memperkasakan peranan Anggota Pertahanan Awam dalam mempertahankan negara dan juga memberi bantuan yang perlu kepada rakyat dan negara pada waktu-waktu yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu berlakunya bencana seperti banjir, tanah runtuh, bangunan runtuh, kerosakan yang berlaku akibat angin ribut ataupun sewaktu kemalangan jalan raya juga pasukan Anggota Pertahanan Awam turut memainkan peranan penting dalam menghulurkan bantuan segera dalam menyelamatkan mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara *disaster risk reduction* sekarang telah menjadi amat penting di seluruh dunia dan negara kita juga memberi perhatian kepada *disaster risk reduction* di mana keutamaan telah diberi dalam pembangunan negara. Dalam dasar pembangunan negara, peruntukan ada diagihkan untuk mengurangkan faktor-faktor berisiko dan untuk meningkatkan pembangunan lestari. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, ada lima fasa yang diberi perhatian iaitu:

- (i) aspek pencegahan;
- (ii) mitigasi;
- (iii) kesiapsiagaan;
- (iv) tindak balas; dan
- (v) pemulihan.

Di negara kita juga, suatu *National Platforms for Disaster Risk Reduction* telah digubal dengan penglibatan pihak-pihak kepentingan seperti penggubal dasar dari kerajaan, universiti-universiti, badan bukan kerajaan dan juga pihak swasta untuk bersama-sama memainkan peranan dalam mengurangkan risiko bencana dalam negara. Dengan adanya platform ini, maka peranan dan tanggungjawab Anggota Pertahanan Awam juga akan bertambah daripada segi memberi latihan yang diperlukan kepada pihak-pihak tertentu ini.

Daripada segi peranan dan penglibatan di peringkat antarabangsa, negara kita juga telah mengambil bahagian dalam *Third United Nations World Conference on Disaster Risk Reduction* dan telah menandatangani *the Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030*. Pada peringkat negara, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pertahanan Awam untuk bersiap sedia untuk menghadapi apabila berlaku bencana-bencana yang saya senaraikan tadi? Adakah latihan simulasi yang secukupnya sudah dibuat dengan penduduk sewaktu sebelum berlakunya bencana?

Perkara ini telah saya bawa pada sesi Dewan penggal yang lalu di mana saya juga telah menanyakan apakah latihan simulasi juga boleh dilakukan dengan golongan-golongan rentan seperti kanak-kanak, warga emas dan juga Orang Kurang Upaya. Saya rasa ada dua perkara yang lain apabila Orang Kurang Upaya berada dalam keadaan kecemasan seperti kalau dia terperangkap di lif ataupun dia terperangkap di tempat-tempat yang memerlukan bantuan, jadi kita boleh memanggil bomba ataupun Jabatan Pertahanan Awam. Jadi kita harus tahu sama ada latihan secukupnya diberi kepada Anggota Pertahanan Awam ini dalam keadaan-keadaan tertentu di mana mereka harus menyelamatkan golongan rentan seperti OKU.

Di bawah rangkaian *the Sendai Framework* yang saya sebut tadi, terdapat juga satu panduan *Disability Inclusive Disaster Risk Management*. Jadi saya harap perhatian akan diberi kepada panduan tersebut supaya Anggota Pertahanan Awam ini cukup bersedia apabila menyelamatkan mangsa OKU. Ini sahaja saranan saya. Dengan ini, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan. Hujah yang baik. Akhirnya sebelum terlupa, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar. Dipersilakan.

Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas dalam Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016. Saya juga ingin mengambil kesempatan dan peluang ini untuk mengucapkan sekalung penghargaan tahniah kepada jentera parti dalam membawa kemenangan besar kepada calon Barisan Nasional dalam kedua-dua Pilihanraya Kecil Parlimen Kuala Kangsar, dan juga Parlimen Sungai Besar baru-baru ini.

■1600

Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) saya lihat amat penting peranannya dalam memelihara dan menjaga ketenteraman awam. Ia merupakan benteng ketiga selepas polis dan juga tentera. Saya meneliti rang undang-undang ini dan mendapati pindaan yang dibawa oleh kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri dapat memperkemas lagi fungsi dan tugas pertahanan awam, seterusnya supaya dapat menyedarkan daripada berlaku sebarang pertindihan kuasa dan agensi kerajaan yang lain. Hampir semua situasi yang diuruskan oleh pertahanan awam daripada segi menyelamatkan hak-hak orang, harta benda, tangkapan ular dan sebagainya cabaran yang dihadapi semakin mencabar.

Rang undang-undang ini juga tiba tepat pada masanya. Undang-undang yang sedia ada harus dipinda bagi memperkasakan pertahanan awam. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat bermula dengan menyentuh mengenai seksyen 4F seperti yang terkandung dalam rang undang-undang ini iaitu memberi kuasa kepada Menteri untuk mengarahkan anggota pertahanan awam untuk bertugas dengan mana-mana anggota pertahanan awam yang lain, organisasi lain di luar negara Malaysia. Saya ingin tahu setakat ini ada berapakah negara yang telah dicadangkan dan sekiranya berlaku kerahan ke luar negara.

Sila maklumkan kepada Dewan ini. Negara manakah yang telah ditempatkan anggota pertahanan awam kita dan berapa ramai yang telah pun dikerahkan? Dalam seksyen 7A terdapat juga peruntukan di mana bagi mengelak anggota pertahanan awam daripada menolak untuk berkhidmat, bersara ataupun meletak jawatan apabila berlaku pengisytiharan oleh Yang di-Pertuan Agong, saya ingin tahu, apa hukuman yang boleh dikenakan sekiranya seseorang anggota ingkar kepada perintah ini. Sama ada hukuman dalam bentuk denda ataupun pemenjaraan.

Saya lihat peranan pertahanan awam di beri suatu bidang kuasa dan tanggungjawab yang baru lebih kemas dan lebih mantap untuk mengawal sama ada negara kita dan juga memberi penekanan terhadap masalah pencerobohan tanah haram oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Kita ambil contoh di mana pencerobohan yang berlaku di Cameron Highlands yang mendapat liputan meluas di dalam dan luar negara. Buat masa sekarang ini sudah ada renjer hutan yang membuat rondaan dan mengesan menjejaki pembalok haram yang menceroboh hutan di Pahang dan juga di Cameron Highlands.

Dengan adanya Jabatan Pertahanan Awam akan berlaku percanggahan daripada segi kuasa. Saya minta pihak kementerian untuk memperincikan kuasa yang terdapat dan diberi kepada seorang anggota sekiranya berlaku ataupun bertemu dan berjumpa dengan penceroboh hutan ini. Apakah yang mereka boleh lakukan? Setakat mana peruntukan yang diberi di bawah undang-undang ini. Seterusnya mengenai implikasi kewangan kepada kerajaan seperti mana dengan mana-mana agensi yang lain seperti mana PLKN dan juga RELA. Perolehan dan peruntukan diperlukan bagi memantapkan lagi organisasi ini berjalan. Maka apa implikasi kewangan bertentangan dengan rang undang-undang pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan fungsi dan peranan pertahanan awam ini harus selari dengan keadaan dan struktur bangunan di mana mereka berkongsi. Di mana kita dapati bahawa di kawasan-kawasan di daerah, kita dapati bahawa bangunan Jabatan Pertahanan Awam ini tidak terurus dengan baik dan tidak mempunyai kelengkapan pejabat seperti mana yang kita idamkan. Apa pembaikan yang dicadangkan oleh kementerian selari dengan matlamat pemerkasaan pertahanan awam ini. Tuan Yang di-Pertua dalam perkhidmatan awam peruntukan dan arahan di perbadanan harus dipatuhi.

Saya rasa pengecualian harus diberi dengan peruntukan diberi bagi jabatan ini untuk mengadakan majlis keraian dan juga keramaian bagi menghargai jasa dan bakti anggota pertahanan awam. Pihak kerajaan juga harus membuka ruang kepada anggota-anggota pertahanan awam ini untuk memberi pingat dan juga anugerah dan tidak lupa juga hadiah berupa wang ringgit yang harus diberi bagi mengingati usaha mereka dan jasa bakti mereka kepada masyarakat. Akhir kata dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini bagi Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat terima kasih banyak ya iaitu kepada Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar dan saya hendak nyatakan petang ini Yang Berhormat ada lebih kurang 16 orang bercakap hari ini dengan baik. Semua 16 orang tepuk tangan sikitlah. Itu dia 16 orang saya nampak dengar dan saya nampak tadi Yang Berhormat Dato' Megat tadi pandang sahaja, didengar dengan teliti termasuk Tan Sri Nalla pun dengar teliti tadi ya. Baik sekarang saya katakan kita telah meninggalkan satu kenangan bagus iaitu kita juga satu kemenangan, kita telah mencurahkan budi kepada Dewan ini. Betul tidak ya? Jadi bak kata orang tua tadi.

*Tinggal tuan tinggal kemenangan,
Tinggal bunga berkait-kait,
Tinggal tuan tinggal kenangan,
Tinggal dengan budi yang baik.*

Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya sekarang hendak pergi ke bahagian yang sudah selesai semua cakap tadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.07 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Bunga selasih buah dokong,
Semua sepak ada entiti,
Terima kasih kerana menyokong,
Semoga Allah SWT memberkati.*

Timbalan Yang di-Pertua: Baik terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:

*PA system ada speaker,
Diguna dalam permainan catur,
Masa lawan sambil PM,
Terima kasih Speaker, terima kasih Senator, PM dan juga TPM.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:

*Barang terpakai jenis suasa,
Akan dikumpul di balai raya, ramai hadir termasuk Tok Batin,
Selamat berpuasa diampun dosa,
Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah* ingat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016.

Terima kasih. Saya hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua bahawa ada dua rang undang-undang yang saya bentangkan dalam Dewan ini dan juga Dewan Rakyat yang mendapat sokongan 100%. Pertama ialah rang undang-undang berhubung dengan perubahan elaun dan gaji Ahli-ahli Parlimen mendapat sokongan sepenuhnya daripada Dewan Rakyat, dan *of course* Dewan Negara.

Keduanya ini ialah Rang Undang-undang Angkatan Pertahanan Awam Malaysia juga mendapat sokongan sepenuhnya daripada Dewan Rakyat dan saya percaya hari ini mendapat sokongan sepenuhnya daripada Dewan Negara. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju untuk menganugerahkan pangkat kepada- mencadangkan supaya kenaikan pangkat kepada Ahli-ahli Parlimen ialah Kolonel Kehormat.

Jadi kita bagi Dewan Rakyat pada hari perbahasan semua Kolonel Kehormat termasuk anggota pembangkang. Hari ini kita bagi Kolonel Kehormat- pada dua ke-tiga hari lepas kita bagi Kolonel Kehormat. *Sorry, last week* Kolonel Kehormat kepada sebahagian kepada Senator dan hari ini kita sambung. Akan tetapi, ada seorang Senator tak datang juga dia. Saya tak tahu ke mana dia pergi tadi terlupa ya. Di Rantau Panjang lupa dia ini dia masih tidak mempunyai pangkat lagi.

■1610

Insya-Allah apabila saya pergi ke negeri-negeri, semua ketua bahagian akan diberi pangkat Kolonel Kehormat. Kita juga akan mendengar taklimat tentang tanggung jawab kita berhubung dengan jawatan yang telah dianugerahkan. Ada orang bertanya... *[Disampuk]* Agama saya sudah masuk TV tadi *[Ketawa]*

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tadi cakap ini kad semua bagi, ini kad pangkat tak ada letak, tetapi nama sudah ada letak. Pangkat apa? Itu saya mahu tanya Menteri.

Seorang Ahli: Mahu pangkat apa?

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Pangkat apa tadi bagi, berilah. Sudah bentang semua ini, sudah ini macam tetapi nama tiada, pangkat tiada, betul Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Itu ialah pengenalan awal dan ia akan diperbaiki dari semasa ke semasa. Ini pengenalan awal. Saya sendiri pun dapat benda itu, tetapi belum lagi dapat pangkat. *Insya-Allah* akan diperbaiki cuma hari ini kita tahu bahawa kita dalam proses untuk membentuk rang undang-undang ini dalam proses tersebut. Kita hendak pastikan supaya Yang Berhormat sudah diperkenalkan kepada umum bahawa Yang Berhormat Kolonel Kehormat. Jadi lepas ini kita akan betulkan di kad, tidak ada masalah.

Saya akan menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebab saya sebenarnya *flight* 5.30, jadi begitulah. Seterusnya, nampaknya dah alang-alang, biar kita jawab sekurang-kurangnya sebahagian daripada apa yang Yang Berhormat telah timbulkan.

Pertama sekali saya hendak terangkan apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor. Bekas tentera ini rasanya kalau dia masuk ke badan sukarela, pangkatnya tidak- dia akan bersamaan lah. Kita akan perbetulkan sebab kita pakai prinsipnya ialah sebagai Senator. Kalau Yang Berhormat sudi untuk menyertai, kita akan perbetulkan kemudian.

Yang Berhormat, kerajaan telah bersetuju pada tahun lepas untuk menubuhkan NADMA iaitu *National Disaster Management Agency* ataupun Agensi Pengurusan Bencana Negara, bulan Oktober tahun lepas. Cepat ya, ini cukup cepat berlaku. Dalam penubuhan NADMA ini, JPAM telah dimasukkan sebagai sekretariat di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah.

Sementara di peringkat komuniti, JPAM akan menguruskan di peringkat komuniti. Komuniti ini contohnya macam taman ataupun mungkin di peringkat JKK dan sebagainya ataupun di peringkat rumah panjang. Di peringkat komuniti ini, ketua JPAM di situ akan menguruskan bencana sekiranya berlaku.

Okey, sebelum ini semua urusan bencana dibuat oleh Majlis Keselamatan Negara. Jadi Majlis Keselamatan Negara menjadi sekretariat kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat negeri dan juga daerah. Sekarang ini tugas itu cuma diganti dengan NADMA. Maaf, tugas itu telah diganti dengan JPAM. JPAM menjadi sekretariat sekarang di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh setiausaha kerajaan kecuali Sabah dan Sarawak dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri dan sesetengah negeri diketuai oleh exco kerajaan negeri dan sebagainya. Ada negeri yang minta supaya Menteri besar sendiri mempengeruskannya sebab pengerusi harus bertanggungjawab untuk *coordinate* dengan izin untuk selaraskan agensi yang terlibat dengan bencana nanti.

Yang Berhormat, saya tahu bahawa Yang Berhormat sendiri sebagai daripada pihak tentera. Kita ada polis, kita ada bomba dan kita ada JPAM sendiri dan kita ada juga agensi lain termasuklah RELA dan lain-lain lagi yang kita kena *coordinate* ini. Kita yang paling penting sekarang ini bila berlaku bencana, aset itu mesti itu dapat diguna bersama. Kalau sekiranya agensi tidak menggunakan aset tersebut secara bersama, dia akan berlaku *overlapping*, dengan izin, dan akhirnya aset yang banyak ini tidak dapat ditumpukan kepada mereka yang terlibat dengan bencana.

Mengikut fikiran kita, semua aset daripada semua agensi yang ada ini cukup untuk menampung 1.2 juta orang mangsa bencana kalau diuruskan dan *dicoordinate* dengan baik, dengan izin. Jadi yang sebelum ini ia dibuat oleh MKN, sekarang JPAM dengan sekretariat di peringkat pusatnya ialah NADMA. Pengerusi NADMA atau Pengerusi Pengurusan Bencana ialah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya Timbalan Pengerusi. Jadi pada pandangan saya kita tidak ada masalah cuma kita meneruskan kesinambungan yang ada. Cuma ada sedikit yang timbul ialah berhubung dengan JPAM ini, grednya terlampau rendah dibandingkan dengan MKN. MKN dahulu ada yang Gred 48, ada yang Gred 52. Akan tetapi kebanyakan JPAM ini ialah Gred 44. Jadi, hal ini akan diperbetulkan, saya ingat kita tidak ada masalah untuk berbuat demikian.

Bencana ini, kadang-kadang orang ada menegur kerana kita membuat mesyuarat dengan cepat dan sebagainya. Saya bagi tahu kepada semua orang bahawa bencana ini tidak bagi Notis. Dia tidak telefon kata, ha! "*Ini sekejap lagi bencana nak berlaku*". Dia tak bagi notis. Dengan itu, saya terpaksa membuat apa yang patut saya buat walaupun orang kata tak bagi notis mesyuarat dengan panjang dan sebagainya. Malah Senator dapat pangkat ini pun setengahnya dapat notis pagi tadi dan sebagainya sebab kita perlukan khidmat daripada semua pihak untuk menguruskan semua bencana.

Kemudian Yang Berhormat Senator juga telah menimbulkan tentang aset tadi. Jadi adakah kita boleh menggunakan harta orang awam. Kalau Yang Berhormat tengok seksyen 3(2)(4) Akta Ibu telah termaktub benda ini. Yang Berhormat juga telah menimbulkan berhubung dengan peruntukan untuk mengatasi keengganan orang awam menuruti arahan JPAM seperti keengganan meninggalkan rumah semasa bencana. Perkara ini juga telah diperuntukkan di bawah 4C(b) akta pindaan iaitu kegagalan seseorang untuk mematuhi arahan suatu kesalahan iaitu denda tidak melebihi RM10,000 atau di penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Jadi untuk melanggar arahan itu tidak boleh ya. Mereka akan diambil tindakan.

Kemudian Yang Berhormat juga telah menimbulkan apakah JPAM akan diberi kuasa untuk menggunakan senjata. Kita lihat tentang perkembangan dari semasa ke semasa. Kalau sekiranya mereka terlibat dengan kawalan sempadan, sudah pasti mereka mendapat senjata. Kalau sekiranya mereka terlibat dengan perkara-perkara lain juga yang memerlukan senjata, kita pakai senjata. Akan tetapi dia duduk di bawah jabatan yang kita bagi perkhidmatan. Macam kawalan sempadan, dia ada pasukan kawalan sempadan dan sebagainya.

Berhubung sama ada JPAM mempunyai kuasa untuk menangkap orang yang membuat penerokaan hutan secara haram. Aktiviti ini dibuat secara NBOS dengan PERHILITAN dan juga Jabatan Perhutanan bagi setiap operasi. Sekarang ini jabatan yang berkenaan dia minta bantuan, itu sahaja. Sekarang ini kita hendak supaya benda ini dijadikan sebagai sebahagian daripada operasi jabatan yang berkenaan. Contohnya apa yang kita buat di Cameron Highlands sekarang ini di mana ia diserahkan kepada MKN dan saya sebagai Menteri yang terlibat dengan Majlis Keselamatan Negara menguruskannya secara langsung di mana kita libatkan MKN dan juga agensi lain secara bersama. Malah di sini JPAM saya minta supaya mengambil alih tugas setelah dirobokkan bangunan, dia mengambil alih tugas untuk menanam pokok dengan dipandu oleh Jabatan Perhutanan.

Jadi sekarang ini kita hendak kena- Cameron Highlands ini saya tahu mungkin agak perlahan sedikit sebab struktur yang dibina itu kita biar terlampau lama, agak luar biasa. Ada yang telah buat struktur yang kekal, jadi kita kena runtuhkan. Kita sudah bagi tahu bahawa semua kawasan hutan tidak dibenar seinci pun untuk disentuh oleh mana-mana pihak dan kita akan ambil tindakan. Oleh sebab banyak juga orang asing yang terlibat untuk meneroka tanah di Cameron Highlands.

Keduanya ialah tanah kerajaan yang kerajaan negeri telah tentukan bahawa tidak dibenarkan untuk mereka teroka, kita akan ambil tindakan.

■1620

Sekiranya mereka terlibat dengan alam sekitar terutamanya daripada segi penerokaan di kawasan cerun juga kita akan ambil tindakan. Kita akan ambil tindakan dengan cepat dan kita berharap Cameron Highlands dapat dipulihkan. Walaupun tidak seperti dahulu tetapi akhirnya akan dapat dipulihkan. Sekarang ini Cameron Highlands telah menjadi tempat- masih sejuk tetapi tempat yang tidak berapa sihat kerana di situ alat yang cukup banyak kerana penggunaan baja mungkin, atau pun apa-apa, tetapi di situ kira alatnya macam lebah. So, ia jadi bukan sahaja tempat yang walaupun cantik untuk kita melancong tetapi tidak sihat daripada segi kehadiran alat yang luar biasa.

Saya telah minta supaya kerajaan negeri memohon kepada Majlis Keselamatan Negara untuk buat membuat penguatkuasaan di Lojing Kelantan sebab ini ialah bersebelahan dengan Cameron Highlands. Bagaimana kita hendak kenal pasti yang ini kita boleh kenal pasti Yang Berhormat dalam tentera Yang Berhormat sedia maklum yang akan diperakukan oleh pihak STRIKE.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad, berapa lama Malaysia menjadi anggota ICDO sejak 6 Jun 2010. Apakah peranan JPAM melalui ICDO dan apakah peranan apabila ditugaskan di luar negara?

Semua negara anggota ICDO adalah *counterpart* JPAM. Ini terdapat 15 tugas termasuk kemanusiaan di bawah *International Humanitarian Law* merangkumi evakuasi pengurusan pusat pemindahan, menyelamat, perubatan, mengenal pasti kawasan bahaya dan juga lain-lain lagi. Apa Yang Berhormat Senator juga bertanya daripada segi komposisi kaum, kedudukan sekarang ialah 90% Melayu Bumiputera, 8% Cina dan 2% India.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan juga Yang Berhormat Senator Puan Azidah binti Harun. Apa bentuk perlindungan kepada anggota JPAM. Pertama ialah insurans berkelompok. Kedua, ialah bantuan di bawah Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara. Ketiga, Tabung Kebajikan Pertahanan Awam iaitu tabung dalam JPAM sendiri.

Apa bentuk kerjasama- Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat bertanya lagi. Apakah bentuk kerjasama dua hala dengan negara luar?

Pertama ialah kerjasama yang dijalin ialah dengan beberapa negara berikut:

- (i) *Singapore Civil Defense Force* dalam bidang latihan teknikal dan juga kemahiran tinggi;
- (ii) *Asian Network of Major Cities* berpusat di Tokyo iaitu kerjasama khidmat teknikal dan juga perkongsian pengetahuan pengurusan bencana; dan
- (iii) *International Civil Defense Organization (ICDO)* berpusat di Geneva.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Puan Azizah binti Harun yang ingin mengetahui tentang kelayakan, syarat kelayakan untuk perkhidmatan awam, pegawai tetap dalam perkhidmatan awam. Kelayakan akademi ialah sama seperti yang lain iaitu Gred 17 kelulusan SPM, Gred 27 Diploma, Gred 41 Ijazah. Jadi yang lain-lain mengikuti kursus. Syarat-syarat lain daripada segi tinggi, tidak kurang daripada lima kaki empat inci bagi lelaki. Perempuan lima kaki dua inci. Berat tidak kurang 48 kilogram. Tidak memakai cermin mata dan juga syarat-syarat lain perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Senator Puan Azizah binti Harun ingin bertanya syarat menjadi anggota sukarelawan JPAM. Sihat tubuh badan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat, berumur 18 sampai 55 tahun, akan tetapi, kehormat tidak ada had umur. Kemudian, boleh membaca dan menulis.

Yang Berhormat Senator Puan Azizah binti Harun ingin mengetahui sama ada terdapat perubahan gaji atau elaun selepas pindaan akta hanya melibatkan pertukaran nama jawatan sahaja. Perubahan elaun atau gaji adalah sama seperti perjawatan perkhidmatan awam yang lain.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som A/L Inong ingin bertanya sama ada JPAM pernah terlibat dengan misi ke luar negara. Pernah Yang Berhormat. Di antaranya ialah Yogyakarta pada tahun 1996 iaitu bantuan perubatan dan juga khidmat kemanusiaan.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul ingin mengetahui bilangan pejabat, pegawai dan anggota JPAM di Sabah. Pejabat 22 buah pejabat daerah, anggota sukarela 67,650 orang. Akan tetapi, malangnya pegawai tetap hanya 40 orang. Ini agak menggerunkan. Untuk menjaga 650,000 kita ada 40 orang.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul ingin mengetahui, apakah bilangan perjawatan sekarang mencukupi? Bilangan perjawatan sekarang ialah 1,265 orang dan memerlukan pertambahan perjawatan bagi menguruskan dua juta orang anggota.

Apakah wakil Malaysia di persidangan antarabangsa? Setiap tahun pegawai JPAM akan berkursus di luar negara di bawah kelolaan ICDO dan juga *Asian Crisis Management Conference* setiap tahun. Kemudian tentang penggunaan bahasa Inggeris dalam akta ini. Naskah sah iaitu Akta Pertahanan Awam 1951 dalam bahasa Inggeris, Yang Berhormat.

Oleh itu, pindaan kepada Akta Pertahanan Awam 1951 terpaksa dibuat dalam bahasa Inggeris dan *insya-Allah* selepas ini kita akan buat terjemahan serta-merta, dan Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan terjemahan itu sebagai naskah sah dalam Bahasa Kebangsaan sebagaimana termaktub di bawah seksyen 7, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin ingin mengetahui, apa implikasi kewangan bagi melaksanakan tugas pertahanan awam. Belanja Mengurus tahunan bagi mengurus satu juta orang anggota dianggarkan sebanyak RM630 juta tidak termasuk Belanja Pembangunan.

Kemudian, bilakah peruntukan akan diluluskan atas pertimbangan? Kita tunggu pertimbangan daripada MoF dan kita akan membuat permohonan tiap-tiap tahun. Kelulusan itu akan menjamin kita untuk meneruskan operasi dan juga pembangunan.

Berapakah- Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit ingin tahu, berapakah peruntukan diberi untuk elaun imbuhan semasa bertugas sewaktu kecemasan? Adakah elaun telah diperuntukkan? Sama seperti yang lain-lain. Lain-lain pangkat RM6 satu jam, untuk pangkat Pegawai Sukarela RM7.80 satu jam.

Bagaimanakah penyelarasan antara agensi berkaitan dengan akta bencana? Jadi, kita akan berdasarkan kepada arahan MKN 20.

Tentang komander ini di peringkat bencana, ada ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) tadi. Apa yang berlaku sekarang, Arahan 20 menyebutkan bahawa di peringkat kejadian itu ketuanya Polis, timbalannya Bomba. Itu tidak berubah.

Arahan MKN tidak ada perubahan langsung tetapi seperti yang berlaku pada masa dahulu bila berlaku sahaja, serta-merta Polis dan juga Bomba akan masuk untuk menguruskannya. Bila, MKN ataupun Jawatankuasa Bencana di peringkat daerah datang, mereka akan mengambil alih dan menentukan sama ada, siapa yang akan menguruskan seterusnya. Contohnya yang berlaku di Sabah, bila polis mengetuainya, jadi bila MKN datang, MKN kata Polis meneruskan sehingga selesai. Jadi, Polis mengetuai operasi gempa di Sabah baru-baru ini.

Bagi sesetengah mangsa banjir yang lepas, ada sedikit saya hendak maklumkan bahawa, bagaimana keadaan ini telah berlaku. Di Kuala Krai yang mengetuainya ialah Tentera kerana dalam masa- semua hubungan terputus dan anggota polis terpaksa berpindah di tempat- kaji cuaca yang telah diviralkan secara tidak betul bahawa di situ tidak ada makanan. Padahal di situ semua anggota polis yang ada di perumahan itu sudah pasti makanan tidak ada masalah. Di situ yang diketuai banjir itu ialah Tentera sebab nombor satu Jeneral Datuk Azmi dia pun tidak boleh bergerak ke mana terpaksa berada di bangunan Pejabat Tanah itu, dan jadi dia terus mengetuai. Di Gua Musang yang ketuanya ialah Polis, sementara di tempat-tempat lain diketuai oleh Pejabat Daerah dan sebagainya.

Jadi, Arahan MKN 20 tidak berubah, tetapi sekarang ini MKN itu telah ditukar kepada NADMA. Persoalan yang timbul, apakah NADMA? Dan MKN masih lagi bersama dengan NADMA? Ia tidak ada masalah sebab semua agensi ini terletak di bawah portfolio seorang Menteri. Siapakah yang akan mengetuai pelbagai agensi yang terlibat? Jadi ini, saya telah masukkan tadi iaitu NADMA di bawah arahan MKN 20.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri' Boon Som A/L Inong juga ingin mengetahui bilangan kadet yang ditubuhkan. Di sekolah menengah sekarang ini kita ada 53,194 orang dan institusi pengajian tinggi 16,525 orang. Jadi melibatkan 874 buah sekolah. IPT/IPTS seramai 6,035 orang iaitu terdiri daripada 45 buah IPT.

■1630

Sejauh mana semangat patriotik berjaya dipupuk dalam kadet? Semangat patriotisme semakin meningkat hasil daripada pengenalan disiplin, nilai kemanusiaan di kalangan pelajar sekali gus membantu untuk pembinaan sebuah negara bangsa yang diidamkan bersama.

Yang Berhormat Senator Boon Som juga ingin tahu adakah semua kadet secara automatik menjadi anggota JPAM selepas tamat pengajian. Anggota kadet secara automatik menjadi anggota sukarela JPAM selepas tamat pengajian dan dia kena melaporkan diri di pejabat JPAM, kalau tidak nanti kita hilang rekod.

Berapa bilangan bangunan JPAM? Yang Berhormat Senator Hajah Azizah ingin mengetahui. Bangunan yang sedia ada, 167 buah bangunan di ibu pejabat, negeri dan daerah. Bangunan yang perlu ditambah baik ialah sebanyak- kita harus perluaskan pejabat kita di 57 buah daerah dan anggaran kosnya adalah sebanyak RM200 juta. Menggerunkan ya.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan bertanya adakah latihan simulasi dibuat dengan penduduk sebelum berlaku bencana dan juga dengan anak muda, orang tua dan Orang Kurang Upaya. Latihan simulasi kita laksanakan di semua peringkat. Sekarang ini di peringkat komuniti ini, ketuanya JPAM. Di peringkat daerahnya ialah pejabat daerah atau pegawai daerah. Mereka telah dikeluarkan arahan dari tahun lepas semasa MKN lagi supaya mengadakan simulasi terutama di tempat-tempat yang mudah kena bencana atau banjir.

Jadi terpulang kepada komuniti, terpulang kepada daerah. Jadi, arahan telah dikeluarkan mesti membuat simulasi dan mereka bertanyalah, macam biasa, bertanya siapa yang hendak tanggung dan sebagainya. Aturkan, buat dahulu. Saya sering kali menghadapi masalah ini, orang tanya, duit ada berapa? Itu pemikiran zaman dahulu. Zaman moden sekarang ini, rancang hendak buat dahulu, barulah yang lain-lain itu kita gerakkan bersama.

Kalau sekiranya dia kata, kalau duit tidak ada- yang ini susahlah kita hendak buat kerja ini sebab kita mensyaratkan pemikiran kita kepada benda-benda ini. Kita tidak boleh meletakkan syarat sebab ia melibatkan bencana. Bencana tidak datang bertonis dan ia boleh datang bila-bila masa. Mungkin pada hari yang elok seperti hari ini juga bencana boleh datang.

Pernah berlaku semasa saya menjadi Menteri Besar dahulu, banjir berlaku di Perlis masa tengah panas. Kita pun tidak tahu air datang dari mana, tiba-tiba banjir seluruh negeri Perlis. Jadi, kita tidak ada notis diberikan untuk bencana berlaku termasuk juga bencana lain.

Kemudian Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan bertanya apakah makluman yang dikenakan sekiranya seorang pegawai meninggalkan perintah yang diberikan di bawah seksyen 7A. Pegawai tersebut adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 di mana tindakan tatatertib boleh dikenakan di bawah peraturan 4(2)(1), ingkar perintah.

Yang Berhormat Senator Shahanim, Yang Berhormat Senator Shahanim ialah di antara orang yang betul-betul berkehendakkan Senator semua ini dipakai pangkat. Apabila kita pakai pangkat kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat, dia bertanya, "*Kenapakah pilih kasih?*" Saya kata saya tak pernah memilih kasih. Saya kata, tunggu giliran masing-masing. Apabila sampai Dewan Negara, kita datang Dewan Negara sebab untuk Dewan Negara datang kepada Dewan Rakyat, dia timbul masalah.

Jadi apabila disuruh pakai pangkat, kita bergembira dan kita berseronok. Bagaimanakah ini kita hendak laksanakan tugas? Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, yang pertama, balik jumpa dengan Pengarah JPAM Negeri atau pun peringkat daerah, beritahu tentang kehadiran Yang Berhormat, sudah pasti Yang Berhormat akan bersama- dan setengah Yang Berhormat meminta buat latihan.

Saya sendiri pun minta buat latihan. Puak-puak polis pun boleh minta buat latihan. Saya hendak minta latihan untuk tangkap ular dan binatang berbisa. Saya bukan tahu, binatang berbisa ini sekejap sahaja. Saya pernah buat tebuan itu, mereka menunjukkan sedikitlah- ambil *Bygon*, selesai *on the spot*. Tidak payah tutup badan dan sebagainya. Jadi binatang berbisa hilang begitu sahaja.

Kemudian, ular ini penting sebab kita ada teknik sedikit sahaja sebab ular ini ia rabun. Jadi kalau badan kita bergerak, ia akan patuk kita. Akan tetapi kalau orang yang ada teknik, ular ini dia akan mengikut pergerakan, jadi kalau tangan kita boleh menari, dia patuk tangan, jadi tidak kena badan. Benda yang kecil sahaja. Hendak kena belajar itu sebab benda itu mudah tetapi apabila berlaku ular tedung selar datang di depan, masa itu kita akan panik dan kebanyakan orang panik, dia akan melarikan diri. Kalau kita lari, badan kita nampak pergerakan, jadi berlaku pengejaranlah.

Jadi, kita boleh juga belajar benda-benda yang lain yang kita akan minta Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Kolonel Kehormat beritahu apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat perlukan sebelum kita bagi taklimat seterusnya.

Apakah strategi untuk mengelakkan pengilang berpotensi terdedah kepada insiden? Jadi, latihan *chemical*, *biological* dan juga lain-lain lagi perlu diterapkan. Kita akan membuat latihan ini untuk kita terapkan kepada anggota JPAM.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak beritahu demikianlah perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh semua Ahli Dewan Negara. Cuma, sekali lagi saya nak betulkan daripada segi pengumuman komposisi kaum tadi. Secara maklumat tepatnya ialah Melayu bumiputera sebanyak 84 peratus, Cina sebanyak enam peratus, India sebanyak empat peratus dan lain-lain sebanyak enam peratus.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di sini bahawa setelah bersama dengan Dewan Negara ini sudah tiga tahun lebih, saya tengok kehebatan di sini ialah mereka menulis ucapan sehingga ucapan ini setengahnya berbentuk teknikal tetapi mereka menulis. Dengan itu, jawapannya saya terpaksa perincikan supaya dijawab secara bertulis.

Saya ucap tahniahlah sebab 'puak-puak' Senator ini kira- itu sebab nama Dewan Negara, *Upper House*. Kami ini *Lower House*. Jadi, oleh sebab "*Upper*", dia kena berfikiran *upper* sikit dan memang persidangan kali ini luar biasa sebab saya di antara orang yang lama jadi Ahli Parlimen sejak tahun 1986, jadi saya mengikuti perkembangan begini hebat yang berlaku. Dewan Negara sekarang ialah di antara yang terbaik.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat berpuasa dan selamat hari raya
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Banyak hari ini kita bincang dia punya *baby* itu, JPAM itu. Saya rasa semua sambutan pun amat baik. So, saya rasa ini juga membuat Menteri kita sangat puas hati dan kita jayakanlah usaha itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[**Fasal-fasal 1 hingga 15** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (YB Dato' Lee Chee Leong), dan diluluskan]

■1640

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih, cerita panjang tadi. Sebelum saya tangguhkan ini saya hendak sampaikan sedikit bahawa yang penting sekali apa yang kita dapat itu jadi pengalaman kita iaitu...

*Dari pulut menjadi tapai,
Dimakan musafir di lembah sana,
Ingat, kerana mulut badan tersadai,
Salah cakap buruk padahnya.*

Ingat orang politik ya.

*Rempah bukan sebarang rempah,
Rempah dari kampung Buluh,
Sembah bukan sebarang sembah,
Sembah menyusun jari sepuluh.*

Terima kasih, saya kepada semua yang hari ini banyak sangat sejarah iaitu saya nampak Ahli Yang Berhormat tunggu sampai akhirnya yang veteran pun ada ramai. Saya tengok ada tak orang muda tengok?

Beberapa Ahli: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada. Ada tak kita punya Yang Berhormat Tan Sri Nalla?

Beberapa Ahli: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa satu *team*, saya rasa senang hati. *Team* yang kuat [*Tepuk*] itu *team* yang kuat. Kita punya mantan, tak lama lagi Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim kita hendak bersara. Kita punya Kapten baru pun ada bersama, kalau tidak ada saya akan minta orang muda kita tanya dia, kenapakah dia tidak datang? Dia ada, tahniah juga, tepuk sedikit [*Tepuk*] Akhirnya, maaf zahir batin kalau ada salah.

*Orang Daik pulang ke Daik,
Sampai di Daik ditiup taufan,
Pada hari baik bulan yang baik,
Marilah kita bermaaf-maafan.*

Itu dia. Jadi seruan. Ingat, satu hari nama kita bersama. Ingat, budi baik kita, jasa kita sentiasa.

*Yang kurik kundi,
Yang merah saga,
Yang baik itu budi,
Yang indah itu bahasa.*

Akhirnya, saya hendak baca ini ucapan penghargaan saya di akhir Majlis.

Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya menanggung Dewan pada hari ini saya ingin memaklumkan bahawa ini merupakan mesyuarat yang terakhir untuk Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman yang akan tamat perkhidmatannya pada 26 September 2016. Bagi sedikit tepukan kepada dia yang berjasa [*Tepuk*] Kami doakan Yang Berhormat Tan Sri berjaya hidup dan terima kasih banyak.

Kedua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg yang akan tamat perkhidmatannya pada 18 Julai 2016 daripada keluarga perjuangan arwah ya.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar telah tamat perkhidmatannya pada 4 Jun 2016 yang lalu. Dia telah dianugerahkan Tan Sri, sama-sama dengan Tan Sri Nalla.

Oleh itu, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan atas sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan kepada Parlimen Malaysia khususnya Dewan Negara yang mulia ini.

Saya mendoakan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus berkhidmat untuk negara kita Malaysia. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat pulang ke kawasan masing-masing dan selamat hari raya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam dan jagalah diri pandu cermat, jiwa selamat. Ingat kepada yang kita kasih. Jadi ingat, jadi saya sekali lagi mengucapkan terima kasih banyak kerjasama yang diberikan oleh keluarga saya Ahli Yang Berhormat.

Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.47 petang.]